

**PARLIMEN KEDUA BELAS  
PENGKAL KEEMPAT  
MESYUARAT PERTAMA**

---

---

**Bil. 7**

**Rabu**

**27 April 2011**

---

**K A N D U N G A N**

<b>JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN</b>	(Halaman 1)
<b>RANG UNDANG-UNDANG:</b>	
Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2010) 2011	(Halaman 28)
Rang Undang-undang Tenaga Boleh Baharu 2010	(Halaman 95)
Rang Undang-undang Pihak Berkuasa Pembangunan Tenaga Lestari 2010	(Halaman 119)
<b>USUL:</b>	
Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat	(Halaman 45)

**AHLI-AHLI DEWAN NEGARA**

1. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang
2. Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Armani binti Haji Mahiruddin (Sabah)
3. “ Dato' Haji Abdul Rahim bin Haji Abdul Rahman (Dilantik)
4. “ Datuk Abdul Rahman bin Bakar (Dilantik)
5. “ Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop (Johor)
6. “ Tuan Ahmad bin Hussin (Perlis)
7. “ Tuan Haji Ahmad Rusli bin Haji Iberahim (Kelantan)
8. “ Datuk Akbar bin Ali (Melaka)
9. “ Tuan A. Kohilan Pillay a/l G. Appu (Dilantik) – *Senator*  
– *Timbalan Menteri Luar Negeri I*
10. “ Datuk Dr. Awang Adek Hussein (Dilantik) – *Senator*  
– *Timbalan Menteri Kewangan II*
11. “ Dato' Azian bin Osman (Perak)
12. “ Tuan Boon Som a/l Inong (Dilantik)
13. “ Datuk Chandrasekar Suppiah (Dilantik)
14. “ Puan Chew Lee Giok (Dilantik)
15. “ Dato' Daljit Singh Dalliwal (Dilantik)
16. “ Puan Hajah Dayang Madinah binti Tun Abang Haji Openg (Sarawak)
17. “ Dato' Donald Lim Siang Chai (Dilantik) – *Senator*  
– *Timbalan Menteri Kewangan II*
18. “ Puan Doris Sophia ak Brodi (Dilantik)
19. “ Datuk Hajah Fatimah binti Hamat (Terengganu)
20. “ Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah (Dilantik)
21. “ Tuan Gan Ping Sieu (Dilantik) - *Senator*  
– *Timbalan Menteri Belia dan Sukan I*
22. “ Puan Heng Seai Kie (Perak) – *Senator*  
– *Timbalan Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan II*
23. “ Dato' Haji Idris bin Haji Buang (Sarawak)
24. “ Dato' Sri Idris Jala (Dilantik) – *Senator*  
– *Menteri di Jabatan Perdana Menteri*
25. “ Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharum (Dilantik) – *Senator*  
– *Menteri di Jabatan Perdana Menteri*
26. “ Tan Sri Datuk Dr. Jins Shamsudin (Dilantik)
27. “ Tuan Khoo Soo Seang (Johor)
28. “ Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon (Dilantik) – *Senator*  
– *Menteri di Jabatan Perdana Menteri*
29. “ Tuan Lee Cheam Choon (Melaka)
30. “ Datuk Maglin a/l Dennis D'Cruz  
– *Timbalan Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan II*
31. “ Datuk Maijol Mahap (Sabah)

32. Yang Berhormat Dr. Malasingam a/l Muthukumaru (Dilantik)
33. “ Puan Mariany binti Mohammad Yit (Dilantik)
34. “ Dato’ Dr. Mashitah binti Ibrahim (Dilantik) – *Senator – Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri*
35. “ Dato’ Maznah binti Mazlan (Dilantik) – *Senator – Timbalan Menteri Sumber Manusia*
36. “ Tuan Mohamad Ezam bin Mohd. Nor (Dilantik)
37. “ Dato’ Mohammed Najeeb bin Abdullah (Negeri Sembilan)
38. “ Dato Sri Dr. Mohd. Effendi bin Norwawi (Dilantik)
39. “ Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad (Perlis)
40. “ Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin (Kedah)
41. “ Tuan Muhammad Olian bin Abdullah (Dilantik)
42. “ Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi (Kelantan)
43. “ Dato’ Mustafa Kamal bin Mohd. Yusoff (Pulau Pinang)
44. “ Tuan Ng Fook Heng (Pahang)
45. “ Datin Paduka Datuk Nor Hayati binti Tan Sri Dato’ Seri Onn (Dilantik)
46. “ Puan Hajah Noriah binti Mahat (Dilantik)
47. “ Dato’ Palanivel a/l K. Govindasamy (Dilantik)
48. “ Tuan Pau Chiong Ung (Dilantik)
49. “ Datuk Paul Kong Sing Chu (Dilantik)
50. “ Dato’ Raja Nong Chik bin Dato’ Raja Zainal Abidin (Dilantik) – *Senator – Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar*
51. “ Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah (Selangor)
52. “ Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid (W.P. Kuala Lumpur)
53. “ Dato’ Sri Shahrizat binti Abdul Jalil (W.P. Putrajaya) – *Senator – Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat*
54. “ Datuk Subbaiyah a/l Palaniappan (Dilantik)
55. “ Dr. Syed Husin Ali (Selangor)
56. “ Tan Sri Datuk Tee Hock Seng (Dilantik)
57. “ Tunku Abdul Aziz bin Tunku Ibrahim (Pulau Pinang)
58. “ Puan Usha Nandhini a/p S. Jayaram (Dilantik)
59. “ Datuk Hajah Wan Hazani binti Haji Wan Mohd. Nor (Dilantik)
60. “ Dato’ Dr. Yeow Chai Thiam (Negeri Sembilan)
61. “ Puan Hajah Zainun binti A. Bakar (Terengganu)
62. “ Dato’ Zaitun binti Mat (Pahang)
63. “ Ir. Haji Zamri bin Haji Yusuf (Kedah)

**DEWAN NEGARA**

**Ketua Pentadbir Parlimen**

Dato' Ngah Senik

**Setiausaha Dewan Negara**

Datuk Zamani Haji Sulaiman

**Petugas-Petugas Penyata Rasmi (*Hansard*)**

Azhari bin Hamzah

Monarita binti Mohd Hassan

Rosna binti Bujairomi

Hajah Supiah binti Dewak

Nurziana binti Ismail

Suriyani binti Mohd. Noh

Aisyah binti Razki

Yoogeswari a/p Muniandy

Nor Liyana binti Ahmad

Zatul Hijanah binti Yahya

Sharifah Nor Asilah binti Syed Basir

Nik Nor Ashikin binti Nik Hassan

Hafilah binti Hamid

Siti Norhazarina binti Ali

Mohd. Shahrul Hafiz bin Yahaya

Mulyati binti Kamarudin

Ganesan a/l Nanthan

Nor Hamizah binti Haji Hassan

Azmir bin Mohd Salleh

Nur Nazihah binti Mohd. Nazir

Noraidah binti Manaf

Mohd. Fairus bin Mohd. Padzil

Mohd. Zaidi bin Mahmood

Mohd. Izwan bin Mohd. Esa

Hazrul bin Sharif

Nurul Aishah binti Sha'arin

Nor Kamsiah binti Asmad

Siti Zubaidah binti Karim

Aifarina binti Azaman

Noorfazilah binti Talib

Farah Asyraf binti Khairul Anuar

Julia binti Mohd. Johari

Ainuddin bin Ahmad Tajuddin

**MALAYSIA****DEWAN NEGARA****Rabu, 27 April 2011****Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi****DOA**[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

---

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN****1. Datuk Akbar bin Ali** minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) jumlah nilai pelaburan dan ekuiti bumiputera, bukan bumiputera dan warga asing yang telah masuk ke dalam ekosistem ekonomi negara ini sejak syarat-syarat FIC dilonggarkan dan liberalisasi subsektor perkhidmatan diperkenalkan pada tahun 2009 sehinggalah pada akhir Mac 2011; dan
- (b) nyatakan kemajuan yang telah dicapai oleh Ekuinas dari segi pemilihan syarikat dan ekuitinya sejak ia ditubuhkan hinggalah akhir Mac 2011.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy]:** Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat. Berikutan dengan pembubaran Jawatankuasa Pelaburan Asing, *Foreign Investment Committee* (FIC) dengan izin mulai 30 Jun 2009, tanggungjawab bagi memantau dan menguatkuasakan sebarang peraturan termasuk yang berkaitan dengan pematuhan syarat ekuiti adalah di bawah kementerian, agensi kerajaan yang berkaitan selaku pengawal selia sektor, sub sektor berkaitan. Berdasarkan maklumat yang diperoleh daripada Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (MIDA), anggaran jumlah pelaburan dalam sektor pengilangan bagi sepanjang tahun 2009 sehingga 20 Februari 2011 adalah sebanyak RM86.625 bilion. Daripada jumlah ini, nilai pelaburan asing adalah yang terbesar iaitu sebanyak 62 peratus diikuti dengan bukan bumiputera 20 peratus, bumiputera 14 peratus dan agensi kerajaan iaitu syarikat diperbadankan 4 peratus.

Berbanding dengan sektor perkhidmatan yang menerima sebanyak RM66.085 bilion pelaburan bagi tempoh 2009 sehingga September 2010. Pelaburan domestik mendahului pelaburan asing di mana 90 peratus nilai pelaburan adalah dari sumber domestik.

Tuan Yang di-Pertua, soalan yang kedua, Ekuiti Nasional Berhad (Ekuinas) adalah syarikat pengurusan ekuiti persendirian berkaitan kerajaan bertujuan untuk meningkatkan penglibatan golongan bumiputera di dalam bidang ekonomi. Ekuinas berperanan serta bertanggungjawab mengurus dana daripada sumber kerajaan dan juga menarik dana daripada sumber luar melalui pelaburan bersama dengan syarikat ekuiti persendirian lain atau melalui program pelaburan penyaluran luar atau dengan izin, *outsourcing* iaitu daripada sumber-sumber luar.

Antara objektif utama penubuhan Ekuinas adalah untuk membuat pelaburan di dalam syarikat berpotensi besar, berdasarkan prinsip telus, mesra pasaran serta merit. Ekuinas mendukung prinsip menyokong pemenang atau *backing winners*, di mana Ekuinas menumpukan pelaburan di dalam syarikat beroperasi yang mempunyai prestasi mantap serta menunjukkan potensi untuk berkembang ke peringkat seterusnya. Berdasarkan prinsip ini, pelaburan yang dibuat dijangka akan dapat memberi impak lebih besar dalam meningkatkan nilai dan seterusnya pemegang ekuiti bumiputera di dalam ekonomi Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, Ekuinas telah menerima dana permulaan sebanyak RM500 juta daripada kerajaan dan berbekalkan modal awal ini, Ekuinas telah menubuhkan dua tabung pertamanya, iaitu *Ekuinas Direct Tranche 1 Fund*, untuk pelaburan langsung dan *Ekuinas Outsource Tranche 1 Fund*, pelaburan penyaluran luar, masing-masing dengan saiz dana terikat sebanyak RM1 bilion dan RM400 juta.

Sehingga Mac 2011, Ekuinas telah menerima modal tambahan sebanyak RM300 juta lagi. Sejak beroperasi pada bulan September 2009, Ekuinas telah membuat empat pelaburan langsung bagi pengetahuan Yang Berhormat, berjumlah RM483 juta yang membolehkan suntikan modal pelaburan sebanyak RM603 juta ke dalam ekonomi negara. Jangka masa pelaburan Ekuinas dalam sesebuah syarikat adalah antara tiga hingga lima tahun dan dalam tempoh tersebut, Ekuinas akan melaksanakan pelan meningkatkan nilai atau dengan izin, *value creation plan* bagi setiap syarikat pelaburan. Syarikat-syarikat yang dilabur ialah:

- (i) Alliance Cosmetic Group – untuk menjadikannya sebuah syarikat kosmetik pasaran umum terkemuka di rantau ini;
- (ii) Tanjung Offshore Berhad – untuk menjadikannya sebuah syarikat penyedia perkhidmatan minyak dan gas luar pesisiran tempatan terkemuka di Malaysia;
- (iii) Konsortium Logistik Berhad – untuk menjadikannya sebuah syarikat penyedia perkhidmatan logistik bersepadu di Malaysia; dan
- (iv) Kumpulan pendidikan APIIT/UCTI – untuk menjadikannya sebuah syarikat penyedia pendidikan bersepadu di Malaysia.

Ini selaras dengan 12 sektor ETP yang diajukan. Pelan jangka panjang yang mapan akan memberi tumpuan kepada usaha meningkatkan kecekapan keupayaan kumpulan pengurusan bumiputera dan perancangan strategik korporat ke arah memantapkan pencapaian daya saing dan daya tahan syarikat berpotensi yang terpilih. Dalam masa yang sama, program penyaluran luar Ekuinas telah berjaya mengumpulkan dana sebanyak RM513 juta menerusi tiga syarikat atau firma ekuiti persendirian yang dilantik *CIMB Private Equity*, *KFH Asset Management* dan *Navis Capital Partners* termasuk RM113 juta yang berjaya di kumpul dari pelabur persendirian di mana sebahagian besar diperoleh daripada luar negara.

## ■1010

Kejayaan tersebut jelas menunjukkan pendekatan kerjasama awam dan swasta *private-public partnership* yang dialu-alukan oleh pihak kerajaan. Aktiviti pelaburan bagi program ini dijangka bermula pada tahun 2011 memandangkan dana bagi program ini sedia untuk dilabur serta-merta sepanjang tempoh tiga tahun akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan prestasi pada tahun 2010, Ekuinas berkeyakinan tinggi bahawa pelaburan-pelaburan yang telah dijalankan akan menunjukkan kejayaan yang cemerlang. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Akbar bin Ali:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih di atas penjelasan yang telah diberikan oleh Yang Berhormat Dato' Devamany dengan kelancaran dan statistiknya tadi. Pertama saya ucap tahniah kepada kerajaan kerana telah berjaya. Pasal dia berjaya kita kena ucap tahniah. Akan tetapi kadang-kadang kalau hendak dapat perhatian kerajaan ini Tuan Yang di-Pertua kena kritik baru dapat perhatian, kalau puji-puji ini nampak tidak dapat perhatianlah. Namun demikian saya tidak terpenggil untuk mengkritik.

Saya merakamkan setinggi-tinggi tahniah kerana kejayaan meningkatkan pemilikan bukan sahaja bumiputera tetapi kaum Cina di mana ekuiti pada tahun 1970 meningkat daripada 2.4 peratus kepada 21.9 peratus untuk bumiputera dan orang Cina daripada 34 peratus kepada hampir 37 peratus dan sebagainya. Namun demikian berdasarkan angka-angka Yang Berhormat telah memanfaatkan di Dewan yang mulia ini, saya bimbang dalam tempoh terdekat dan akan datang berdasarkan konsep liberalisasi tadi dan saya tidak kata ia 100 peratus salah, tetapi berteraskan kepada apa yang termaktub dalam RMKe-10 ini dan berakarkan DEB, salah satu ciri penting ialah ingin merapatkan jurang dan mencapai ekuiti yang dikatakan 30 peratus tadi. Melihat angka yang sungguh besar maksudnya ialah daripada asing dan bukan dari bumiputera.

Apakah unjuran Yang Berhormat di masa akan datang berdasarkan prestasi ini 62 peratus asing, 42 peratus bukan bumiputera dan hanya 14 peratus bumiputera? Dalam masa yang sama Ekuinas tidak menampakkan prestasi yang diharapkan kerana sekadar RM603 juta dari segi *value* yang disebutkan tadi, maka tidakkah pada pandangan Yang Berhormat bahawa jurang dari segi ekuiti ini akan terus melebar apatah lagi PNB sendiri pemilikan saham bumiputera telah merosot...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, ringkas Yang Berhormat.

**Datuk Akbar bin Ali:** Merosot daripada 88 peratus ke 81 peratus pada tahun 2009. Jadi saya hendak dapatkan kepastian Yang Berhormat, tidakkah jurang ini akan melebar. Kalau melebar bagaimana hendak diatasi. Yang kedua malam tadi Yang Berhormat ada sebut Ekuinas bertujuan menguasai *the supply chain* keseluruhan rangkaian dan juga *management control* oleh bumiputera melalui Ekuinas. Tolong gambarkan secara realistik berdasarkan *facts and figures*, dengan izin kerana jawapan tadi belum mencakupi aspek ini. Terima kasih.

**Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy:** Tuan Yang di-Pertua. Saya ucapkan terima kasihlah. Akan tetapi banyak soalan tiga lapisan yang dipertanyakan.

Pertama itu bagaimanakah pencairan ekuiti bumiputera akan berlaku sekiranya dibiarkan pelabur asing merupakan agenda penting 62 peratus. Banyak agenda dibuat untuk memastikan bahawa perkara itu dapat ditangani. Akan tetapi sebelum kita menangani isu itu elok diperkatakan bahawa dalam ekonomi global yang semakin sengit kita tidak boleh menerima hakikat, kita mesti menerima hakikat bahawa kita mesti menjadi pemain *global, we must be a global player*, dengan izin. Tidak boleh lagi kita menjadi *player* di Malaysia sahaja.

Maka keupayaan kita untuk mengantarabangsakan syarikat kita perlu dilakukan secara agresif. Untuk itu kita kena sentiasa melihat balik kepada Model Baru Ekonomi. Apakah Model Baru Ekonomi, kita masuk kepada *high income nations*. Bila kita hendak jadi *high income nation* bahawa industri sektor yang kita terlibat itu mestilah *innovative, creative and knowledge based*. Tidak boleh lagi macam dahulu *service base* ataupun benda-benda yang kecilan kita buat. Ini kerana India dan negeri China sudah bersaing untuk menjadi pengeluar yang murah.

Maka dalam keadaan perubahan iklim ekonomi ini, kita terpaksa mungkin *has smart partnership* dengan orang luar. Maka dalam konsep itu bagaimanakah golongan bumiputera dapat melibatkan diri. Itu sebabnya kita nampak kita *leveraging* dengan syarikat-syarikat besar seluruh dunia. Bawa mereka ke sini *transfer technology* pengurusan kita dan sebagainya. Itu yang pertama. *So*, senario global kita kena tahu, itu yang pertama.

Kedua seperti yang dikatakan tadi, saya tidak ada angka-angka untuk menunjukkan *supply chain* yang dibawa Ekuinas ini. Ekuinas ini baru bayi, baru dilahirkan pada penghujung tahun 2009, baru kita lebih kurang satu setengah tahun. Dalam proses ini kita sudah pun menampakkan ada syarikat-syarikat melabur dan akan diperluaskan lagi. Apa yang penting sekali bukan mengambil ekuiti sahaja, tetapi membina keupayaan *capacity buildings* kita terhadap keupayaan bumiputera menjadi *corporate leaders* yang unggul. Itu perlu dilakukan.

Selepas itu ialah bagaimana syarikat-syarikat kecil yang menerajui syarikat besar ini dapat diperkukuhkan dengan agenda bumiputera. Itu satu lagi yang perlu kita lakukan. Ini yang dibuat untuk memastikan bahawa seluruh *value change* itu dari atas ke bawah dapat diperkasa.

Ketiga adalah *smart partnership* di dalam dan luar negara antara orang Cina dengan orang Melayu, orang Melayu dengan orang India, ini yang penting kerana sudah ada kes-kes yang berjaya Malaysia. Maka inilah beberapa, saya mungkin tidak dapat menjawab segala. Sekiranya Yang Berhormat ingin tahu lebih lanjut tolong jumpa saya, mungkin saya boleh bekalkan beberapa butiran yang lebih lanjutlah. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Abdul Rahman bin Bakar:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu sejauh manakah kemajuan dan pencapaian sokongan seperti dalam bentuk kewangan atau lain-lain dari sumber luar kepada Ekuinas jika dibandingkan daripada sumber kerajaan yang disebutkan tadi sejumlah RM500 juta melalui dua cara. Satu lagi selamat datang kepada pelajar-pelajar dan guru-guru Sekolah Menengah Rusila, Marang Terengganu, Parlimen saya... *[Tepuk]*

**Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy:** Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat. Soalannya memang relevan.

Adakah kita hanya akan bergantung kepada dana kewangan daripada kerajaan ataupun akan diadakan agenda menjuruterakan dana daripada *private sector* untuk memperkukuhkan. Memang dan sudah pun ada perkembangan walaupun ia merupakan satu agenda yang baru dimulakan untuk membawa dana dari luar *smart partnership*. Maka mungkin di peringkat ini saya tidak mempunyai data-data kerana ianya begitu terkini. Maka kita tunggu beberapa masa untuk kita menunjukkan bahawa dana permulaan itu adalah *the starting point*, maka kita berharap Ekuinas dengan sendirinya akan menjana dana daripada *private sector* untuk menjayakan agenda mereka. Terima kasih.

**2. Tan Sri Datuk Tee Hock Seng** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan, perancangan kementerian membina Projek Perumahan Rakyat (PPR) berhampiran stesen MRT untuk kemudahan penduduk dan menggalakkan penggunaan sistem pengangkutan awam khususnya di Lembah Klang.

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Seri Panglima Haji Lajim bin Haji Ukin]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat sememangnya menjadi hasrat Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan untuk melaksanakan Program Perumahan Rakyat (PPR) berdekatan dengan kemudahan seperti LRT, komuter dan jalan raya. Ini kerana langkah ini akan membolehkan penghuni di rumah PPR menikmati kemudahan pengangkutan awam yang baik.

■1020

Namun, memandangkan kuasa untuk menentukan tanah bagi pelaksanaan Projek PPR adalah di bawah bidang kuasa kerajaan negeri. Maka, bagi melaksanakan perancangan sedemikian, kementerian perlu mendapatkan cadangan tepat tapak yang lebih bersesuaian daripada kerajaan negeri. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Dipersilakan Yang Berhormat Ir. Haji Zamri bin Haji Yusuf.

**Ir. Haji Zamri bin Haji Yusuf:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua di atas peluang ini. Ingin saya tanyakan soalan tambahan kerana ini satu kemudahan yang penting. Cumanya berkaitan dengan PPR itu perlu ada rundingan atau pun kerjasama kuat daripada kerajaan negeri untuk dapatkan tempat. Apakah pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan bercadang yang menggunakan kuasa kementerian sendiri untuk perumahan projek dipanggil rumah mampu milik atau rumah mampu beli pada harga yang lebih sesuai dengan penduduk sekitar kawasan stesen MRT ini. Terima kasih.

**Datuk Seri Panglima Haji Lajim bin Haji Ukin:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih di atas soalan tambahan. Memang kementerian dan juga kerajaan akan membina rumah-rumah yang akan dimiliki sebab pada masa kini rumah PPR ini adalah merupakan satu program sewaan di mana mereka yang akan menyewa ini adalah pertamanya orang-orang yang kita pindahkan daripada setinggan-setinggan.

Keduanya, orang-orang yang transit. Mungkin mereka ini berasal dari negeri-negeri lain tetapi bertugas atau menjalankan perniagaan di Kuala Lumpur secara kecil-kecilan maka mereka ini adalah di antara yang layak untuk menyewa rumah PPR. Sementara mampu milik ialah untuk dimiliki di mana kita akan membina rumah-rumah tersebut dan akan dijual terus kepada pihak yang ingin atau pun yang mempunyai kelayakan untuk membeli rumah-rumah mampu milik. Ini juga perlu ada perbincangan dengan kerajaan-kerajaan negeri sebabnya kita juga tidak membina di kawasan-kawasan yang tidak ada *demand*, permintaan atau tidak mempunyai prasarana seperti pertanyaan dikemukakan oleh Yang Berhormat Senator sebentar tadi bahawa mestilah di kawasan-kawasan yang cukup prasarana. Ada LRT, jalan raya, bas atau pun pengangkutan awam, dan juga kemudahan-kemudahan lain. Jadi, ini di antara pendekatan terbaru kerajaan supaya rakyat bukan sahaja duduk di rumah PPR atau di rumah mampu milik tetapi juga menikmati kemudahan seperti yang dinikmati oleh mereka yang tinggal di dalam kawasan bandar. Terima kasih.

**Datuk Subbaiyah a/l Palaniappan:** [Bangun]

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tan Sri Datuk Tee Hock Seng tidak mahu tambahankah? Jikalau tidak - Silakan, kita beri *priority* kepada soalan Yang Berhormat Tan Sri berikan.

**Tan Sri Datuk Tee Hock Seng:** Okey, *thank you* jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Akan tetapi saya tahu ini PPR hutang kontraktor hampir RM600 *million*. *How to solve this problem and how to settle* hutang mereka? *It is about RM600 million all to the contractor.*

**Datuk Seri Panglima Haji Lajim bin Haji Ukin:** Tuan Yang di-Pertua, saya kurang faham tentang hutang yang RM600 *million* ini sama ada mungkin Yang Berhormat Tan Sri kalau rumah PPR kita tidak berhutang kepada kontraktor sebab kita ada sediakan bajet. Katakan kita mahu bina seribu unit, kalau dia 120,000 per unit kita ada 120 juta tersedia dalam peruntukan kita di mana kontrak kita akan sain. Jadi, tidak berkemungkinan bahawa rumah PPR yang dibangunkan oleh kontraktor kita berhutang kecuali bahawa pemaju atau kontraktor ini bermasalah, kita *stop payment* sebab kita tidak mahu berulang beberapa rumah PPR yang kita bina di seluruh negara berlakunya kelewatan, *abandoned* dan sebagainya. Akan tetapi mungkin Yang Berhormat Tan Sri beri maklumat kepada saya di dalam Dewan ini atau pun di luar Dewan kemudian. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, betul.

**3. Dr. Malasingam a/l Muthukumar** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan, apakah pihak polis kini mempunyai kelengkapan peralatan serta infrastruktur yang cukup bagi melaksanakan tanggungjawab mereka dalam menjaga keamanan negara, memandangkan masih dapat kita lihat banyak balai polis yang tidak menyediakan bilangan komputer yang munasabah untuk kegunaan pengadu khasnya dalam menyampaikan perkhidmatan mereka.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri II [Datuk Lee Chee Leong]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Dr. Malasingam a/l Muthukumar yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, kelengkapan peralatan serta infrastruktur yang mencukupi sememangnya sangat diperlukan bagi membantu polis menyampaikan perkhidmatan dan pelaksanaan tugas menjaga keamanan negara. Berdasarkan kepada pertambahan keanggotaan PDRM serta keperluan sistem aplikasi dari semasa ke semasa, pembekalan perkakasan ICT PDRM adalah wajar ditambah bagi menyokong tugas-tugas kepolisan. Saya juga ingin menjelaskan bahawa keperluan asas komputer dan kelengkapan peralatan serta infrastruktur di balai-balai polis sentiasa diutamakan bagi memastikan PDRM dapat terus memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada masyarakat.

Selain itu, buat masa kini PDRM turut menyediakan sebuah komputer riba bagi setiap pegawai penyiasat jenayah di Semenanjung dan ia turut akan diperluaskan kepada pegawai-pegawai penyiasat jenayah di Sabah dan Sarawak. Manakala di kawasan Lembah Klang pula, pihak PDRM telah pun melaksanakan rondaan kereta peronda MPV yang dilengkapi dengan sebuah komputer riba bagi memudahkan laporan dihantar ke pusat kawalan. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalan tambahan dipersilakan Yang Berhormat Dr. Malasingam a/l Muthukumar.

**Dr. Malasingam a/l Muthukumar:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Timbalan Menteri atas jawapan yang jelas. Saya melihat bahawa kemahiran individu juga menjadi salah satu aspek penyampaian perkhidmatan yang mantap dalam memperkasakan perkhidmatan polis. Apakah usaha kementerian dalam memastikan kepakaran di kalangan anggota sentiasa diasah dan dipertingkatkan terutamanya dari segi pentadbiran, khidmat pelanggan, komunikasi dan sebagainya. Ini kerana mereka ini sering bertukar jabatan dalam pasukan PDRM. Terima kasih.

**Datuk Lee Chee Leong:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya soalan asal dia ini adalah berkenaan kelengkapan peralatan serta infrastruktur PDRM dan soalan tambahan Yang Berhormat agak berbeza sedikit. Namun, saya rasa masih lagi berkaitan. Sememangnya kemahiran individu juga menjadi salah satu aspek penyampaian perkhidmatan yang mantap dalam memperkasakan perkhidmatan polis. Dalam hal ini, PDRM sentiasa berusaha untuk memberi kemahiran kepada anggota-anggota terutama yang berurusan di perkhidmatan kaunter untuk memberi perkhidmatan yang terbaik kepada masyarakat. Justeru, PDRM telah mengambil langkah-langkah seperti berikut. Pertama Kursus Perkhidmatan Kaunter telah dijadikan KPI kepada polis negara di mana sasaran pencapaian ialah 20 peratus daripada petugas kaunter dikehendaki menghadiri kursus ini. Kedua, kebergantungan Kursus Perkhidmatan Kaunter adalah mantap, mengandungi subjek-subjek seperti Khidmat Pelanggan, Komunikasi Berkesan dan juga Pentadbiran Polis. Subjek-subjek lain adalah Kaunseling, Motivasi dan Organisasi.

Ketiga pada tahun 2010, PDRM telah mengadakan sebanyak 235 kursus seumpama ini dengan jumlah peserta seramai 10,958 orang anggota. Ketiga, kursus-kursus berkenaan inisiatif NKPI, NKRA juga diadakan menjurus kepada aspek pencapaian perkhidmatan kepada masyarakat seperti *stop and top*, *face to face reporting*, *time triage service at police station*.

Keempat, latihan dalam perkhidmatan juga diadakan di peringkat kontinjen di mana mereka yang baru bertukar ke sesuatu jawatan akan diberi tunjuk ajar oleh pegawai penyelia masing-masing. Pegawai penyelia di kaunter lazimnya berpangkat sarjan dan berpengalaman luas. Sekian, terima kasih.

■1030

**Dato' Haji Ahmad Rusli bin Haji Ibrahlim:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Daripada pengamatan saya, beberapa kelengkapan sama ada daripada segi infrastruktur dan juga daripada segi kemudahan-kemudahan lain di balai-balai polis di negara kita ini kelihatan masih lagi di tahap yang agak tidak memberangsangkan. Misalnya daripada sudut infrastruktur, kita lihat balai-balai polis yang ada ini dalam berkeadaan yang tidak bercat, lusuh dan sebagainya, yang tidak menggambarkan suatu suasana keadaan balai polis yang sesuai dengan moto perkhidmatan polis. Begitu juga daripada segi pengkomputeran di balai-balai polis, masih lagi agak kekurangan dan tidak mencapai suatu tahap yang memberangsangkan.

Persoalan yang kedua Tuan Yang di-Pertua, ialah apakah kerajaan mengkaji perlunya suatu peningkatan yang lebih terutama sekali di peringkat asas di dalam keadaan sekarang, misalnya baru ini terlibat pembayaran saman trafik misalnya yang mana kita lihat suatu kelemahan menjadikan suatu sistem kita agak kelim kabut di saat-saat akhir.

Yang ketiganya ialah kemalangan atau *accident*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, kita lihat terpaksa mengambil masa yang agak lama. Apakah ini suatu kekurangan daripada segi *cameraman* ataupun kelengkapan dan sebagainya yang mengizinkan perkara-perkara ini berlaku? Mohon izin daripada kerajaan untuk menjawab dan mempertingkatkan lagi kalau boleh. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Lee Chee Leong:** Tuan Yang di-Pertua, PDRM memang menghadapi masalah kekurangan peralatan atau infrastruktur di mana sehingga kini, jumlah peralatan komputer yang dibekalkan adalah sebanyak 35,182 unit berbanding kekuatan anggota seramai 123,663 orang. Permohonan bagi menambah peralatan ICT telah dimohon setiap tahun melalui Anggaran Belanja Mengurus tahun 2008 dan 2009 di bawah dasar *One-Off* berjumlah RM50 juta tetapi kelulusan yang diperoleh hanya RM5 juta sahaja. Manakala melalui RMKe-10 berjumlah RM100 juta telah ditolak tetapi pihak PDRM mengemukakan permohonan lagi.

Mengenai soalan tentang laporan kemalangan trafik. Untuk makluman Yang Berhormat, di bawah inisiatif NKRA, pihak kerajaan telah meluluskan sejumlah RM5 juta untuk melaksanakan aplikasi *One Reporting*. Aplikasi ini mampu mengintegrasikan sistem laporan polis (PIS) dengan *car reporting system* di mana *report* jenayah atau *report* trafik boleh dibuat di mana-mana balai polis oleh orang awam. Sekian, terima kasih.

4. **Datuk Hajah Fatimah binti Hamat** minta Perdana Menteri menyatakan, jumlah penceraihan di kalangan pasangan Islam mengikut negeri bagi tahun 2009 dan nyatakan langkah-langkah kerajaan khususnya Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) bagi mengatasi masalah jumlah penceraihan di kalangan pasangan Islam ini yang terus meningkat setiap tahun khususnya di kalangan golongan muda.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim]:** *Walaikumussalam warahmatullaah* Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Dewan yang mulia, berdasarkan rekod yang dikumpulkan oleh JAKIM, jumlah pendaftaran perkahwinan di seluruh Malaysia pada tahun 2009 adalah seramai 135,136 orang dan jumlah pendaftaran cerai adalah sebanyak 27,116. Daripada jumlah ini, 3,233 adalah kes rujuk yang didaftar pada tahun yang sama. Bagi statistik negeri yang dipohon oleh Yang Berhormat, daripada 15 buah negeri, Selangor mencatatkan penceraian yang tertinggi dengan kes sebanyak 4,614, diikuti negeri Kedah sebanyak 2,749 kes dan diikuti oleh Johor sebanyak 2,578 kes dan juga negeri Kelantan sebanyak 2,478 kes, Negeri Sembilan sebanyak 1,243 kes, Pahang sebanyak 1,959 kes. Secara *detail* untuk 15 buah negeri ini saya akan beri kepada Yang Berhormat secara bertulis Tuan Yang di-Pertua, untuk diteliti.

Antara langkah-langkah yang diambil oleh pihak kerajaan bagi mengatasi masalah ini ialah dengan memperbanyakkan program kekeluargaan Islam, memantapkan penghayatan Islam dalam kehidupan ummah dan juga menggubal modul kursus praperkahwinan Islam. Terima kasih.

**Datuk Hajah Fatimah binti Hamat:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri di atas jawapan yang diberikan. Amat memeranjatkan dan membimbangkan apabila purata pasangan Islam yang bercerai di negara ini mencatatkan rekod satu pasangan setiap 15 minit. Soalan tambahan saya, sejauh manakah kursus pra perkahwinan berkesan membendung masalah perkahwinan khususnya di kalangan pasangan muda dan adakah kerajaan bercadang mengkaji modul kursus pra perkahwinan ini supaya menekankan juga aspek akidah selain daripada ibadat dan akhlak dalam membentuk hubungan perkahwinan. Yang kedua, apakah langkah JAKIM bagi meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai kebaikan memelihara kerukunan rumah tangga dan mengelak penceraian? Adakah kerajaan bercadang menganjurkan kursus bagi pasangan yang telah berumah tangga lebih 10 atau 20 tahun bagi mengelakkan penceraian? Terima kasih.

**Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim:** Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya apabila kita melihat kepada statistik bahawa setiap 15 minit ada satu penceraian, kita tidak perlu merasa terkejut kerana penceraian ini bukanlah sesuatu yang sangat buruk dan bukan masalah, bahkan penceraian sebenarnya adalah satu perkara yang halal dan merupakan penyelesaian kepada rumah tangga yang bermasalah dan penceraian ini berlaku di kalangan mereka yang ada pendidikan, yang tak berpendidikan bahkan yang profesional.

Jadi pertanyaan Yang Berhormat sama ada kursus pra perkahwinan ini perlu diperbaiki, sebenarnya Yang Berhormat, kursus pra perkahwinan yang diwajibkan kepada pasangan ini cumalah selama dua hari sahaja. Kita melihat kursus ini adalah sebagai satu pembuka jalan untuk memberi kesedaran kepada pasangan betapa pentingnya untuk mempersiapkan diri bagi melayari sebuah bahtera tetapi ia tidak boleh melengkapkan pasangan tersebut dengan semua ilmu yang boleh dibekalkan untuk menghadapi kehidupan berumah tangga.

Kita berharap selepas daripada kursus pra perkahwinan, pasangan akan meneruskan lagi untuk menambahkan ilmu di tempat-tempat lain seperti surau, masjid dan juga kelas-kelas pengajian. Kajian telah dibuat tentang keberkesanan modul ini pada tahun sudah dan ianya memang berkesan. Akan tetapi sebenarnya ia tidak mencukupi bahkan pasangan perlu untuk memperluaskan diri dengan lebih baik lagi.

Berkenaan dengan pertanyaan Yang Berhormat tentang apa yang telah kita buat untuk masyarakat menjaga kebaikan, memelihara kerukunan rumah tangga, saya telah sebutkan dalam jawapan yang pertama tadi, kita telah mengadakan kursus-kursus tetapi sebahagian besar daripada yang hadir ini hanyalah daripada para isteri sahaja. Jadi kita berharap kesedaran ini akan bertambah daripada semasa ke semasa. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Ahmad bin Hussin:** Terima kasih kepada Timbalan Menteri yang jawab. Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Subjek ini saya cukup minatlah.

#### ■1040

Dalam zaman *internet* ini, kita lihat bahawa perceraian apabila adanya *facebook*. Ia apabila kenangan cinta pertama Yang Berhormat, kawan lama. Walaupun anak sudah ramai, buka-buka *facebook*, "*Wah! Cun lagi*". Ini satu masalah penyalahgunaan internet. Saya harap kerajaan perlu beri perhatian serius memberikan pendidikan kepada yang sudah berkahwin dan yang belum berkahwin. Itu yang pertama.

Kedua, kita sudah menswastakan. Hendak mendapatkan sijil sebelum kahwin, kita swastakan. Swasta ini tidak akan buat kerja Tuan Yang di-Pertua. Dia untuk kutip duit sahaja. Saya harap kerajaan ambillah semula. Ini tanggungjawab besar. Di Akhirat esok kita hendak jawab, bukan swasta hendak jawab. Kerajaan yang bertanggungjawab. Mesti ambil. Dua hari tidak cukup. Buat seminggu. Orang hendak kahwin tetap dia hendak. Itu yang kedua. Ketiga...

**Tuan Yang di-Pertua:** Banyak ini Yang Berhormat.

**Tuan Ahmad bin Hussin:** Ini penting. Ini nombor satu Tuan Yang di-Pertua... *[Ketawa]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Okey. Saya beri.

**Tuan Ahmad bin Hussin:** Terima kasih. Ketiga, kita ini sudah terlampau moden, masuk meminang. Akan tetapi, apabila bercerai, SMS sahaja. Saya sedihlah. Kasihan kepada wanita-wanita ini. Saya pembela wanita. Sekian, terima kasih... *[Ketawa]* *[Tepuk]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang menjawab itu pun kenalah. Eloklah. Memang dia pakar. Silakan Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim:** Terima kasih kepada Yang Berhormat, Yang membela kaum wanita. Kalau ramai Yang Berhormat, orang laki-laki seperti Yang Berhormat, memang selamatlah kaum wanita ini... *[Tepuk]* Yang Berhormat membangkitkan tadi tentang salah satu daripada faktor perceraian adalah masalah media baru seperti *facebook* dan sebagainya. Kita telah membuat kajian, Yang Berhormat. Sebenarnya kalau dilihat pada faktor-faktor perceraian, banyak seperti tiada persefahaman, masalah nafkah, lemah tenaga batin, kewangan, panas baran, tidak bertanggungjawab dan sebagainya dan unsur *facebook* itu cuma hanya sebahagian kecil sahaja, Yang Berhormat.

Kita telah memberikan satu pendidikan yang serius kepada yang hendak berkahwin, yang belum berkahwin tetapi Yang Berhormat apabila kita menswastakan kursus praperkahwinan ini, memang ada pemantauan daripada pihak kerajaan. Dengan kerjasama daripada pihak Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN), kita melihat kursus-kursus yang dianjurkan oleh pihak-pihak swasta. Tadi Yang Berhormat menyebut bahawa dicadangkan supaya dilamakan lagi kursus.

Yang Berhormat, orang apabila hendak kahwin, dia marah pula lagi kepada pihak kerajaan kalau lama sangat kursus. Jadi, kalau boleh dia hendak cepat. Ada yang hadir pada hari pertama dengan hari terakhir sahaja, Yang Berhormat. Ini agak sukar bagi kita untuk memantau. Apa yang kita harapkan adalah daripada pasangan yang hendak berkahwin ini satu rasa tanggungjawab. Saya rasa punca yang sebenarnya adalah rasa tanggungjawab, takut pada dosa dan pahala, amanah daripada Allah SWT dan sebagainya.

Tentang perceraian melalui SMS telah pun difatwakan bahawa perceraian tersebut mestilah disahkan terlebih dahulu di dalam mahkamah. Jadi, supaya tidak ada sebarang penganiayaan terutamanya daripada pihak lelaki. Lainlah daripada Yang Berhormat yang merupakan pembela wanita. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**5. Tuan Haji Ahmad Rusli bin Haji Ibrahlim** minta Menteri Sumber Manusia menyatakan, langkah-langkah berkesan bagi meningkatkan serta membantu warga emas khususnya bekas-bekas pekerja ladang di negara ini.

**Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' Maznah binti Mazlan]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Haji Ahmad Rusli bin Haji Ibrahlim. Seperti yang kita maklum bahawa Malaysia adalah sebuah negara yang mempunyai standard kesihatan dan kualiti hidup yang meningkat. Ini menyumbangkan pada jangka hayat kehidupan rakyat Malaysia yang kian meningkat juga. Pada tahun 2010, terdapat 1.327,780 jumlah penduduk Malaysia yang berusia 60 tahun ke atas. Daripada jumlah ini seramai 270,600 orang yang berusia 60 tahun ke atas yang masih bekerja.

Untuk menyelaras pembangunan warga emas di negara ini, kerajaan melalui Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat telah menubuhkan Majlis Penasihat Perunding Warga Emas Kebangsaan. Fungsi majlis ini merangkumi aspek sosial, ekonomi, kebajikan dan kesihatan. Kementerian Sumber Manusia adalah ahli pada jawatankuasa ini, bertanggungjawab di dalam urusan penempatan pekerjaan. Salah satu usaha yang dipertanggungjawabkan ini ialah untuk mengendalikan kursus-kursus pra-persaraan untuk pekerja-pekerja swasta. Ini sedang dirancang dan akan dilaksanakan berperingkat-peringkat oleh Kementerian Sumber Manusia.

Selain daripada itu, pendaftaran dan penjodohan pekerjaan melalui portal carian kerja *JobsMalaysia* sudah dimulakan untuk warga emas. Sehingga April 2011, pendaftaran pekerjaan untuk pencari kerja berusia 50 tahun sehingga 64 tahun, terdapat sebanyak 1,763 orang.

Daripada jumlah ini yang masih bekerja adalah seramai 1,134 orang dan yang tiada pekerjaan seramai 629 orang. Yang berusia 65 tahun ke atas pula yang telah berdaftar adalah seramai 29 orang. Ini bermakna bahawa portal *JobsMalaysia* akan terus digunakan oleh warga emas di negara ini dan Kementerian Sumber Manusia akan terus membantu mereka di dalam penjodohan pekerjaan.

Sehingga kini, usaha-usaha yang telah dibuat oleh Kementerian Sumber Manusia melalui Jabatan Tenaga Kerja telah menunjukkan tindak balas-tindak balas yang positif daripada pihak-pihak majikan. Contohnya, telah terdapat beberapa buah syarikat konsesi lebuhraya yang telah bersetuju untuk mengambil warga emas untuk menjadi jurutol. Ini adalah perkembangan yang positif dan sebuah syarikat swasta, BASF Chemical Sdn. Bhd. juga telah bersetuju untuk mengambil warga emas yang berkelulusan ijazah dan diploma untuk menjadi pegawai sumber manusia dan pegawai perakaunan.

Menjawab soalan Yang Berhormat, khusus tentang pekerja-pekerja ladang, saya ingin memaklumkan bahawa Kementerian Sumber Manusia dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh, mempunyai peruntukan sebanyak RM50 juta untuk diberikan kepada pekerja-pekerja ladang yang tetap, pinjaman untuk memiliki perumahan yang mana mereka boleh meminjam antara RM25,000 sehingga RM60,000 dengan kadar faedah hanya 4 peratus dan jangka bayaran balik yang menjangkau dua generasi iaitu 40 tahun. Kita berharap bahawa dengan kemudahan ini, pekerja-pekerja ladang dapat membuat persediaan apabila bersara nanti, akan ada rumah untuk mereka berteduh dan mereka boleh membeli rumah kos rendah ini di mana-mana sahaja mengikut pilihan mereka. *Insyallah*, skim ini akan dilancarkan dalam bulan Mei ini dan Yang Berhormat Menteri Sumber Manusia akan buat pengumuman.

Selain daripada itu, saya juga ingin memaklumkan Dewan yang mulia ini, tahun lalu September 2010, Menteri Sumber Manusia juga telah mengumumkan tentang peraturan-peraturan kerja separa waktu ataupun pekerja separa masa yang berkuat kuasa Oktober 2010, yang memberikan kemudahan dan juga hak-hak tertentu kepada mereka yang bekerja separa waktu iaitu seperti cuti, pakej perlindungan, KWSP, PERKESO dan lain-lainnya. Kita harap ini juga akan menggalakkan lebih ramai lagi mereka yang belum bekerja termasuklah warga emas untuk bekerja separa waktu dan mendapat hak-hak tersebut dan mereka boleh bekerja mengikut waktu dan keadaan yang dipersetujui antara majikan dan pekerja. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalan tambahan. Dipersilakan Tuan Haji Ahmad Rusli.

**Tuan Haji Ahmad Rusli bin Haji Iberahim:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan syabas kepada kerajaan yang akan melaksanakan program dan disebutkan dalam Dewan yang mulia ini, *insyallah* akan dilancarkan pada bulan Mei.

**■1050**

Soalan tambahan saya Tuan Yang di-Pertua ialah dalam keadaan sekarang ini kita lihat nasib pekerja-pekerja ladang akan mengalami keadaan permasalahan yang timbul ada dua peringkat. Saya terangkan sedikit sahaja Tuan Yang di-Pertua. Satu ialah apabila ladang yang mereka bekerja, majikan mereka itu bertukar tangan. Ini bererti bahawa suatu polisi, dasar dan peraturan akan ditetapkan oleh perpindahan pemilikan dari segi *ownership* dengan izin, di dalam ladang berkenaan. Satu.

Kedua ialah nasib pekerja ladang ini saya rasa terpenggil untuk menyebut dalam soalan tambahan ini ialah kerana kita lihat hak dan juga kedudukan mereka akan terbela oleh majikan sekiranya ada generasi penyambung. Pewaris sama ada anak ataupun cucu mereka yang meneruskan pekerjaan di ladang. Kita merasa suatu tanggungjawab apabila pekerja ladang ini berjasa bukan sahaja kepada ladang dan majikan tetapi secara langsung memberikan suatu sumbangan besar terhadap komoditi utama negara kita ini.

Apakah langkah-langkah kerajaan selain daripada tindakan yang akan dilakukan pada tahun ini kepada nasib khususnya pekerja-pekerja ladang yang sampai ke hari ini tidak terbela apabila mereka sudah menjadi warga emas. Anaknya tidak menyambung dan sebagainya, lebih-lebih lagi mereka-mereka ini telah mengalami suatu penyakit kronik dan sebagainya. Saya lihat di dada-dada akhbar hari ini kita lihat nasib warga emas ini cukup rasa terpenggil untuk saya menyebut dalam Dewan yang mulia ini. Pohon penjelasan. Terima kasih.

**Dato' Maznah binti Mazlan:** Terima kasih Yang Berhormat kerana memandang berat tentang nasib pekerja-pekerja ladang ini. Saya ingin memberi kepastian di Dewan yang mulia ini bahawa beberapa kementerian khususnya daripada perspektif pekerjaan, Kementerian Sumber Manusia memberi perhatian yang khusus kepada semua pekerja di dalam semua sektor. Mengenai sektor perladangan, pada masa ini bahawa di Kementerian Sumber Manusia, kita sedang meningkatkan kesejahteraan hidup di ladang melalui kemudahan-kemudahan infrastruktur, jalan yang berturap, kualiti air dan juga bekalan elektrik. Semua ini dirumuskan di dalam pakej yang mana pihak kerajaan dan juga majikan-majikan berkenaan sedang berusaha untuk mempertingkatkaninya.

Selain daripada kemudahan-kemudahan infrastruktur, kemudahan sosial daripada kualiti rumah, rumah yang mesti tertakluk kepada standard minimum perumahan mengikut perundangan juga sedang diusahakan. *Insyaa-Allah* menjelang tahun 2012, semua rumah-rumah ladang ini akan menepati syarat-syarat tersebut. Ia telah dibuat beberapa tahun dan tahun sasaran terakhir yang diberi kepada pihak-pihak majikan ini adalah tahun 2012. Perkembangan sehingga kini, kualiti rumah sudah kian meningkat. Seterusnya kesejahteraan juga merangkumi aspek kemudahan sosial seperti tempat beribadat, adanya padang-padang permainan, adanya pusat-pusat asuhan kanak-kanak dan lain-lain keperluan. Ini juga sedang dipantau secara dekat oleh Kementerian Sumber Manusia.

Selain daripada meningkatkan kesejahteraan hidup dalam ladang supaya ia dapat menarik minat rakyat Malaysia untuk bekerja di ladang, kita juga sedang melihat kepada aspek gaji. Ini kerana apabila kerajaan membuat keputusan untuk melaksanakan gaji minimum, sektor ladang adalah salah satu sektor yang paling diberi perhatian kerana inilah salah satu sektor yang sehingga kini tidak menunjukkan sebarang perkembangan dalam peningkatan gaji dan upahan. Saya yakin Tuan Yang di-Pertua, apabila gaji minimum ini dilaksanakan, ia dapat membela nasib pekerja-pekerja ladang ini dari segi pendapatan mereka.

Seterusnya Yang Berhormat juga menyentuh tentang masalah apabila bertukar tangan pemilikan ladang-ladang ini terdapat *displacement* dengan izin, pekerja-pekerja ini terpaksa berpindah ke tempat-tempat lain. Di dalam kes-kes seperti ini, Kementerian Sumber Manusia melalui Jabatan Tenaga Kerja memainkan peranan yang aktif untuk memastikan bahawa pekerja-pekerja ini mendapat pembelaan dan juga pampasan ataupun penempatan pekerjaan mengikut keadaan-keadaan tertentu supaya tidak terbiar.

Lagi satu tentang adanya pekerja-pekerja ladang yang dilanda penyakit. Ini bukan hanya pekerja ladang Tuan Yang di-Pertua, bahkan mana-mana pekerja juga dimestikan bagi mereka yang berpendapatan RM3,000 ke bawah mestilah diberi perlindungan PERKESO. Di bawah perlindungan ini, sumbangan pekerja adalah minimum. Kalau gaji RM1,000, sumbangan pekerja hanya tidak sampai RM5, yang lebih itu ditampung oleh majikan. Ia dapat memberi pembelaan untuk mereka sekiranya mereka ditimpa kemalangan, sekiranya mereka itu dilanda penyakit pekerjaan, lain-lain penyakit, maka mereka akan mendapat perhatian, pembelaan daripada perlindungan tersebut. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Puan Usha Nandhini a/p S. Jayaram:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertanyaan tambahan saya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, adakah kementerian mempunyai sebarang statistik mengenai berapakah warga emas India yang telah mendapat manfaat daripada usaha kementerian bagi membantu mereka mendapatkan pekerjaan.

Tahniah kepada KSM kerana yang akan melancarkan skim pinjaman rumah bagi pekerja ladang. Pertanyaan saya adalah bagaimanakah pihak kementerian berhasrat untuk menyalurkan segala informasi di bawah skim ini agar ia benar-benar sampai kepada kumpulan sasaran yang diharapkan. Terima kasih.

**Dato' Maznah binti Mazlan:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya tidak mempunyai statistik mengikut kaum dan jika Yang Berhormat mahu tahu berapakah orang-orang India yang mendapat manfaat daripada program ini, saya...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, saya fikir Yang Berhormat Usha Nandhini, kita tidak boleh persoalkan semua - maknanya dasar begitu tidak kira kaumlah mesti mendapat pembelaan. Saya rasa ini soal perkauman itu saya rasa kalau boleh - kita sekarang ini menjurus ke hadapan bahawa warganegara Malaysia tidak kira kaum, tidak kira bangsa, tidak kira agama, dia mesti mendapat pembelaan mengikut yang sepatutnya. Tidak perlu sebut agaknya soal kaum-kaum ini. Terima kasih.

**Dato' Maznah binti Mazlan:** Ya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Seterusnya mengenai dengan informasi tentang pinjaman perumahan dan lain-lain perkara yang ada berkaitan dengan pekerja. Saya ingin memaklumkan di seluruh negara kita mempunyai 80 pejabat Jabatan Tenaga Kerja dan adalah menjadi tugas tanggungjawabnya untuk berhubung dengan semua majikan-majikan dan pekerja-pekerja. Saya rasa tentang khusus tentang pinjaman perumahan ini ia telah disebarikan melalui semua syarikat-syarikat, semua majikan-majikan dan Kementerian Sumber Manusia sudah pun menerima permohonan-permohonan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**6. Dato' Haji Idris bin Haji Buang** minta Perdana Menteri menyatakan, apakah strategi terdekat dan jangka panjang TERAJU dan bagaimanakah badan ini boleh membantu kontraktor-kontraktor Kelas F dan juga peniaga-peniaga dan usahawan-usahawan kecil yang sedia ada.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat. Penubuhan Unit Peneraju Agenda Bumiputera (TERAJU) merupakan langkah untuk memastikan perancangan kerajaan dilaksanakan dengan berkesan. Objektif utama TERAJU adalah untuk menyelaraskan transformasi serta memperkukuhkan penyertaan golongan bumiputera agar jurang ekonomi yang wujud di antara bumiputera dengan kaum lain dapat dirapatkan. Strategi jangka pendek TERAJU adalah bagi mengenal pasti dan mengambil bahagian dalam inisiatif-inisiatif yang wujud di dalam Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) melalui 131 *Entry Point Projects* (EPP) dan 60 Peluang Perniagaan BO atau *business opportunities* dengan izin, yang telah dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

#### ■1100

Untuk ini, dua makmal telah diwujudkan dan dijalankan. Pertama, makmal *Strategic Reform Initiative* (SRI) yang diadakan pada 21 Februari 2011 hingga 31 Mac 2011. Dalam mana perkara perbincangan bagi makmal berkenaan adalah berkenaan *narrowing disparities*, merapatkan jurang perbezaan. Hasil dapatan bagi perkara *narrowing disparities* telah memberi hala cara baru di dalam menjalankan usaha transformasi usahawan bumiputera.

Kedua, makmal Pembangunan Ekonomi Bumiputera yang diadakan pada 21 Mac sehingga 1 April 2011. Dalam mana peserta-peserta mengenal pasti inisiatif-inisiatif EPP yang relevan untuk diambil bahagian mengikut bidang masing-masing. Ini termasuk Yang Berhormat, bidang-bidang pembinaan di bawah kontraktor-kontraktor pembinaan daripada pelbagai tahap dan juga kelas supaya dapat mengambil bahagian mengikut kapasiti masing-masing.

Langkah jangka panjang dalam TERAJU pula akan memberi penekanan kepada usaha-usaha transformasi yang lebih luas, dari segi keusahawanan dan mencipta kekayaan dari aspek ekuiti korporat dan pemilikan harta dan hartanah. Kedua, memudah cara urusan pembiayaan *enterprise* bumiputera bagi melonjakkan tahap dan kedudukan mereka di dalam pasaran. Ketiga, pembangunan modal insan menerusi aspek pengajaran dan pembelajaran bagi mencapai tahap pekerjaan berpendapatan tinggi. Keempat, rasionalisasi institusi-institusi polisi instrumen.

Akhir sekali, penglibatan *stakeholders* dalam ekosistem supaya kerjasama dan kolaborasi dapat diwujudkan bagi kepentingan usahawan transformasi ekonomi Bumiputera. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Dato' Haji Idris.

**Dato' Haji Idris bin Haji Buang:** Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, apakah TERAJU diberi representasi daripada Sarawak dan Sabah juga supaya tidak menjadi jurang. *Regional* pula, jika input daripada Sabah dan Sarawak tidak dimajukan tengah-tengah TERAJU supaya dapat diselaraskan dan selari. Terima kasih.

**Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy:** Tuan Yang di-Pertua, saya memberikan jaminan kepada Yang Berhormat bahawa Sabah dan Sarawak, bumiputera pun termasuk dalam agenda bumiputera sekali gus. Maka, kalau adanya EPP yang melibatkan Sabah dan Sarawak atau di Semenanjung, kontraktor di sana ataupun usahawan bumiputera di sana pun akan layak dan tetap diterangkumkan di dalam proses pembangunan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

7. **Tuan Pau Chiong Ung** minta Menteri Pertahanan menyatakan:

- (a) berapakah jumlah pelatih yang telah berjaya menamatkan latihan PLKN dan berapakah jumlah peruntukan yang telah dibelanjakan semenjak pelaksanaan program ini; dan
- (b) apakah impak yang telah dibawa kepada mereka yang telah berjaya menamatkan latihan.

**Timbalan Menteri Pertahanan [Datuk Dr. Haji Abd. Latiff bin Ahmad]:** Tuan Yang di-Pertua, *assalamualaikum*.

**Tuan Yang di-Pertua:** *Walaikumsalam*.

**Datuk Dr. Haji Abd. Latiff bin Ahmad:** Sehingga tahun 2010, seramai 519,828 warganegara remaja telah berjaya menamatkan Program Latihan Khidmat Negara (PLKN), manakala jumlah peruntukan yang telah dibelanjakan semenjak pelaksanaan program ini adalah RM4.2 bilion. Mengenai jawapan kedua, impaknya saya telah jawab pada hari semalam, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalan tambahan seterusnya Yang Berhormat Tuan Pau.

**Tuan Pau Chiong Ung:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah kepada kementerian kerana Program Latihan Khidmat Negara telah diterima meluas oleh ibu bapa dan pelatih sekarang. Soalan tambahan saya ialah, adakah kementerian merancang untuk memanjangkan tempoh latihan. Kedua, sehingga kini berapa ramai gagal melapor diri dan adakah tindakan seperti hukuman perkhidmatan komuniti telah dikenakan, sekian.

**Datuk Dr. Haji Abd. Latiff bin Ahmad:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Pau. Tuan Yang di-Pertua, jangka masa panjang ini memang menjadi satu polemik kerana modul dan akta yang dibuat pada tahun 2003 yang memberi kuasa kepada majlis untuk menentukan berapa panjang.

Dan uniknya Program Latihan Khidmat Negara ini tidak ada negara lain di dalam dunia yang membuatnya. Ada negara di negara selatan atau di Korea, dia membuat program khidmat negara yang berbentuk *military* atau ketenteraan tetapi kita tidak. Jadi, 85 hari yang kita tentukan setiap sesi itu adalah memadai. Selama 7 tahun kita membuat program ini, kesan dan impaknya amat positif dan jika kita hendak memanjangkan program tersebut, kita kena *simulate* balik, dengan izin, kos, ada implikasi kepada penyambungan mereka-mereka yang hendak sambung belajar dan sistem kemasukan ke pengajian tinggi juga akan tergendala umpamanya. Memadai sekarang ini 85 hari adalah waktu yang optimum yang dirasakan boleh memberi kesan kepada rohani dan juga jasmani remaja mengikut roh dan semangat Akta Latihan Khidmat Negara 2003.

Soalan kedua, Yang Berhormat Senator Pau mengatakan berapa ramai, saya tidak ada, saya berjanji saya akan menjawab secara bertulis tetapi dua tahun lepas kita telah mengubah akta di mana tidak ada lagi hukuman penjara di mana mereka-mereka yang gagal selepas kita melaporkan kepada polis dan polis mengambil tindakan dan melaporkan kepada Peguam Negara, hukuman penjara sudah tidak ada tetapi kita mengubah kepada hukuman khidmat sosial. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Dipersilakan Yang Berhormat Dato' Najeeb.

**Dato' Mohammed Najeeb bin Abdullah:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya ialah...

**Dato' Daljit Singh Dalliwal:** Terima kasih... Oh!

**Tuan Yang di-Pertua:** Bersabar Yang Berhormat... *[Ketawa]* Silakan Yang Berhormat, ini soalan tambahan lagi.

**Dato' Mohammed Najeeb bin Abdullah:** Soalan tambahan saya Tuan Yang di-Pertua ialah, adakah pihak kementerian bercadang untuk menambah kekerapan program ini diadakan sepanjang tahun. Sekarang ini ada tiga kalau tidak silap saya dan mungkin ditambah menjadi empat. Adakah terdapat cadangan untuk menambah bilangan kemasukan ataupun pemilihan remaja-remaja ke program PLKN. Kedua, saya tertarik dengan Alumni PLKN yang telah dilancarkan sejak 2009 dengan aktiviti-aktiviti yang boleh membentuk sahsiah yang berterusan tetapi apa yang saya tengok di kalangan ahli majlis tertinggi dimonopoli oleh satu kaum. Ini tidak melambangkan ciri-ciri 1Malaysia yang kita hendak bentuk daripada sekarang. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Dr. Haji Abd. Latiff bin Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, tambah masa, tambah bilangan kem, tambah peserta, itu memang menjadi hasrat kami tetapi melihat kepada peruntukan yang sedia ada, kita hanya diberikan peruntukan sebanyak RM700 juta untuk mengendalikan 87 kem. Kem ini pula sebenarnya kita mengikut apa yang dinyatakan di dalam buku *Blue Ocean*. Maknanya, kerajaan tidak mempunyai kem, jabatan hanya menyewa kemudahan kem dan juga membayar kemudahan-kemudahan lain seperti F&B, dengan izin, *food and beverages*. Jadi, elok saya nyatakan di dalam Dewan ini, kita hanya belanja RM46 satu hari untuk satu peserta selama 85 hari.

## ■1110

Jadi kalau kita panjangkan lagi dana yang RM300 juta hanya tidak banyak kem yang boleh kita bina. Akan tetapi kalau kita hendak supaya tiga sesi. Tiga sesi ini sebenarnya sudah bagus sudah. Dia kalau kita aturkan dia itu memang sesuai kerana ada *break* sekejap untuk beri pelatih dan jurulatih dan pengendali kem-kem ini bernafas.

Alumni saya banyak kali sudah berjumpa mereka dan sekretariat telah ditubuhkan dan sekarang ini kita *round* satu Malaysia untuk berjumpa dengan alumni. Saya dapati ia bukan hanya terdiri daripada satu kaum. Betul-betul dia mencerminkan semangat kesukarelaan dan integrasi perkauman. Kaum itu memang sudah terwujud.

Saya jumpa banyak alumni yang terdiri daripada pelbagai kaum. Kebanyakan mereka profesional sudah pun bekerja dan mereka – kita tidak bagi apa-apa pun sebab kita hendak *test* Yang Berhormat. Kalau kita bagi duit tambang apa semua dia datang itu tidak acilah. Akan tetapi kalau kita panggil dia kita kata kumpul dekat sini Yang Berhormat Menteri hendak jumpa dia datang secara sukarela. Itu adalah satu tanda bahawa sifat yang kita hendak wujudkan ekoran daripada empat perkara. Salah satunya kesukarelaan itu maknanya mereka sudah datang. Itu sudah kira menunjukkan impak pada program ini amat berjaya.

8. **Dato' Daljit Singh Dalliwal** minta Perdana Menteri menyatakan, berapakah jumlah projek di bawah RMKe-9 yang tidak dapat disiapkan mengikut jadual.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Devamany a/l S.Krishnasamy]:**

Tuan Yang di-Pertua saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Dato' Daljit kerana soalan ini. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat sehingga 31 Disember 2010 daripada 25,974 jumlah keseluruhan projek di bawah RMKe-9 sebanyak 408 projek tidak dapat disiapkan mengikut jadual. Projek-projek yang tidak dapat disiapkan mengikut jadual ini dikategorikan sebagai projek berstatus Lewat Jadual (LJ). Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Daljit Singh Dalliwal:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri yang beri penjelasan yang ringkas. Projek-projek yang tidak dapat disiapkan mengikut jadual waktu masa mungkin ada sebab-sebab tertentu. Apakah projek-projek ini terbengkalai dengan izin, *abundant* atau masih dalam *progress*? Soalan tambahan saya adalah apakah tindakan telah diambil ke atas kontraktor-kontraktor yang telah cuai untuk menyiapkan projek-projek ikut masa yang disebut oleh Timbalan Menteri. Apakah kontraktor-kontraktor ini masih diberi peluang untuk menyertai projek-projek RMKe-10 dan lain-lain. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy:** Tuan Yang di-Pertua, seperkara yang perlu diperkatakan di sini adalah memang kita mengakui bahawa ada juga masalah kontraktor-kontraktor yang gagal siapkan projek. Pertama adakah projek-projek ini diteruskan ataupun dibiarkan begitu 408. Maka kementerian-kementerian berkenaan membuat cadangan adakah projek itu akan diteruskan kalau sekiranya *viability* nya ada ia akan diteruskan. Contohnya projek pembinaan sekolah.

Kontraktor itu telah dibatalkan kontraknya dan tender baru telah dibuka untuk projek-projek itu untuk dilanjutkan oleh kontraktor baru. Proses itu mungkin mengambil masa dan sedang dijalankan.

Satu lagi adalah masalah kontraktor-kontraktor. Kita lihat balik apakah sebabnya berlakunya. Adakah ianya berkaitan dengan modal? Adakah berkaitan dengan kepakaran modal insan? Ataupun adakah kapasiti dia kurang dan kadang-kadang kontraktor ketepuan *saturated* terlalu banyak dia ambil projek dia tidak boleh menanganinya. Maka ada proses-proses tertentu. Bagi RMKe-10 kalau kontraktor di *blacklisted* ataupun tidak lagi berupaya untuk menjalankan projek dia tidak akan diambil kira untuk projek-projek yang selanjutnya. Inilah hakikatnya tetapi seyogianya diingatkan bahawa 408 projek yang dikatakan tadi ialah 1.6 peratus daripada keseluruhan 25,974 projek yang telah ditawarkan bagi jumlah RM230 bilion dalam 25 kementerian. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**9. Tuan Lee Cheam Choon** minta Menteri Kewangan menyatakan, saranan agar kerajaan bekerjasama dengan KWSP dalam hal pemberian jaminan untuk menanggung kos perubatan supaya rakyat akan mendapatkan kemudahan perubatan dengan segera dan tidak membebankan. Adakah kerajaan akan mempertimbangkan saranan ini.

**Timbalan Menteri Kewangan I [Datuk Dr. Awang Adek Hussein]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat sejak tahun 1994 KWSP telah memperkenalkan pengeluaran kesihatan yang bertujuan untuk membantu ahli menanggung kos rawatan perubatan bagi penyakit kritikal yang dihadapi oleh ahli dan keluarga mereka. Di bawah pengeluaran ini ahli dibenarkan mengeluarkan simpanan dalam Akaun 2 bagi tujuan membiayai kos rawatan penyakit kritikal yang diluluskan. Ini yang dihadapi oleh ahli dan ahli keluarga seperti pasangan suami atau isteri, anak-anak, ibu bapa, ibu bapa tiri, ibu bapa angkat yang sah, ibu bapa mertua, anak angkat yang sah dan adik-beradik. Kos rawatan yang dibenarkan adalah kos yang tidak dibiayai oleh majikan.

Sejak skim pengeluaran ini diperkenalkan pada tahun 1994 hingga 2010, seramai 95,955 orang ahli telah mengeluarkan simpanan mereka yang berjumlah RM690 juta. Mulai 15 Jun 2010 KWSP telah memperluaskan senarai penyakit kritikal yang diluluskan bagi pengeluaran ini daripada 13 jenis penyakit sahaja sebelum ini kepada 36 jenis penyakit dan tiga penyakit untuk remaja di bawah 16 tahun. Ini adalah sama seperti yang diamalkan oleh syarikat insurans mengikut takrifan penyakit kritikal.

Di antara penyakit berkenaan ialah penyakit kanser, penyakit hati kronik, kegagalan buah pinggang, serangan penyakit jantung, asma, leukemia dan lain-lain lagi. Pengeluaran kesihatan ini telah banyak meringankan beban kewangan ahli bagi menanggung kos rawatan perubatan penyakit kritikal dan mempercepatkan ahli mendapatkan rawatan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Lee Cheam Choon:** Terima kasih kepada Timbalan Menteri yang menjawab. Selain daripada penyakit kritikal dan memandangkan kos perubatan yang semakin meningkat sama ada penyakit yang lain yang melibatkan kos yang tinggi dapat dikeluarkan daripada KWSP?

**Datuk Dr. Awang Adek Hussein:** Ya, Yang Berhormat. Sebenarnya senarai 36 ini kira sudah panjang. Barangkali masih ada yang tidak terdapat dalam senarai ini. Bagi yang tidak terdapat dalam senarai mereka masih lagi boleh memohon tetapi melalui *case-by-case* basis dengan izin, kepada pihak KWSP. KWSP ada jawatankuasa yang akan menilai. Sekiranya dia rasakan layak kerana mungkin penyakitnya tidak jatuh dalam 36 ini tetapi oleh kerana ketenatan dia jadi masih boleh dipertimbangkan oleh KWSP tetapi secara *case-by-case*, dengan izin. Terima kasih.

**Puan Hajah Mumtaz binti Md. Naw:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, di negara kita, kita ada dua skim. Satu KWSP satu lagi PERKESO. Tujuan PERKESO adalah untuk menjaga kebajikan sosial pekerja. Adakah pihak kerajaan bersedia untuk menambahkan jumlah caruman dan meluaskan skop yang sepatutnya ditanggung oleh PERKESO tanpa mengganggu gugat simpanan mereka dalam KWSP untuk menanggung kos perubatan pekerja dalam negara kita, yang pertama.

Kedua, apakah kewajaran pihak kerajaan mewajibkan pekerja khususnya warga emas membayar caruman bagi pihak pekerja. Sedangkan sepatutnya hanya majikan yang perlu membayar caruman bagi pihak majikan. Pekerja warga emas ini dilepaskan daripada bayar caruman sebagai satu subsidi oleh kerajaan kepada pekerja. Adakah kerajaan bersedia untuk mempertimbangkan cadangan ini? Terima kasih.

■1120

**Datuk Dr. Awang Adek Hussein:** Pertamanya berhubung dengan PERKESO ini Tuan Yang di-Pertua kita kira ini di bawah kementerian lain dan terkeluar dari soalan asal. KWSP dan PERKESO ini lain. Dari segi sumbangan warga emas ini memang sumbangan yang dibuat oleh pekerja selepas umur 55 tahun ini adalah berbentuk sukarela, sehingga 75 tahun dan selepas itu barulah diberhentikan.

Maknanya dia boleh lagi menyumbang walaupun dia sudah berumur 55 tahun masih lagi menyumbang kerana masih ramai yang ingin menyumbang dan ingin menyimpan dalam KWSP, kerana mungkin dari segi pulangan dividennya juga lebih baik. Jadi memang ada ruang yang boleh dibenarkan untuk mereka yang mungkin dilihat sebagai warga emas tetapi masih lagi boleh menyumbang kepada KWSP. Terima kasih.

10. **Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah** minta Perdana Menteri menyatakan, mengapa mengambil masa yang lama untuk menyelesaikan setiap tuntutan harta pusaka dan apakah pelan tindakan kerajaan bagi memendekkan tempoh masa untuk menyelesaikan setiap tuntutan berkenaan. Ini kerana laporan akhbar menyatakan lebih RM4 bilion yang masih belum dituntut oleh pewaris.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Liew Vui Keong]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah atas soalan ini. Tuan Yang di-Pertua, kerajaan sentiasa memainkan peranan penting dalam pengurusan pentadbiran harta pusaka di negara ini. Kerajaan sentiasa memastikan harta pusaka si mati tidak terbiar dan dapat dimanfaatkan oleh waris. Agensi yang terlibat dalam pengurusan harta pusaka hanya boleh bertindak atas permohonan yang dikemukakan oleh waris untuk mentadbir dan membahagikan harta pusaka kepada semua pihak yang layak.

Tempoh penyelesaian sesuatu kes adalah bergantung kepada *complexity* dan juga penerimaan waris terhadap cara pembahagian pusaka. Kes-kes yang mudah hanya mengambil masa yang lebih pendek untuk diselesaikan manakala kes-kes yang lebih kompleks mengambil masa yang lebih lama.

Pihak kerajaan sentiasa berusaha untuk meningkatkan kecekapan perkhidmatan agensi-agensi terbabit. Antara tindakan-tindakan yang telah diambil untuk memendekkan tempoh masa dalam menyelesaikan sesuatu kes ialah menambah baik proses kerja secara berterusan, mewujudkan hubungan rapat dan saling membantu dengan waris-waris, mewujudkan jalinan hubungan kerja yang baik dan saling membantu antara jabatan dan agensi yang terlibat dengan tuntutan harta pusaka seperti Amanah Raya Berhad, mahkamah, pejabat tanah, KWSP, PNB, JPN, JPJ, JPPH, Tabung Haji dan lain-lain termasuk pihak swasta seperti bank-bank.

Dengan hubungan yang erat ini pengurusan harta pusaka dapat dibuat dengan lebih baik dan juga berkesan. Di samping itu pihak kerajaan secara berterusan memastikan agensi-agensi melaksanakan program perkongsian ilmu kepada orang ramai melalui khidmat runding cara dan juga taklimat di seluruh negara dalam usaha meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap keperluan menguruskan tuntutan harta pusaka dengan cepat.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini kerajaan tidak mempunyai statistik khusus tentang nilai sebenar harta pusaka atau tanggungan harta pusaka yang masih lagi belum diselesaikan. Sekian terima kasih.

**Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah, apakah pelan tindakan kerajaan bagi memudahkan penama atau waris harta pusaka untuk membuat tuntutan iaitu menggalakkan setiap orang ada pewaris. Soalan kedua ialah kalau salah seorang penama meninggal daripada dua orang, secara automatik wang berkenaan akan diserahkan kepada Amanah Raya Berhad dan selalunya proses untuk mendapatkan wang memakan masa yang lama antara dua hingga tiga tahun. Adakah cara untuk memudahkan proses ini atau untuk mempercepatkan proses tuntutan wang? Terima kasih.

**Datuk Liew Vui Keong:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator atas soalan tambahan ini. Dalam proses pembahagian harta waris ini yang penting sekali untuk kita sebelum apa-apa berlaku kepada kita, untuk membuat wasiat *that the most important things* dan ini biasanya kadangkala tidak diingat oleh ramai orang untuk membuat wasiat.

Apabila ada masalah mengenai harta-harta terutamanya sekiranya seperti Yang Berhormat Senator yang banyak harta dan sekiranya tidak ada wasiat, ini akan memberi masalah kepada ahli keluarga. *So this is very important consideration.* Sebab itu kerajaan berharap bahawa rakyat jelata dapat mengadakan wasiat untuk mengendalikan harta kita, apabila kita tidak ada di dunia ini. Selain daripada itu, untuk kemudahan yang lain-lain, untuk mendapatkan tuntutan seperti yang dikatakan tadi, ini terlibat dengan begitu banyak agensi seperti bank-bank dan juga pejabat tanah, Amanah Raya Berhad dan semua itu. Apa yang penting sekali ialah mengadakan hubungan yang rapat dan ini juga terpulang kepada peguam, kadangkala yang terlibat dalam kes ini untuk membuat tuntutan, untuk mengadakan satu kerja yang lebih efisien untuk memastikan bahawa tuntutan yang dibuat oleh pewaris ini dapat dipercepatkan.

Kadangkala dalam mahkamah pun proses akan mengambil masa seperti apa yang saya katakan tadi terpulang kepada *complexity case*, terpulang kepada berapa banyak harta yang telah pun ditinggalkan oleh si mati dalam kes ini. Sekian.

**11. Tuan Muhammad Olian bin Abdulah** minta Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah menyatakan bahawa, masih terdapat perkampungan Orang Asli yang belum terdapat kelas tadika (prasekolah). Oleh itu bilakah kemudahan ini akan dibangunkan dalam memperkasakan pendidikan di kalangan Orang Asli.

**Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah I [Dato' Haji Hasan bin Malek]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kepada soalan daripada Yang Berhormat Tuan Muhammad Olian. Bilangan perkampungan Orang Asli yang terdapat di Semenanjung Malaysia adalah sebanyak 852 buah kampung. Kami mengakui bahawa masih terdapat perkampungan Orang Asli yang belum terdapat kelas tadika dan sebagainya. Walau bagaimanapun, untuk makluman Dewan yang mulia ini, pembinaan tadika di perkampungan Orang Asli hanya diwujudkan setelah ianya memenuhi syarat-syarat berikut:

- (i) jumlah unjuran kanak-kanak yang berumur antara 2 hingga 6 tahun yang tidak kurang daripada 20 hingga 25 orang setiap tahun dan urutannya ialah selama 3 tahun berturut-turut; dan
- (ii) mempunyai calon guru dan pembantu guru yang berkecukupan dari kampung tersebut ataupun dari kampung yang berhampiran.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, sehingga kini terdapat sebanyak 240 buah Tabika Kemas dan 53 buah prasekolah di bawah Kementerian Pelajaran Malaysia di perkampungan-perkampungan Orang Asli macam saya sebut tadi. Pada tahun 2012, *insya-Allah* JAKOA dengan kerjasama Kemas merancang untuk membuka 25 buah lagi tabika seperti berikut:

<b>Negeri</b>	<b>Bilangan Tabika</b>
Pahang	10
Perak	8
Johor	2
Selangor	1
Wilayah Persekutuan	1
Negeri Sembilan	1
Melaka	1
Kelantan	3
<b>Jumlah</b>	<b>25</b>

Kementerian khususnya melalui JAKOA atau Jabatan Kemajuan Orang Asli amat komited dan serius terhadap usaha-usaha untuk memperkasakan pendidikan di kalangan masyarakat Orang Asli, bukan sahaja dari aspek kemudahan fizikal tetapi juga turut melibatkan pembangunan modal insan. Resolusi-resolusi, perbincangan-perbincangan dan cadangan-cadangan yang dibuat oleh Jawatankuasa *Focus Group* Pembangunan Pendidikan Orang Asli yang ditubuhkan oleh pihak kementerian ini akan dijadikan panduan dan hala tuju untuk mencapai matlamat tadi.

Untuk makluman Yang Berhormat dan Yang Berhormat juga sedia maklum Jawatankuasa *Focus Group* ini dipengerusikan oleh anak Orang Asli sendiri iaitu Profesor Juli Edo pensyarah di Universiti Malaya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Muhammad Olian untuk soalan tambahan.

■1130

**Tuan Muhammad Olian bin Abdullah:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri. Soalan tambahan saya, apakah perancangan kementerian untuk memastikan bahawa kanak-kanak yang dihantar ke kelas-kelas tadika betul-betul telah dibangunkan dari segi intelek, emosi, fizikal dan juga sosialnya untuk menjadi insan yang berketerampilan pada masa hadapan?

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat...

**Dato' Haji Hasan bin Malek:** Saya sebenarnya Tuan Yang di-Pertua dan kepada Yang Berhormat Senator yang bertanya, saya sudah sebut dengan panjang lebar, dari segi kriteria guru, kursus-kursus, modul-modul yang diajar oleh tabika-tabika dan juga tadika-tadika yang ada di serata tempat di negara kita ini. Jadi untuk ulangan balik, sebenarnya kita ada dalam kelas tabika yang dianjurkan oleh pihak KEMAS itu, pertamanya kita ada bab dalam bidang teras.

Dalam bidang teras ini kita ajar murid-murid hal-hal yang ada hubung kaitnya dengan pendidikan Islam, pendidikan moral. Pendidikan moral ini penting sebab di Sarawak sebagai contoh, ada murid-murid yang di kalangan daripada masyarakat Kristian belajar di situ. Jadi kita ada pendidikan moral. Begitu juga bahasa Inggeris, bahasa Melayu diajar selama enam jam. Begitu juga dalam bidang pengkhususan kurikulum standard prasekolah kebangsaan, pendekatan teknik pengajaran, aktiviti harian, pemakanan, etika, tugas, tanggungjawab murid-murid.

Begitu juga dalam soal-soal kokurikulum, gerak kerja sosial. Begitu juga dalam aktiviti latihan amali. Kita ada aktiviti riadah yang berasaskan aktiviti potensi kanak-kanak dan sebagainya. Jadi dalam lain perkataan, modul yang kita ikut ini bukan sahaja yang dirangka oleh pihak KEMAS tetapi juga garis panduan yang dibuat oleh Kementerian Pelajaran melalui prasekolah dan sebagainya.

Sesungguhnya ini kalau kita amati betul-betul, *insya-Allah* akan menjurus ke arah hendak melahirkan anak-anak masyarakat Orang Asli ini maju dalam bidang pendidikan. Ini bukan lagi sebagai omong-omong kosong. Malahan akhir-akhir ini, saya lihat dari segi keputusan-keputusan peperiksaan dilihat bahawa sudah ada anak-anak Orang Asli ini masuk dalam MRSM, belajar di institusi-institusi pengajian tinggi. *Insya-Allah Yang Berhormat*, dengan angka-angka yang saya ada ini, sudah menunjukkan bahawa usaha yang dibuat oleh pihak kementerian melalui JAKOA ini menepatilah hasrat Yang Berhormat Senator Tuan Muhammad Olian bin Abdullah tadi. Maknanya ke arah memperkasakan pendidikan anak-anak Orang Asli ini sendiri. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**12. Tuan Mohamad Ezam bin Mohd. Nor** minta Menteri Pelajaran menyatakan, mungkinkah berlaku elemen-elemen sabotaj sehingga mengakibatkan kerugian lebih RM3 juta berikutan 400,000 buku teks Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) *English Year 1* Sekolah Kebangsaan, didapati mengandungi pelbagai kesalahan.

**Timbalan Menteri Pelajaran I [Datuk Dr. Wee Ka Siong]:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelajaran Malaysia telah mengambil langkah proaktif dengan menubuhkan satu pasukan penyiasat untuk mengenal pasti punca berlakunya kesilapan di dalam buku teks tersebut secara spesifik. KPM mendapati tiada elemen-elemen sabotaj seperti yang didakwa sebaliknya kesilapan berlaku disebabkan oleh kesuntukan masa dalam menyediakan bahan dan buku berkenaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kos mencetak dan mengedar semula buku teks *Year 1 SK* yang baru adalah RM1.087 juta dan bukannya RM3 juta seperti yang didakwa di mana kos tersebut ditanggung sepenuhnya oleh pihak penerbit buku berkenaan. Buku tersebut juga telah mula diedarkan ke sekolah mulai 31 Mac 2011 dan hampir 97 peratus telah selesai diedarkan di sekolah di Semenanjung Malaysia manakala di Sabah dan Sarawak, dijangka selesai pengedarannya pada pertengahan bulan Mei 2011. Walau bagaimanapun bagi memastikan kesilapan tersebut tidak berlaku lagi di masa hadapan, Kementerian Pelajaran Malaysia telah menetapkan beberapa langkah seperti berikut:

- (i) akan membuat penambahbaikan dengan mengetatkan lagi proses kerja dalam penerbitan;
- (ii) melantik Jawatankuasa Penilaian Atau Kawalan Mutu dan Jawatankuasa Readers yang terdiri daripada pakar-pakar yang berpengalaman mengikut mata pelajaran; dan

- (iii) menjalankan pemantauan yang berterusan ke atas sebarang proses penerbitan, percetakan dan pembekalan buku teks ke sekolah-sekolah.

Terima kasih.

**Tuan Mohamad Ezam bin Mohd. Nor:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri Pelajaran di atas jawapan yang cukup komprehensif, menjawab hampir kesemua soalan saya dan menghapuskan hampir kesemua kebimbangan saya dan kos yang lebih kecil berbanding dengan kos asal RM3 juta. Saya memohon sedikit sahaja penjelasan sama ada kes ini adalah kes yang terpencil (*isolated*) ataupun sebelum ini ada kes-kes lain yang mungkin lebih kecil tetapi kalau digabungkan, jumlahnya besar. Apakah pernah berlaku kes-kes salah cetak dalam kes buku teks ini. Terima kasih.

**Datuk Dr. Wee Ka Siong:** Terima kasih Yang Berhormat Senator. Ini satu soalan yang sangat tepat pada waktunya kerana ramai yang tidak sedar bahawa semasa kita menggubal atau mencetak buku ini, kalau mengikut perancangan asal MBMMBI, kita mula pada tahun 2012. Oleh sebab Yang Amat Berhormat Menteri Pelajaran mahukan ia diawalkan kepada tahun ini 2011, maka dalam masa yang suntuk ini ia disediakan dan termasuklah mencetak buku-buku teks. Oleh sebab itu saya rasa kesilapan itu berlaku disebabkan oleh kesuntukan masa.

Dalam konteks ini, saya rasa inilah di antara kesilapan yang paling banyak di dalam buku teks. Kita mengakui dan kita tidak menafikan kenyataan ini. Sebelum ini mungkin ada dalam halaman tertentu atau muka surat tertentu yang mana terdapat kesilapan maka kita buat secara kita gantikan muka surat tersebut. Bukanlah sehingga keseluruhan buku itu digantikan. Kalau kesilapan dari segi *typo* ataupun kesilapan sedikit, ia dapat dibuat secara rata ataupun kita boleh membuat lampiran dalam buku teks kita. Jadi dalam soal ini saya rasa kesilapannya agak *substantial*, maka kita terpaksa mencetak semula buku ini. Saya rasa kita memberi jaminan bahawa dengan adanya jawatankuasa ini ia tidak akan berlaku dan kita untuk makluman Dewan yang mulia ini, ada tiga pihak yang kita rujuk:

- (i) *English Language Teaching Centre* (ELTC) iaitu sebagai pusat rujukan di bawah Kementerian Pelajaran Malaysia untuk bahasa Inggeris;
- (ii) Kita akan berbincang dan kita telah berbincang dengan Malaysian *English Language Teachers Association* (MELTA) yang mana mereka juga ada pakar;
- (iii) Kita juga mempelawa British Council di mana mereka ada *native speakers* dan termasuk juga *native speaker* yang telah diterima oleh Kementerian Pelajaran seramai 375 orang. Kita memilih *native speaker* dan kita mendengar pandangan mereka semasa kita membuat pembetulan.

Saya rasa ini semua telah diambil dan kita memberi jaminan perkara ini tidak akan berulang lagi. Terima kasih.

**13. Ir. Haji Zamri bin Haji Yusuf** minta Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi menyatakan, rangka rancangan kepada pekebun kecil getah dan kelapa sawit dari aspek:

- (a) persediaan pendapatan semasa proses tanam semula; dan
- (b) bentuk bantuan dan sokongan kepada pekebun untuk menanam semula dan persediaan sumber tenaga kerja tempatan untuk menggantikan kebanjiran pekerja asing yang tidak mampu dibendung lagi.

**Timbalan Menteri Perusahaan, Perladangan dan Komoditi II [Dato' G. Palanivel]:**

Terima kasih Yang Berhormat Ir. Senator Haji Zamri bin Haji Yusuf. Tuan Yang di-Pertua, semasa proses penanaman semula getah, pekebun kecil menerima bantuan tanam semula getah daripada RISDA iaitu agensi di bawah Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah.

Walau bagaimanapun, bagi pengetahuan Ahli Yang Berhormat, bahawa kadar bantuan yang diberikan oleh RISDA dalam tempoh enam tahun semasa pokok getah muda membesar adalah seperti berikut:

- |       |                      |   |                        |
|-------|----------------------|---|------------------------|
| (i)   | Semenanjung Malaysia | - | RM9,230 sehektar;      |
| (ii)  | Sarawak              | - | RM13,500 sehektar; dan |
| (iii) | Sabah                | - | RM14,000 sehektar.     |

Selain itu, pekebun kecil getah juga digalakkan untuk mengusahakan tanaman sampingan seperti nanas, pisang dan juga sayur-sayuran di kawasan kebun getah muda mereka. Hasil tanaman sampingan tersebut dapat dijual bagi menambahkan pendapatan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, bagi pekebun kecil sawit pula, melalui Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) mendapat bantuan tanam semula kepada mereka yang memiliki agregat keluasan tanaman 2.5 hektar atau kurang, mereka akan diberi bantuan penyelenggaraan kebun sebanyak RM500 sebulan untuk tempoh dua tahun.

**■1140**

Bantuan ini akan mula diberi sebaik sahaja pekebun kecil ini selesai menanam anak benih sawit di kebun mereka. Di samping itu, pekebun kecil juga digalakkan penanaman tanaman kontang seperti pisang dan jagung di kebun mereka sementara menunggu pokok sawit mengeluarkan hasil. Pegawai Tunjuk Ajar dan Nasihat (TUNAS) Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) bersedia memberi khidmat nasihat mengenai tanaman integrasi ini berdasarkan penemuan penyelidikan yang telah dilaksanakan oleh MPOB. Bantuan siling tanam semula sawit adalah bernilai RM7,000 sehektar. Skop bantuan sehektar adalah seperti berikut:

- (i) RM7,000 adalah untuk kerja menebang pokok lama dan persediaan kebun;
- (ii) bantuan 50 kilogram baja fosfat dan anak benih sebanyak 155 pokok untuk tanah mineral dan 168 pokok untuk tanah gambut;
- (iii) bantuan baja sebatian diberi 500 kilogram dan racun serangga untuk tahun pertama; dan
- (iv) bantuan baja sebatian 500 kilogram untuk tahun kedua.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung usaha mengurangkan kebergantungan ke atas pekerja asing, langkah-langkah yang telah dilaksanakan meliputi Skim Diskaun Cantas. Di bawah skim ini, pekebun kecil diberi diskaun RM1,000 untuk setiap pembelian unit cantas iaitu mesin memotong buah sawit berjentera. Ini bertujuan menggalakkan pekebun kecil menuai sendiri sawit mereka dan kebergantungan kepada pekerja terutama pekerja asing akan dapat dikurangkan secara berperingkat.

Tuan Yang di-Pertua, Sistem Torehan Berintensiti Rendah atau *Low Intensity Tapping System (LITS)*. Kaedah LITS berupaya mengurangkan kekerapan menoreh bagi setiap pokok getah. Melalui penggunaan LITS, pekebun kecil hanya perlu menoreh pokok yang sama setiap tiga hari berbanding setiap dua hari melalui penggunaan kaedah konvensional. Dengan cara ini, pekebun kecil mempunyai lebih masa terluang yang boleh digunakan untuk menjalankan aktiviti ekonomi yang lain bagi meningkatkan pendapatan.

Tuan Yang di-Pertua, selain itu, bagi menarik minat golongan muda untuk bekerja di sektor perladangan, kementerian telah menubuhkan Institut Perladangan dan Komoditi Malaysia atau *Institute of Malaysian Plantation and Commodities (IMPAC)*. IMPAC menyediakan latihan kemahiran kursus peringkat asas dan lanjutan untuk sektor perladangan dan komoditi seperti latihan dalam bidang mandur, penyelia ladang, penggred buah dan operator jentera. Langkah ini di samping menggalakkan penyertaan golongan belia tempatan, ia juga dapat meningkatkan produktiviti sekali gus mengurangkan kebergantungan kepada tenaga buruh.

Tuan Yang di-Pertua, semua perkara ini saya telah pun jawab semasa saya gulung dua hari dahulu. Tambahan pun sudah jawab. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Ir. Haji Zamri bin Haji Yusuf:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih di atas informasi yang begitu lengkap daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri dalam hal ini. Cuma, sedikit sahaja yang ingin kita tahu ialah oleh kerana dalam masa enam tahun ini kita sudah bekalkan bantuan secara langsung dan juga bantuan khidmat nasihat dan teknikal semasa tempoh enam tahun tanam semula ini, kita hendak dapatkan kepastian daripada kementerian ialah supaya ada lebih kesungguhan dalam memberikan khidmat nasihat ini kerana peladang-peladang ini tidak biasa dengan tanaman kontan ini. Jadi ini menyebabkan akhirnya mereka hanya sewa tapak ladang kebun itu kepada pihak lain dengan pendapatan yang tidak memadai dalam tempoh tersebut khususnya bagi keluarga besar.

Bahagian kedua ialah kita sudah wujudkan Institut Perladangan dan Komoditi Malaysia – syabas kepada pihak kerajaan, untuk menempatkan belia-belia di perladangan ini. Cuma kita hendak tahu, selepas penubuhan institut ini, berapakah peratus kejayaan atau berapakah bilangan penempatan yang telah berlaku membolehkan belia ini ditempatkan menggantikan kebergantungan kepada pekerja asing? Terima kasih.

**Dato' G. Palanivel:** Tuan Yang di-Pertua, berkenaan kursus latihan IMPAC, kita sudah mula memberi latihan kepada mereka dan ada juga belia-belia yang mengambil bahagian dalam latihan ini.

Kita juga dapat sempat beri belia-belie Malaysia kerja-kerja di ladang-ladang khasnya ladang-ladang seperti Sime Darby. Untuk soalan pertama yang dibangkitkan oleh Yang Amat Berhormat Senator...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, bukan Yang Amat Berhormat.

**Dato' G. Palanivel:** Yang Berhormat Senator, saya akan berikan jawapan bertulis. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, selesai sudah pertanyaan-pertanyaan bagi jawab lisan untuk pagi ini.

***[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat]***

## **RANG UNDANG-UNDANG**

### **RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN (2010) 2011**

#### **Bacaan Kali Yang Kedua**

**11.47 pg.**

**Timbalan Menteri Kewangan I [Datuk Dr. Awang Adek Hussein]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa rang undang-undang bernama suatu akta bagi menggunakan sejumlah wang dari Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan bagi perkhidmatan untuk sebahagian daripada tahun 2010 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu bagi bahagian tahun itu, dibacakan kali kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, peruntukan tambahan perbelanjaan mengurus kedua tahun 2010 ini dibentangkan menurut Perkara 100, dan 101, Perlembagaan Persekutuan iaitu bagi memperoleh kelulusan perbelanjaan yang tidak diperuntukkan atau terkurang diperuntukkan dalam Bajet 2010 yang telah diluluskan terdahulu oleh Dewan yang mulia ini. Anggaran perbelanjaan mengurus tambahan kedua 2010 yang dibentangkan adalah berjumlah RM13,270.8 juta iaitu sebanyak RM99.8 juta adalah tambahan perbelanjaan tanggungan dan sebanyak RM13,171 juta adalah untuk pembiayaan perbelanjaan bekalan. Anggaran tambahan perbelanjaan bekalan yang dipohon untuk diluluskan di bawah fasal 2 rang undang-undang yang dibentangkan adalah sebanyak RM13,171 juta yang boleh diringkaskan seperti berikut.

Sebanyak RM8,020.4 juta adalah pindahan lebih daripada akaun Hasil Disatukan 2010 ke Kumpulan Wang Pembangunan. Pindahan ini di caj sebagai sebahagian daripada perbelanjaan di bawah Maksud B.12 peruntukkan kepada Kumpulan Wang Terkanun. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, pindahan ini bukanlah satu perbelanjaan tetapi merupakan satu prosedur untuk memindahkan lebih hasil.

Sebanyak RM3,729.7 juta adalah tambahan secara langsung untuk menampung lebih perbelanjaan kementerian-kementerian yang mana sebahagian besarnya adalah untuk emolumen dan bantuan khas kewangan.

Sebanyak RM1,420.9 juta adalah bagi me *recoup* semula jumlah yang telah didahulukan daripada Kumpulan Wang Luar Jangka untuk menampung perbelanjaan-perbelanjaan luar jangka tahun 2010 seperti yang terkandung dalam penyata yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 3, Tahun 2010.

■1150

Tuan Yang di-Pertua, kementerian-kementerian yang terlibat dalam Anggaran Perbelanjaan Tambahan ini adalah seperti berikut:

Senarai Kementerian Yang Terlibat	Jumlah (RM/juta)
Kementerian Pelajaran	1,759,000
Kementerian Kesihatan	1,007.9
Jabatan Perkhidmatan Awam	592.3
Kementerian Dalam Negeri	493.3
Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan	356.7
Kementerian Perusahaan, Perladangan dan Komoditi	324.0
Jabatan Perdana Menteri	285.8
Kementerian Pengangkutan	87.3
Kementerian Pertahanan	47.7
Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi	43.0
Kementerian Pengajian Tinggi	35.0
Jabatan Peguam Negara	24.0
Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah	21.0
Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar	20.0
Parlimen	14.7
Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani	11.9
Kementerian Belia dan Sukan	10.0
Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri	5.7
Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan	5.0
Suruhanjaya Pilihan Raya	4.6
Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia	1.2
Suruhanjaya Perkhidmatan Awam	0.4

Tuan Yang di-Pertua, butiran dan penjelasan lanjut mengenai peruntukan tambahan bagi Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Kedua 2010 adalah seperti dalam penyata Anggaran Tambahan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 1, Tahun 2011 dan Memorandum Perbendaharaan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 1A Tahun 2011. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan I [Dato' Tan Lian Hoe]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 2010 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu bagi tahun itu dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Ramai yang minat ya, saya persilakan Yang Berhormat Datin Paduka Datuk Nor Hayati, Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain tunggu giliran.

**11.54 pg.**

**Datin Paduka Datuk Nor Hayati binti Tan Sri Dato' Seri Onn:** Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana sudi memberikan laluan kepada saya sebagai pembahas pertama membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan.

Tuan Yang di-Pertua, bagi Kertas Perintah 1, Tahun 2011 di bawah Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Kedua 2010, dua di bawah Jabatan Perdana Menteri Butiran 29700 – Unit Pelaksanaan dan Pengurusan Prestasi (PEMANDU), sejumlah wang RM61,200,000 dan Kertas Perintah 1A Tahun 2011 bagi Maksud B.6 Perkara Tiga, Jabatan Perdana Menteri RM60 juta pembiayaan ETP 2010.

Tuan Yang di-Pertua, ETP dirangka biasanya seiring dengan beberapa dasar lain seperti Pelan Transformasi Kerajaan (GTP), Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) dan Model Baru Ekonomi (MBE) dan Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10) dan Bajet 2011. Sebanyak 131 projek telah dikenal pasti setakat ini dan diletakkan di dalam senarai projek EPP. Saya mohon disenaraikan lima projek mega yang dirancang di bawah EPP dari segi industri terpilih dan jumlah pelaburan daripada pihak kerajaan. Projek permulaan yang dikenal pasti itu bakal menghasilkan Pendapatan Negara Kasar (PNK) tambahan sebanyak RM426 bilion dalam tempoh 10 tahun yang akan datang. Selain daripada 60 peluang perniagaan ataupun *business opportunity* akan menghasilkan lagi PNK tambahan sebanyak RM346 bilion.

Soalan saya, apakah statusnya dari segi pendapatan tambahan dan peluang perniagaan dan pelaburan *business opportunity*? Ini kerana projek EPP yang disenaraikan itu akan mewujudkan 3.3 juta peluang pekerjaan kepada rakyat tempatan dan ia selaras dengan usaha kerajaan menjadikan Malaysia negara maju berpendapatan tinggi menjelang 2020. Soalan ketiga saya, setakat manakah kejayaan menghasilkan peluang pekerjaan sejumlah 3.3 juta ini dan apakah sektor terpilih dan kategori pekerjaan yang bakal diwujudkan? Projek pembangunan baru serta beberapa projek permulaan EPP yang akan meningkatkan sektor minyak, gas dan juga tenaga.

Soalan keempat saya, berapakah jumlah pelaburan industri gas bagi syarikat minyak Petronas serta sumbangan syarikat lain bagi sektor tenaga dan tenaga boleh guna, *renewable energy*. Apakah status projek pembangunan tenaga nuklear yang khabarnya bakal digerakkan menjelang 2014? Sudahkah lokasi dan bajet dikenal pasti dan adakah ianya termasuk dalam kategori pembangunan tenaga di bawah ETP? Saya juga ingin menyentuh projek nadir bumi oleh Syarikat Lynas dari Australia di Gebeng, Pahang walaupun telah berkali-kali dinyatakan oleh rakan-rakan lain.

Seperti rakan-rakan lain juga, saya ingin tahu mengapa baru sekarang mahu ditubuhkan jawatankuasa mengkaji kesan projek ini ke atas orang ramai dan juga alam sekitar? Bukankah sepatutnya ianya ditubuhkan sebelum projek ini berjalan.

lanya menyasarkan pelaburan swasta sebanyak RM83 bilion menerusi projek permulaan EPP yang dirancang dalam Program Transformasi Ekonomi (ETP).

Soalan kelima, setakat manakah pencapaian dan nisbah pelaburan swasta yang dapat dijana oleh pihak kerajaan? Agensi dan pelaburan-pelaburan swasta mana yang paling banyak menyumbang dan mohon menyatakan daripada sektor industri dan nama syarikat tersebut. Contohnya salah satu projek mega itu ialah projek sistem pengangkutan awam *Mass Rapid Transit* (MRT) yang bernilai RM36.6 bilion, jumlah masih dalam peringkat perbincangan di ibu negara yang akan dipertanggungjawabkan kepada Syarikat Gamuda MMC.

Soalan keenam, berapakah jumlah syarikat perunding asing *consultant company* yang terlibat di dalam menjadi perunding dan memberi khidmat nasihat bagi pembangunan Unit Pengurusan Prestasi dan Pelaksanaan (PEMANDU). Saya difahamkan antara perunding yang terpilih memacu operasi PEMANDU termasuk McKinsey Company, Hay Group, Ethos & Company, Alpha Platform Malaysia Sdn. Bhd.

Bagi Kertas Perintah 1, Tahun 2011 di bawah Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Kedua 2010, para 5, Maksud B.30 Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi tambahan RM43,040,000 bagi program menampung perbelanjaan penyelidikan pembangunan dan pengkomersialan *Research Development and Commercialization* (RD&C) di bawah dana Sains Fund prapengkomersialan dan *TechnoFund*. Dengan wujudnya dana-dana ini, golongan saintis akan lebih mudah mendaftarkan hasil kajian mereka. Sebelum ini saintis sukar mendaftar atau mempatenkan kajian mereka kerana pendaftaran harta intelek atau paten memerlukan perbelanjaan besar terutamanya di peringkat antarabangsa. Saya difahamkan kerajaan terpaksa menanggung kerugian kerana banyak kajian yang dibiayai kerajaan tidak di paten dan dikomersialkan.

#### ■1200

Amat rugi sekali apabila idea dan kajian yang dibiayai kerajaan ini tidak menjadi harta negara terutama kepada kajian apabila kajian dilakukan orang lain ataupun orang asing dan mereka ini menuntutnya sebagai hak kepada mereka.

Soalan saya, apa pendirian kementerian berkaitan isu pendaftaran harta intelek kerana kos pembiayaan kajian melebihi hasil yang diperolehi daripada harta intelek dan paten komersialkan berkenaan.

Soalan kedua saya, apakah usaha kementerian dan pencapaian terkini di dalam usaha menarik balik saintis-saintis di luar negara kembali ke negara agar paten dan harta intelek ini boleh didaftarkan di negara ini selain menawarkan pakej gaji, insentif dan dana menarik.

Ini kerana saya difahamkan terdapat suatu skim yang digelar skim penarikan balik saintis warganegara Malaysia di luar negeri dan pengambilan saintis asing yang dibenarkan kerajaan pada 1995. Jadi apakah status dia pada hari ini.

Soalan tiga saya, berapakah jumlah sebenar dana dari sektor sains dan kategori *TechnoFund* yang dikeluarkan oleh kementerian melalui agensinya seperti SIRIM dan saya mohon jumlah dana peserta dan juga sektor kajian.

Soalan empat, bagaimana kementerian mengatasi kekurangan makmal bagi tujuan penyelidikan. Sebagai contoh, pada tahun 2004 saya difahamkan sudah wujud kerjasama di antara saintis dan makmal tempatan dengan pakar dari luar negara seperti Makmal Biologi Universiti Kebangsaan Malaysia dengan *genuine lab* di Amerika Syarikat.

Selain daripada kerjasama ini, adakah terdapat kerjasama makmal lain antara universiti tempatan dan juga luar negeri. Soalan lima, adakah kementerian bercadang untuk membenarkan saintis bekerja dan membuat kajian serta penyelidikan secara sepenuh masa ataupun separuh masa. Seperti saintis luar datang berkhidmat masa cuti musim panas di bawah Skim *Join Adventure* dan *Scientist Exchange Program*. Bagi Kertas Perintah 2, tahun 2011, Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Kedua (2010), Maksud P.30 Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi Butiran 03300 di bawah projek MMCIP pembayaran terakhir. Jumlah anggaran projek RM30 juta dan tambahannya RM17 juta. Saya ingin menyentuh isu MM Chip yang diumumkan oleh mantan Perdana Menteri sekitar tahun 2003 iaitu mikrocip terkecil di dunia ataupun mikrocip Malaysia (*MM Chip*) yang dipegang patennya oleh kerajaan akan dikomersialkan bagi membolehkan kerendah birokrasi dikurangkan apabila semua urusan dilaksanakan secara elektronik sepenuhnya. Saya difahamkan sebagai permulaan ia akan digunakan oleh Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan diikuti kementerian-kementerian lain sebelum diperluaskan kepada syarikat berkaitan kerajaan GLC dan juga swasta.

Antara kebaikan MM Chip ini ialah penggunaan mikrocip tersebut akan mengelakkan pemalsuan dokumen rasmi kerajaan, pasport, visa wang kertas, sijil penapisan filem, sijil halal, produk perubatan dan cakera padat CD. Pembayaran barangan di kaunter pasar raya akan dapat dipercepatkan dan perkhidmatan kesihatan menjadi lebih murah dan juga pantas. Soalan saya, berapakah jumlah kos sebenar sejak mula dilancarkan pada tahun 2003 dahulu. Ini kerana ada kenyataan daripada mantan Menteri kos untuk penyelidikan dan juga pembangunan RM di mikrocip tersebut ia melibatkan kos kira-kira RM195 juta ataupun USD50 juta dan adakah ia benar.

Soalan dua saya, bagaimana cadangan untuk memindahkan operasi keseluruhannya ke Taman Teknologi Tinggi Kulim kerana semasa dilancarkan operasinya masih lagi di negara Jepun. Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya mohon menyokong rang undang-undang ini. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat Dr. Malasingam a/l Muthukumar.

**Dr. Malasingam a/l Muthukumar:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Salam sejahtera dan salam 1Malaysia Tuan Yang di-Pertua dan semua Ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini. Saya juga ingin mengambil bahagian dalam memperbahaskan Rang Undang-Undang Perbekalan Tambahan 2010 bagi perbelanjaan tahun 2011 ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh sedikit tentang Jabatan Perdana Menteri berhubung dengan kekuatan tenaga kerja penjawat awam. Saya ingin tahu berapakah jumlah penjawat awam yang bukan bumiputera berbanding dengan penjawat awam bumiputera.

Begitu juga dengan pasukan keselamatan seperti polis dan tentera. Apakah rasional yang diguna pakai dalam menimbangkan pergerakan kenaikan pangkat? Saya lihat ini aktiviti pergerakan kenaikan pangkat juga menjadi salah satu aspek di mana kerajaan gagal menarik, minta belia yang bukan dari kalangan bumiputera. Apakah kerajaan sedar bahawa segala usaha untuk mewujudkan konsep 1Malaysia ini hanya akan berjaya jika kerajaan menerajuiinya melalui pengambilan serta kenaikan pangkat secara rasional dengan kekuatan tenaga kerja mengikut kaum.

Saya sarankan agar kerajaan melihat semula komposisi perkauman serta kekuatan kumpulan profesional dan pengurusan tertinggi di semua kementerian agar ianya dapat mencerminkan usaha Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam memartabatkan dan perkhidmatan awam yang menyediakan perkhidmatan untuk orang awam. Satu lagi isu adalah jumlah penjawat awam yang diklasifikasikan dalam golongan kontrak dan sambilan. Apakah kerajaan sedar bahawa ramai di antara golongan mereka yang berkhidmat dalam kontrak atau khidmat singkat ini adalah golongan belia dan beliawanis muda yang dalam usia merangka perjalanan hidup yang selesa dan terjamin.

Jika golongan ini tidak diberikan jaminan terhadap periuk nasi mereka ianya secara tidak langsung akan menyebabkan pelaksanaan dasar kerajaan mungkin akan terganggu. Ini kerana ia tidak dikenali atau diiktiraf oleh pihak perbankan atau agensi-agensi yang boleh membantu mereka dalam merangka perjalanan hidup mereka yang selesa. Pihak perbankan enggan memberi pinjaman perumahan, pinjaman kereta dan sebagainya sehinggakan mereka terpaksa mencari alternatif lain yang boleh menyebabkan perjalanan hidup mereka terpesong dan kembali kepada kerajaan untuk mencari jalan penyelesaian yang baru.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, mengenai Kementerian Pengangkutan. Saya ingin mengucapkan tahniah kepada kerajaan dalam usaha memperkasakan industri pengangkutan awam. Stesen Sentral kini telah menjangkau usia sepuluh tahun semalam dan pengguna kian meningkat dengan amat ketara sekali. Pada masa yang sama saya juga ingin menyarankan agar kementerian dapat meningkatkan lagi jumlah kos serta kekerapan tren-tren ini ditambah kerana makin hari makin ramai yang kini memilih untuk menggunakan perkhidmatan awam. Jika kekerapan perjalanan ini tidak ditambah ianya akan sentiasa kekal sesak dan mencerminkan kelemahan kerajaan kerana kelemahan lebih jelas dari keikhlasan serta usaha kerajaan dalam menyediakan perkhidmatan yang lebih selesa dan selamat.

Tuan Yang di-Pertua, saya amat minat dalam membantu PDRM dalam membantu meningkatkan kecekapan serta menjamin keadaan sosioekonomi anggota pasukan PDRM. Saya ingin tahu apakah kementerian mempunyai cadangan untuk mewujudkan satu sistem bayaran OT atau gaji lebih masa memandangkan pihak polis tidak menikmati kemudahan sedemikian. Saya sedar bahawa pihak polis tidak mempunyai OT kerana mereka berkhidmat 24 jam sehari. Walau bagaimanapun, saya cadangkan agar pengajian anggota polis ini dikaji semula dan mewujudkan sistem OT selepas penugasan lebih dari lapan jam.

**■1210**

Masa mudah berubah. Jenayah lebih sofistikated. *Stress* kerja meningkat. Pembangunan ekonomi pesat. Beban kerja yang lebih berat dan sebagainya kini mendesak agar sistem OT diberikan kepada mereka ini yang sanggup berkorban keluarga, masa dan tenaga demi menjaga keselamatan dan keamanan negara. Saya sarankan agar kementerian dapat memulakan sistem OT ini bagi cawangan-cawangan tertentu dahulu seperti penyiasatan, narkotik, PGA, trafik dan sebagainya. Diluaskan kepada yang lain pada masa akan datang.

Beralih kepada Kementerian Belia dan Sukan Malaysia. Sedikit sahaja saya ingin tahu, apakah kementerian bercadang untuk menganjurkan mana-mana sukan antarabangsa seperti mana yang dianjurkan pada 1998, Sukan Komanwel. Saya melihat penganjuran sedemikian banyak membantu negara dan rakyat dalam memperkenalkan negara kita di persada antarabangsa terutama arena sukan dan pelancongan.

Rakyat kita menerima baik dan saya lihat keikhlasan mereka dalam berganding bahu menjayakan sukan-sukan antarabangsa ini di mana penggembleran tenaga serta komitmen belia-belia kita dalam menjayakan penganjuran ini amat memberangsangkan. Komitmen mereka dalam menjaga nama baik harus dipuji dan saya harap Kementerian Belia dan Sukan dapat mempertimbangkan penganjuran sedemikian.

Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya mengakhiri ucapan saya, ingin saya menyeru kepada semua Ahli Yang Berhormat, Menteri dan Timbalan Menteri agar meneliti sebanyak mungkin jawapan sebelum menyampaikannya. Saya dapati banyak jawapan-jawapan yang diberikan itu sekadar melepaskan batuk di tangga. Jawapan Menteri kebanyakannya tidak menjawab soalan yang diutarakan. Sebaliknya, menjawab jawapan yang sedia ada tanpa mengikut konteks soalan yang dikemukakan malahan ada jawapan yang diberikan langsung tidak berkaitan dengan soalan yang diutarakan.

Apakah Dewan Negara ini dilihat kurang mulianya. Saya harap semua pegawai-pegawai kerajaan yang bertugas agar melaksanakan tugas dan tanggungjawab mereka dengan gigih. Dewan ini adalah Dewan yang mulia dan berfungsi untuk kebaikan rakyat. Marilah kita sama-sama berusaha agar mencapai wawasan dan hasrat Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam merealisasikan negara maju pada 2020 nanti. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat Tuan Dr. Syed Husin Ali.

**12.13 tgh.**

**Dr. Syed Husin Ali:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebagaimana yang kita ketahui, ini adalah permintaan Bekalan Tambahan yang kedua dan jumlahnya adalah sebanyak lebih daripada RM13 bilion. Jumlah ini melebihi tambahan yang pertama iaitu sebanyak RM9 bilion. Kalau dicampurkan kedua-dua tambahan ini bererti tambahan yang diperlukan adalah sebanyak RM22 bilion dan mengikut persennya adalah sebanyak 15 peratus tambahan daripada bekalan asal dalam belanjawan.

Tentu sekali ini mempunyai implikasi ke atas defisit belanjawan. Dengan dua kali bekalan tambahan ini saya tidak tahu sejauh manakah bertambahnya sekarang ini defisit. Kalau kita lihat kedudukan defisit, nampaknya hampir tiap-tiap tahun defisit bukan sahaja berterusan tetapi nampaknya semakin bertambah. Ini tidak memberikan gambaran yang baik kepada ekonomi negara.

Di antara bekalan tambahan kali kedua yang diminta ini, saya lihat bahawa lapan kementerian atau jabatan akan diberikan lebih daripada RM250 juta dan yang tertinggi di antaranya melebihi RM1 bilion adalah Kementerian Pelajaran dan Kementerian Kesihatan. Seperti yang diterangkan oleh Yang Berhormat Menteri tadi, tidak termasuklah usahanya yang RM8 bilion yang diperuntukkan kepada Kumpulan Wang Terkanun.

Berhubung dengan Kementerian Pelajaran dan Kementerian Kesihatan tadi, saya lihat bahawa peruntukan yang terbesar adalah bagi emolumen yang baru. Bukan sahaja misalnya Kementerian Pelajaran, biro 41 akan diberikan RM1.76 bilion. Kementerian Kesihatan pula diberikan RM768 juta. Selain dari itu, Perkhidmatan Awam RM580 juta dan Kementerian Dalam Negeri RM339 juta.

Selain daripada itu pula, pencen, elaun dan bersara mengikut bawah T.14 sebanyak RM98 juta. Keseluruhan daripada tambahan untuk emolumen ini ialah kira-kira sebanyak RM3.5 bilion. Jadi, saya ingin tahu mengapa umpamanya penambahan begitu banyak? Adakah misalnya kerana penambahan pekerja-pekerja baru, sama ada kekal ataupun kontrak yang ditambah. Kalau demikian, mengapakah perkara ini, dengan izin, tidak dapat di*anticipate* dari awal semasa belanjawan dikemukakan.

Oleh sebab saya rasa mendadak bertambahnya itu bilangan pekerja ini, bertambah emolumennya dan kita harus mengetahui apa sebab berlaku perkara seperti ini, Tuan Yang di-Pertua. Sekiranya pertambahan bekalan untuk emolumen di perkatakan, satu perkara yang menimbulkan tanda tanya ialah mengapa saya nampak tidak ada penambahan emolumen bagi SPRM. Selalu kita mendengar bahawa SPRM ini memerlukan kakitangan yang lebih untuk menjalankan kerja yang lebih cekap. Akan tetapi saya tidak nampak pertambahan ini ataupun adakah pertambahan ini nanti akan dibawa di bawah jabatan seperti Perkhidmatan Awam. Kalau begitu harus dinyatakan. Akan tetapi apa yang dinyatakan di bawah SPRM ini ialah bantuan khas bagi kakitangan dan petugas tertentu. Saya ingin tahu apakah dia bantuan khas ini? Untuk pegawai-pegawai apakah bantuan khas sebanyak RM1.2 juta itu akan diberikan.

Kita dapati Tuan Yang di-Pertua, bahawa belanja yang besar juga diberikan kepada Kementerian Perusahaan, Perladangan dan Komoditi; dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan. Akan tetapi dalam hal ini penambahannya bukan untuk emolumen.

Penstabilan harga minyak di bawah Kementerian Perusahaan, Perladangan dan Komoditi ialah sebanyak kira-kira RM324 juta. Bantuan kewangan pada pengeluaran gula pula di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan adalah sebanyak kira-kira RM357 juta. Saya ingin tahu Tuan Yang di-Pertua, apakah kesannya belanja sebegitu banyak terhadap penstabilan harga gula itu?

Apakah jaminan bahawa setelah diberikan tambahan ini harga gula akan naik lagi. Seterusnya, adakah penstabilan harga gula ini dapat diselesaikan hanya dengan tindakan fiskal sahaja dengan menambahkan peruntukan ataupun patutkah dilakukan tindakan-tindakan yang lain. Jikalau ada, adakah difikirkan oleh pihak Kementerian Kewangan? Saya percaya tentu ada tindakan-tindakan yang lain untuk mengawal kenaikan harga ini terutama sekali apabila datangnya hari kebesaran dan sebagainya.

■1220

Berhubung dengan bantuan kewangan kepada pengeluaran gula pula sebanyak RM357 juta tadi, saya ingin mengetahui apakah pengeluaran-pengeluaran itu, nama-namanya? Adakah secara selektif ataupun secara keseluruhan diberikan bantuan kepada pengeluaran. Jikalau secara keseluruhan, adakah diberikan juga kepada yang kecil selain daripada yang besar? Oleh sebab ini nampaknya tidak ternyata dan memanglah tidak dapat dinyatakan dengan sebegitu lengkap dalam dokumen yang diberikan.

Mengenai Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani pula Tuan Yang di-Pertua, saya melihat bahawa RM11.9 juta diberikan sebagai bantuan khas kepada pertanian dan industri tani tadi. Saya ingin mengetahui apakah bentuk dan jenis bantuan khas ini dan kepada siapakah ia diberikan? Bagi saya kementerian ini adalah salah satu kementerian yang terpenting dalam pembangunan ekonomi. Ia harus melaksanakan rancangan-rancangan dan projek-projek yang boleh membantu menaikkan taraf hidup petani-petani. Oleh kerana itu saya anggap bahawa peruntukan yang jauh lebih besar diperlukan untuk kementerian ini.

Akan tetapi mengapakah hanya bantuan khas yang diberi sebanyak lebih kurang RM12 juta itu. Mengapa tidak ada bantuan atau untuk projek-projek, program-program yang lebih banyak jumlah bantuannya bagi menaikkan taraf hidup petani-petani tadi. Saya tahu bukan kementerian ini sahaja bertanggungjawab soal ini tetapi juga beberapa kementerian yang lain. Akan tetapi mengapakah tidak dalam soal kementerian ini tidak dilakukan apa yang telah saya sebutkan.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua berhubung dengan Kementerian Pengangkutan iaitu saya merujuk kepada B.28. Dilihat di sini bahawa ada tambahan pembayaran pampasan sebanyak kira-kira RM85 juta kepada syarikat *Automotive Centre of Excellent* Sendirian Berhad. Ini bukannya pembayaran pertama. Ini ialah tambahan pembayaran. Saya tidak dapat cari berapa banyak yang telah dibayar sebelum ini. Akan tetapi lebih penting sekali ialah pembayaran pampasan ini untuk apa? Tentu ada kesilapan yang dilakukan ataupun ada keputusan yang dibuat oleh mahkamah, untuk apa? Siapakah sebenarnya pemilik syarikat *Automotive Centre of Excellent* ini?

Dalam hal ini saya rasa perlu dijelaskan dengan terang, bukan sahaja tentang syarikat ini dan belakang mereka tetapi apakah kesalahan-kesalahan yang telah dilakukan oleh Kementerian Pengangkutan terhadap syarikat ini sehingga terpaksa menambah pampasan sebanyak RM84 juta.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, saya pergi kepada B.30 Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi. Ada penambahan peruntukan untuk R&D sebanyak RM43 juta. Sebelum daripada ini jumlah yang diperuntukkan ialah kira-kira RM180 juta, bererti bahawa keseluruhan daripada peruntukan bagi R&D ini ialah hanya sebanyak RM225 juta. Sebagaimana yang dimaklumi oleh Yang Berhormat Menteri sendiri barangkali bahawa peruntukan Malaysia bagi R&D dibandingkan dengan setengah-setengah negara yang lain adalah sangat rendah. Kita punya peruntukan ataupun bekalan hanya kira-kira dalam di bawah daripada 1 peratus ataupun lebih sedikit dari 1 peratus. Akan tetapi di dalam negara seperti Korea dan sebagainya dan juga Taiwan kalau tidak salah adalah kira-kira 3 peratus. Saya harap akan dipertimbangkan supaya lebih banyak lagi peruntukan akan diberi untuk R&D terutama sekali untuk memajukan industri-industri kita. Ini boleh saya harap bukan sahaja menambahkan kebaikan lagi *competition* – peluang daya saing kita dengan dunia lain tetapi akan mempunyai kesan yang baik kepada ekonomi negara.

Mengenai Kementerian Kesihatan di bawah B.42, kita diberitahu bahawa ada kekurangan peruntukan bayaran bil IJN sebanyak RM76 juta. Ini timbul oleh kerana peruntukan yang diberi asal tidak mencukupi seperti yang lain-lain juga. Cuma yang saya hendak tanyakan di sini adakah tambahan peruntukan ini kerana begitu banyak bil yang tidak dibayar ataupun bertambah banyaknya orang yang sakit lemah jantung yang sekarang ini telah dirawat di IJN. Jikalau misalnya bertambah banyaknya orang yang sakit jantung, ini satu perkara yang serius kerana kita tentu sekali yang banyak pergi ke sana itu yang mendapat dibayar bilnya oleh kerajaan adalah pegawai-pegawai kerajaan. Sekiranya di kalangan pegawai kerajaan bertambah bilangan yang sakit jantung dan bilnya bertambah, kita harus siasat juga apakah punca maka berlakunya di kalangan pegawai-pegawai ini.

Mengenai Kementerian Pengajian Tinggi pula Tuan Yang di-Pertua, B.49 ada penambahan sebanyak RM35 juta untuk perbelanjaan program APEX UKM. Saya tidak tahu dan berharap akan dapat penjelasan tentang apakah dia perbelanjaan program APEX itu di USM. USM ya maaf saya. Mengapakah penambahan ini hanya diberi kepada USM sahaja? Kenapa tidak misalnya bantuan diberikan kepada universiti-universiti lain? Jikalau dikatakan hanya untuk membantu program APEX, kita dapati bahawa walaupun USM dianggap sebagai universiti APEX ketika ini tetapi prestasinya dibandingkan dengan universiti-universiti lain kalau kita asaskan kepada penilaian badan-badan luar seperti *Times Supplement* dan sebagainya menunjukkan bahawa USM ini prestasinya agak jauh terkebelakang daripada satu-dua universiti yang lain seperti UM ataupun UKM. Jadi saya meminta mendapatkan apakah rasionalnya maka hanya USM diberi RM35 juta ini tanpa memberikan peluang yang sama kepada universiti-universiti yang lain.

Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua di bawah Kementerian Pertahanan B.60 ada disebutkan di situ bantuan khas sebanyak RM47 juta. Saya ingin mengetahui apakah dia jenis, bentuk dan sifat bantuan khas ini dan untuk siapakah? Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat Tuan Haji Ahmad Rusli bin Haji Ibrahlim.

**12.29 tgh.**

**Tuan Haji Ahmad Rusli bin Haji Ibrahlim:** *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.* Tuan Yang di-Pertua serta Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana mengizinkan kepada saya untuk mengutarakan beberapa perkara sahaja dalam masa yang singkat ini di atas pembentangan oleh pihak kerajaan di atas perbelanjaan tambahan ini. Ia dikemukakan di dalam Dewan yang mulia ini.

■1230

Tuan Yang di-Pertua, pada pagi ini saya mengambil kesempatan menyebut beberapa perkara. Pertama ialah bagi Maksud B.25 - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan. Kedua ialah B.20 - Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi. Ketiga dan terakhir sekali ialah B.22 - Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah.

Tuan Yang di-Pertua, kita sedar bahawa satu peruntukan yang besar telah dikemukakan oleh pihak kerajaan, satu peruntukan tambahan yang berjumlah lebih kurang RM356 juta yang dikehendaki untuk menampung bantuan kewangan kepada pengeluar gula dan tepung pada tahun 2010 dan lebih kurang RM324 juta adalah dikehendaki untuk membiayai tuntutan di bawah Skim Penstabilan Harga Minyak Masak sehingga Disember 2010.

Saya sengaja memilih kedua-dua angka ini sebagai satu fakta di dalam ucapan ini adalah kerana, kita sama-sama ingin melihat bahawa kesan daripada ekonomi secara adil yang berlaku di dalam negara kita ini akan memberi kesan yang mutlak kepada pengguna akhir iaitu rakyat secara keseluruhannya.

Di dalam sistem yang ada di dalam negara kita ini, sistem pasaran hasil daripada kerajaan sendiri telah membentangkan dua akta di dalam Dewan ini pada tahun 2010 iaitu, misalnya Akta Persaingan 2010 adalah bertujuan untuk menggalakkan pembangunan ekonomi dengan menggalakkan serta melindungi proses persaingan di mana pasaran akan menjadi lebih adil dan bebas. Proses ini juga akan memastikan terdapat sesuatu Tuan Yang di-Pertua dengan izin, *level playing field* bagi semua pihak yang terlibat dalam aktiviti komersial.

Bagi menetapkan harga barangan, kita juga terpaksa melalui beberapa *stage*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, ialah daripada peringkat pengeluar, pengilang, pemborong dan seterusnya kepada peruncit sampailah kepada pengguna yang akhir. Kerajaan sendiri terpaksa menambahkan peruntukan besar ini untuk menstabilkan harga minyak masak. Kerajaan juga memberikan satu peruntukan tambahan yang besar semata-mata untuk memberikan kestabilan kepada tepung gandum dan juga gula yang kita kira ketiga-tiga *item* ini adalah merupakan suatu permintaan yang wajib kepada semua pengguna sebagai rakyat jelata di dalam negara kita ini.

Apa yang saya hendak utarakan dalam pandangan saya pada tengah hari ini ialah selain daripada kita sebagai pengguna yang bijak, kita juga harus memerhatikan pada beberapa peringkat pengawalan di peringkat pengilang, pengeluar, pemborong dan juga peruncit. Ini bererti suatu komitmen yang cukup tinggi daripada pihak kerajaan serta pengawasan yang rapi daripada pihak kerajaan di setiap peringkat bagi memastikan setiap pengeluar, pengilang, pemborong dan peruncit tidak memanipulasikan harga barangan sehinggakan kerajaan sendiri terpaksa mengeluarkan suatu peruntukan yang besar bagi menstabilkan harga barangan utama bagi kegunaan rakyat di dalam negara kita ini.

Saya mengutarakan pandangan ini juga memohon pihak kerajaan supaya memastikan tidak ada ketirisan dan kebocoran. Misalnya saya ingin mengambil satu contoh iaitu kenaikan harga minyak masak bukan sahaja kerana keadaan permintaan yang tinggi dan pengeluaran yang agak berkurangan kalau mengikut dari segi teori mikro ekonomi dan dari segi teori dengan izin, *demand and supply* bermakna pengeluaran atau produktiviti yang sedikit dan permintaan yang tinggi menyebabkan harga melambung naik. Kita yakin dengan teori ini tetapi di samping itu kita lihat kebocoran dan ketirisan ini terus berlaku. Ini bermakna memerlukan suatu konsentrasi daripada kementerian sendiri mengawasi kebocoran.

Saya hendak sebut di sini di dalam Dewan yang mulia ini di antaranya ialah kita lihat kebanjiran minyak masak yang mengalir keluar daripada negara kita ke negara luar. Saya tidak tahu di mana silapnya walaupun kerajaan sendiri dan juga kementerian yang terlibat dengan secara rapi memberikan tumpuan yang cukup serius dalam perkara ini, tetapi perkara ini masih lagi timbul dan berleluasa. Harga minyak masak di negara kita ini jauh lebih rendah daripada permintaan yang cukup tinggi dan juga harga yang melambung cukup tinggi di sebelah negara jiran kita. Kebanjiran ini terus berlaku sehinggakan penduduk dan rakyat di selatan Thailand ini sendiri mengakui bahawa mereka tidak kenal minyak masak lain selain daripada minyak masak daripada negara kita Malaysia. Perkara ini bukan daripada secara halal tetapi dilaksanakan dengan secara haram. Ini bererti pemantauan harus kita laksanakan bagi hendak menstabilkan harga barangan minyak masak ini.

Begitu juga beberapa kempen yang dilaksanakan oleh kerajaan sendiri. Kita harus meningkatkan lagi dari segi penggunaan gula yang berlebihan di kalangan rakyat kita. Saya sengaja hendak sebut di Dewan yang mulia ini, semua yang kita sebut mewujudkan kestabilan harga semua sekali ini pada pandangan saya mohon izin Tuan Yang di-Pertua ialah dari segi teori ekonominya ia ada permintaan berkait, sebab musababnya. Mengapa harga minyak naik, mengapa harga gula naik dan mengapa harga tepung naik ia bangkit akibat salah satu daripadanya ialah kerana petrol dan diesel dalam negara kita juga naik. Ini adalah satu teori permintaan berkait dalam teori ekonomi.

Hasil daripada kenaikan harga minyak dalam negara kita ini menyebabkan harga tepung juga naik mengambil kesempatan daripada kenaikan harga minyak.

Minyak masak juga turut naik dan gula juga turut naik dan bukan sahaja tiga barangan utama ini naik, akibat daripada kenaikan harga minyak tetapi ia meluas secara menyeluruh di dalam seluruh barangan dalam negara kita ini akibat daripada kenaikan harga minyak dalam negara. Daripada perkara sekecil-kecil sampailah perkara yang sebesar-besar, mengambil iktibar dan juga implikasi daripada kenaikan harga minyak dalam negara kitalah mereka ini telah mengambil suatu kesempatan dan memberikan suatu kesan dan beban kepada rakyat jelata yang terpaksa menanggung suatu harga yang cukup tinggi di dalam negara kita ini.

Maka *conclusion* daripada ini Tuan Yang di-Pertua ialah kenaikan harga minyak di dalam negara kita ini telah menyebabkan kenaikan harga barangan, bukan sahaja barangan makanan, tetapi juga barangan yang bukan makanan di dalam negara kita ini. Tuan Yang di-Pertua, kita masuk sahaja ke sebuah warung mamak dalam negara kita ini. Ayuh selepas daripada Dewan ini kita masuk ke kedai mamak.

Jika dahulu kita membeli sekeping roti canai cukup besar dengan harga 70 sen sekeping roti telur pula Tuan Yang di-Pertua. Roti telur dan roti canai 70 sen dan sekarang ini sudah meningkat kepada harga seringgih lebih. Maka kalau kita tanya balik kepada mamak, "*Pasal apa you naik harga roti canai?*", dia kata, "*Macam mana kita tidak naik harga roti canai, kita terpaksa naik harga roti canai pasal harga minyak sudah naik.*"

Sekarang rakyat terpaksa menanggung suatu beban, bukan sahaja kenaikan harga roti canai yang melambung akibat daripada tepung gandum dan juga gula yang naik, tetapi rakyat juga terpaksa terima hakikat roti canai lebih kecil daripada roti canai yang dulu. Semuanya ini adalah merupakan kesan sampingan dan juga perkaitan yang cukup erat di dalam *circle* ekonomi yang berlaku di dalam negara kita ini.

#### ■1240

Perkara yang kedua yang terakhir Tuan Yang di-Pertua ialah bersabit dengan perkara kementerian yang menjaga soal MARA, UDA dan sebagainya. Saya sebut tadi ialah tiga perkara. Jadi saya sengaja hendak menyebut perkara ini Tuan Yang di-Pertua ialah kerana apabila kita sebut soal ekonomi bumiputera sama ada dalam seminar, sama ada dalam kursus, konvensyen di peringkat nasional *level*, sama ada di peringkat *international level* baik kita hendak lihat ekonomi bumiputera kita ini berkembang maju dan apabila kita menyebut dan mimpi kita terhadap bumiputera kita sering juga perkara yang bermain di dalam fikiran kita ialah UDA dan bermain di dalam fikiran kita juga ialah MARA dan alhamdulillah kita sendiri bersyukur ke hadrat Allah SWT peranan yang dimainkan oleh UDA dan juga MARA pada hari ini boleh dikatakan telah memainkan peranan yang begitu penting.

Namun begitu Tuan Yang di-Pertua, bukanlah bererti kita tidak mampu lagi untuk memberikan satu suntikan kepada MARA dan juga UDA ini. Apa yang saya lihat daripada kelemahan yang timbul ini ialah misalnya MARA. Apabila kita sebut kawasan komersial milik MARA, apabila kita sebut kawasan komersial yang dibangunkan oleh UDA maka di dalam fikiran kita mesti terbayang bahawa inilah wajah dan juga model bangunan komersial milik orang Melayu ataupun mercu tanda kepada peniaga dan juga pengusaha bumiputera.

Akan tetapi akhir-akhir ini satu ketandusan berlaku di setiap negeri yang ada di dalam negara kita ini banyak Tuan Yang di-Pertua kawasan pembangunan komersial milik UDA dan juga MARA ini bukan sahaja tidak diletakkan di kawasan strategik, tidak dapat memenuhi suatu tuntutan daripada peniaga-peniaga bumiputera tetapi juga bukan merupakan satu tempat yang strategik untuk melihat bumiputera dan juga pengusaha-pengusaha bumiputera kita dapat menumpang teduh hasil daripada pembangunan yang dilakukan oleh MARA dan juga UDA.

Misalnya di dalam negeri Kelantan pada hari ini kita lihat suatu isu yang berlaku ialah Bazar Tok Guru. Bazar Tok Guru yang disebut itu adalah di antara hasilnya ialah untuk menyelamatkan sebahagian daripada tanah milik UDA yang kita harap kepada UDA untuk membangunkan sebahagian daripada tapak yang diletakkan di tanah yang cukup strategik di dalam bandar Kota Bharu untuk dibangunkan supaya dengan sekali gus untuk memberikan peningkatan kepada mutu pengusaha-pengusaha bumiputera khususnya yang telah pun melaksanakan perniagaan diruang niaga berkenaan.

Begitu juga kalau kita lihat bangunan milik MARA. Kebanyakan bangunan milik MARA ini bukan sahaja sukar untuk mendapat penyewanya tetapi yang ada pun boleh dikatakan hidup segan, mati tidak mahu. Oleh yang demikian sempena dengan perbelanjaan tambahan yang dikemukakan di dalam Dewan ini saya mengambil kesempatan kepada pihak kerajaan berilah satu perhatian yang khusus khususnya kedua-dua agensi ini, jabatan ini MARA dan juga UDA supaya ilham daripada bapa-bapa pemimpin kita yang lalu untuk melihat UDA dan MARA ini menjadi satu payung kepada pengusaha bumiputera akan menjadi satu kenyataan dan juga realiti.

Masa cukup terhad kepada kita. Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana mengizinkan saya mengutarakan beberapa pandangan terhadap tiga jabatan dan kementerian yang dikemukakan. Saya mohon menyokong peruntukan tambahan ini.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat Puan Doris Sophia ak Brodi.

**12.44 tgh.**

**Puan Doris Sophia ak Brodi:** Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat. Salam sejahtera, salam 1Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi saya peluang untuk turut serta dalam perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan 2010/2011 bagi bacaan kali yang kedua.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh Maksud B.6 Jabatan Perdana Menteri yang terdapat di muka surat empat iaitu Unit Khas Inovasi yang berjumlah keseluruhan RM7,790,000. Kita semua tahu bahawa kerajaan telah menubuhkan Unit Khas Inovasi di bawah Jabatan Perdana Menteri dan ianya ditubuhkan demi usaha kerajaan mengalihkan tumpuan negara kepada pertumbuhan yang berasaskan produktiviti ataupun *growth best on productivity* dengan izin, serta dipacu oleh inovasi ataupun *innovation driven*. Skop ini adalah untuk memandu dan mengarah keberkesanan sistem inovasi negara termasuk program pembangunan inovasi yang sedia ada.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga difahamkan bahawa di antara langkah penting yang akan dilaksanakan kerajaan ialah menambah baik kaedah pembiayaan bagi syarikat model teroka awam. Pada masa ini pembiayaan kerajaan kepada syarikat model teroka awam seperti Perbadanan Pembangunan Teknologi Malaysia (MTDC) dan *Malaysian Venture Capital* (MAVCAP) disediakan melalui pinjaman jangka panjang. Di dalam RMKe-10 pula pembiayaan dalam bentuk ekuiti dan bukan pinjaman iaitu pembiayaan ekuiti dipadankan dengan profil risiko pelaburan model teroka. Antara yang diwujudkan di bawah Unit Khas ini ialah seperti berikut:

- (i) dana inovasi mudarabah (IMF) dengan peruntukan sebanyak RM500 juta bagi menyediakan modal berisiko kepada syarikat model teroka kerajaan; dan
- (ii) dana perkembangan perniagaan dengan peruntukan permulaan sebanyak RM150,000 juta bagi merapatkan jurang pembiayaan antara pengkomersialan peringkat awal dan pembiayaan model teroka bagi produk berteknologi tinggi.

Soalan saya bagi maksud ini ialah apakah status perkembangan kedua-dua dana yang telah diwujudkan sejak tahun 2010, pencapaian serta masalah berbangkit? Berapa banyak kah jumlah dana yang disalurkan komposisi rakyat yang menerima serta jumlah penyertaan?

Soalan saya yang kedua berkenaan dengan maksud ini ialah berapakah jumlah dana yang dikeluarkan pada penduduk Sarawak juga *progress* dan pencapaiannya?

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya juga menyentuh Maksud B.24 yang terdapat pada muka surat tujuh berkenaan dengan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri iaitu di bawah Program Penggalakan Pelaburan dan Perdagangan yang berjumlah sebanyak RM5,700,000. Negara kita Malaysia perlu lebih bergantung kepada pelaburan domestik (DDI) daripada pelaburan langsung asing (FDI) bagi menjana pertumbuhan ekonomi yang berterusan. Saya difahamkan terdapat 14 buah syarikat tempatan yang kini berupaya merangsang pertumbuhan ekonomi negara melalui pelaburan domestik. Kerajaan perlu memberi insentif seperti pengecualian atau pengurangan cukai sebagai dorongan untuk syarikat tempatan lebih berjaya. Jadi ini ringkas.

Jadi soalan saya ialah, saya ingin bertanya beberapa soalan. Lapan soalan berkaitan status program yang telah dilancarkan oleh kementerian seperti berikut:

- (i) apakah status berkaitan insentif dalam bentuk taraf perintis atau elaun cukai pelaburan untuk syarikat kecil dan sederhana (EKS) sehingga tahun 2010?;
- (ii) adakah jumlah terkini EKS dengan modal sebanyak RM2.5 juta ke bawah layak mendapat 20 peratus pengurangan cukai syarikat ke atas pendapatan bercukai setakat RM500,000?;

- (iii) apakah status galakan cukai untuk pelaburan semula dalam sektor berpotensi khususnya sektor industri jentera berat, industri jentera dan kelengkapan industri berasaskan sumber dan pemprosesan makanan yang diberikan kepada syarikat-syarikat tempatan?;

■1250

- (iv) saya memohon kementerian memperjelaskan maklumat terperinci berkaitan insentif kepada syarikat besar dan vendor yang membantu SME meningkatkan keupayaan sebagai pembekal?;
- (v) adakah terdapat dasar polisi liberal untuk jawatan asing?;
- (vi) sejauh manakah keberkesanan program-program yang diatur oleh kementerian iaitu seminar, dialog, sesi *networking* serta program *e-connect*?;
- (vii) apakah sasaran kementerian dalam menetapkan nisbah pelaburan domestik berbanding FDI?; dan
- (viii) bagaimana pencapaian terkini bagi tahap pencapaian dari sektor pelaburan swasta sebanyak RM83 bilion menerusi projek permulaan EPP yang dirancang dalam Program Transformasi Ekonomi (ETP)?

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya mohon menyokong rang undang-undang ini. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat Datuk Abdul Rahman bin Bakar.

**12.51 tgh.**

**Datuk Abdul Rahman bin Bakar:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Bagi Maksud B.1 Parlimen, saya ingin penjelasan RM14.6 juta itu bagi program, aktiviti sedia ada dan *One-Off* tahun 2010. Saya ingin huraian yang lebih lanjut lagi. Kedua, saya ucapkan tahniah kepada Suruhanjaya Pilihan Raya kerana dapat menjalankan pilihan raya kecil – sebenarnya bukan tiga Parlimen campur satu tetapi dalam B.4, tiga Parlimen satu DUN, tetapi sejauh ini dah berjaya dikendalikan sebanyak 16 pilihan raya kecil. Jadi, tahniah dan syabas. Untuk peruntukan sebanyak RM46 juta, tidak ada hallah, luluslah.

Ketiga, Maksud B.6 di bawah Jabatan Perdana Menteri. Saya menyokong penuh usaha-usaha untuk membantu JAKIM, untuk elaun guru Kafa, amil, pegawai masjid dan tambahan utiliti bagi masjid baru iaitu Masjid Tuanku Mizan sebanyak RM4 juta dan RM20 juta untuk imbuhan imam. Saya syorkan diluaskan lagi, dibanyakkan lagi bantuan untuk imam, bilal, guru-guru Kafa, amil, dan sebagainya yang menyentuh bukan sahaja masjid malahan surau-sarau di seluruh negara.

Bagi Maksud B.7 di bawah Jabatan Perkhidmatan Awam, sebanyak RM10 juta adalah dikehendaki untuk belanja penubuhan NSG. Saya kurang faham untuk sekolah apa, tujuan apa, sekolah barukah, lamakah? Minta huraian.

Seterusnya bagi Maksud B.20, tambahan sebanyak RM324 juta untuk tuntutan skim stabil harga minyak masak. Ini banyak sangat kita stabil, saya minta penjelasan daripada Kementerian Kewangan.

Bagi Maksud B.22, saya tertarik dengan peruntukan tambahan sebanyak RM20.9 juta untuk MARA. Akan tetapi sayang sedikit, MARA buat kedai kecil-kecil. Saya syorkan lain kali buat kedai besar-besar sikit. Kalau boleh *supermarket*, lawan Giant, lawan TESCO. Ini kecil sahaja, tidak cukup, tidak ada semasa, tidak ada kontemporari. Kedua, MARA juga tidak cukup wang untuk taja pelajar-pelajar Malaysia ke luar negara. Ramai pelajar-pelajar yang cerdas, yang ada otak, yang kelas baik tetapi MARA tidak ada wang. Saya tanya kenapa tidak ada wang? Wang tidak adalah, tidak ada, kerajaan tidak bagi. So, saya cadangkan peruntukan biasiswa kepada pelajar-pelajar yang cemerlang ditambah. Ini yang minta RM20.9 juta ini saya sokong untuk diluluskan.

Saya juga hendak tanya Maksud B.25, peruntukan tambahan sebanyak RM356 juta subsidi untuk gula dan tepung. Kita banyak sangat subsidi gula dan tepung, baik sangat. Saya syorkan lain kali boleh subsidi tetapi potong separuh. Ini RM356.6 juta banyak sangat kita sokong rakyat, padahal kita sokong bukan semua sokong kita. Jadi kita minta supaya dipotong separuh sekurang-kurangnya. Hendak potong habis, semua rakyat memberontak.

Bagi Maksud B.28 di bawah Kementerian Pengangkutan, saya hendak tanya pampasan RM84.9 juta kepada Syarikat Ace untuk apa, pampasan apa? Banyak sangat, kena jelaskan. Bagi Maksud B.32, sebanyak RM20 juta rumah kos rendah diberi oleh Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar. Saya hendak tanya kenapa RM20 juta ini untuk rumah kos rendah awam, adakah untuk yang tertentu atau kepada semua? Saya syorkan dibesarkan dan jangan dibuat pilihan kepada yang tertentu sahaja.

Bagi Maksud B.42 di bawah Kementerian Kesihatan, saya sokong penuh untuk belanja tambahan sebanyak RM136.104 juta untuk naik taraf ataupun bayar utiliti bagi semua jabatan kesihatan dan hospital-hospital. Kita lihat banyak hospital yang uzur, hatta termasuk Hospital Besar Kuala Lumpur. Saya pergi Hospital Kuala Lumpur, dia cat gotong-royong, bersih gotong-royong, saya tanya kenapa? Hendak jimat wang, tidak ada wang, tidak cukup wang. Jadi saya sokong hospital-hospital yang ternama yang utama kena cat, baiki, dan tambah naik taraf.

Saya juga sokong B.42, Maksud 3, di mana sebanyak RM76 juta dikehendaki bayar bil pesakit di IJN. Saya lihat ramai pesakit. Saya salah seorang dapat subsidi bantuan kerajaan. Terima kasih kerajaan. Jadi saya bernasib baik dapat bayar dalam kadar RM29 ribu, tetapi ramai pesakit yang miskin tidak dapat bedah jantung kerana mereka uzur dan miskin. Jadi dalam soal sakit, uzur...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, masa cukup. Yang Berhormat sudah berucap sembilan minit, jadi saya benarkan sambung sebelah petang nanti.

**Datuk Abdul Rahman bin Bakar:** Terima kasih banyak-banyak.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Dewan ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang nanti. Terima kasih.

***Mesyuarat ditempohkan pada pukul 1.00 petang.***

***Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.***

[Tuan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Mesyuarat***]

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat sebelum kita sambung saya ada satu pengumuman iaitu - Silakan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

### **USUL**

#### **WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT**

##### **2.32 ptg.**

**Timbalan Menteri Kewangan II [Datuk Dr. Awang Adek Hussein]:** Tuan Yang di-Pertua. Saya mohon mencadangkan:

Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 11(1), Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga pukul 7.30 malam dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga pukul 10 pagi, hari Khamis, 28 April 2011.

**Timbalan Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air [Puan Noriah binti Kasnon]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui.

**Tuan Yang di-Pertua:** Seterusnya saya persilakan Yang Berhormat untuk menyambung, silakan.

##### **2.33 ptg.**

**Datuk Abdul Rahman bin Bakar:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tadi saya berhenti Maksud B.42. Saya telah bangkitkan untuk bil-bil pesakit. Sekarang saya hendak cadangkan supaya perbelanjaan Kementerian Kesihatan ditambah untuk melancarkan lagi perjalanan Kementerian Kesihatan iaitu pesakit-pesakit kronik macam jantung, mereka tunggu lama sangat. Ada sebulan itu pendek, ada tiga bulan, enam bulan, malahan bertahun-tahun untuk mendapatkan rawatan. Jadi, saya syorkan supaya sebahagian daripada RM76 juta atau sebahagian daripada RM1 bilion lebih itu dimasukkan untuk tambah kakitangan, doktor, *nurse* ataupun pakar-pakar untuk melicinkan lagi dan membantu pesakit-pesakit terutama yang kronik-kronik macam kanser, buah pinggang, paru-paru dan jantung supaya mereka tidak menjadi mangsa kematian akibat tunggu lama-lama. Orang kata jangan tunggu lama-lama, nanti mati... [Ketawa] Bukan jangan tunggu lama-lama nanti diambil orang, tapi nanti mati... [Ketawa]

Kedua, saya dapati peruntukan B.45 Kementerian Belia dan Sukan. Tambahan sebanyak RM10 juta adalah untuk membiayai penubuhan Tabung Pembangunan Bola Sepak Negara. Saya setuju bukan tidak setuju tetapi kenapa bola sepak sahaja? Pada hal bola sepak sudah jadi johan, mungkin sudah jadi johan SEA – untuk tingkatkan lagi tetapi lain-lain bidang sukan kena juga tambah peruntukan. Seperti renang, olahraga, badminton, takraw, memanah dan macam-macam bidang sukan tetapi tidak dinyatakan, mungkin tidak perlu. Pada fikiran saya tidak mungkin tidak perlu kerana bidang-bidang yang lain tercicir jauh ke belakang. Jadi, perlu ada rasional untuk ditambah peruntukan, jangan bola sepak sahaja.

Kemudian Maksud B.45 itu saya syorkan supaya diambil kira pada belia-belie. Jangan sukan, sukan, sukan! Akan tetapi belia dilupakan, dipinggirkan. Saya lihat di bandar mahupun di luar bandar, belia-belie menangis, mengemis untuk dapatkan peruntukan sama ada belia niaga atau usahawan atau kegiatan lain-lain belia. Bila mereka minta tetapi kementerian cakap tidak ada duit, tidak cukup duit, padahal bajet tambahan tidak diminta. Adalah rasional sekali untuk kementerian mengambil langkah yang patut, yang padan supaya bajet ini bukan sukan sahaja. Sukan saya sokong bukan tidak sokong tetapi belia juga penting. Jangan belia dipinggirkan untuk masa depan negara kerana kita sedar kalau belia dipinggirkan, mereka tidak ada buat apa-apa jadi kutu rayau, jadi mat rempit, jadi bohsia, bohan, 'bohtan.' 'bohti' entah apa lagi, tetapi jadi bohan, bohsia, tidak baik. Jadi, kena tumpu untuk tambah bajet.

Maksud B.47, dia ada tambah sebanyak RM5 juta sahaja untuk Jabatan Hal Ehwal Khas (JASA). Bagi negeri Sarawak sahaja. Saya bukan tidak sokong, sokong tetapi Sarawak sudah menang bukan dibiarkan. Akan tetapi apa hal negeri-negeri lain? Saya lihat JASA ini banyak berjasa. Pilihan raya mungkin tahun depan, jadi tambah lagi bajet, ambil kira lagi negeri lain seperti Kedah, Penang, Kelantan, Yang Berhormat Datuk Dr. Awang Adek punya negeri, Terengganu, Selangor, macam-macam dan kena tambah lagi bajet. Sarawak, Sarawaklah tetapi negeri-negeri lain tambah.

Kedua, pegawai-pegawai JASA kena tambah juga sebab pegawai-pegawai JASA ini banyak berjasa. Mereka boleh lontarkan idea macam mana sejarah negara dibina. Macam mana negara kini berada, macam mana cabaran masa depan negara. Itu sebahagian daripada tugas dan tanggungjawab pegawai-pegawai JASA di kementerian ini.

#### ■1440

Kedua, saya ulang sekali lagi sudahlah cerita hantu ini. Berhentilah. Puntianak, anak puntianak, sini ada hantu, kum kum dan macam-macam. Ia tidak berfaedah sangat. Kalau mahu cerita sangat hantu sedikit-sedikit bolehlah. Ini tiap-tiap malam. Hantu Malaysia, hantu luar negeri, hantu China, hantu Indonesia dan macam-macam hantu, dari segi psikologi tidak bagus. Ia tidak ada perkembangan minda. Apa yang ada jiwa lemah, jiwa toya, jiwa lembik, jiwa penakut dan jiwa pondan. Itu tidak bagus.

Kalau televisyen mahu bina bangsa dan perkasa perlu ada buat kerja-kerja bina minda dan bukan takutkan minda. Kata orang, kalau didik anak kalau kita kata pada dia, "*Anak, tidak boleh pergi sini ada hantu, sana ada hantu*"

Sampai bila anak kita mahu berani dan jadi perkasa? Lembik. Cerita-cerita ini sudahlah ibu bapa buat. Ini dilanjutkan lagi kepada televisyen media negara. Ia tidak bagus.

B.47 sudah, B.49 Kementerian Pengajian Tinggi. Saya bersetuju dengan kawan saya Senator Ketua Pembangkang tanya, RM30 juta, kenapa APEX dibuat untuk USM sahaja? Saya setuju sangat dan yang lain-lain kurang setujulah. Ini setuju, ini bagus. Saya fikir lain-lain universiti dalam Malaysia, dalam negara kita ada 18 buah universiti. Kenapa ditumpukan USM? Saya mahu tahu apakah *specialnya* USM sedangkan *result* USM bukan bagus sangat? *Sorry, vice chancellor* dan pensyarah-pensyarah. Kita berpijak di bumi kenyataan. Oleh sebab itu saya mahu APEX kalau mahu bantu, bantulah. Akan tetapi APEX harus berkembang ke universiti-universiti lain sama ada dalam negara atau luar negara. Kalau mahu beri APEC berilah. Kalau tidak jangan beri. Kalau beri juga, menunjukkan kita tidak adil. Anak seorang dikendong dan anak 17 dipinggirkan, dicicirkan. Ia tidak bagus.

Kedua, saya mahu tahu juga sebanyak RM5 juta untuk menampung tambahan Program Pentauliahan Profesional (3P). Ini sangat bagus dan kita sokong supaya *lecturer* dan pentadbir kita banyak yang jadi profesional. Kita tidak mahu ada bakat dan kebolehan kita hentikan. Contoh guru. Dahulu saya guru. Saya mahu buat *master* tidak boleh. Berhenti setakat ijazah pertama sahaja. Mahu buat PhD lagi tidak boleh. Oleh sebab itu sekarang orang tidak panggil saya profesor sebab, saya tidak boleh buat PhD sebab guru disekat. Jadi, rancangan Kementerian Pengajian Tinggi untuk beri RM5 juta saya sokong malah kalau mahu *double* atau *triple* pun tidak mengapa, sokong lagi.

B.60 - Kementerian Pertahanan. Sebanyak RM47,710,200 diberikan untuk bantuan khas. Saya mahu tahu, bantuan khas apa? Katalah satu ayatkah atau dua ayatkah, bantuan khas untuk apa? Ini banyak sangat khas, khas, *special*. Jangan begitu. Kita Ahli-ahli Dewan mahu tahu juga belanja untuk apa, bantuan khas apa, rancangan khas apa, aktiviti apa?... Betul atau tidak?

**Beberapa Ahli:** Betul!

**Datuk Abdul Rahman bin Bakar:** Hah! Betul. Jadi kita mahu tahu apa jenis bentuk dan sifat. Saya setuju dengan Ketua Pembangkang lagi sekali. Sudah dua kali setuju... *[Ketawa]* Kalau tiga kali dapat..., Allah... *[Ketawa]*

B.62 - Kementerian Dalam Negeri. Oh! Banyak sangat tambah, RM493.251 juta saya setuju. Akan tetapi saya mahu tanya yang ini kenapakah setengah itu tinggi sangat RM400 juta atau RM300 juta? Ada RM5 juta pun naik dalam ini. Ada RM10 juta pun naik. Seolah-olah tidak ada selaras antara satu kementerian dengan satu lain. Saya mahu minta supaya Kementerian Kewangan supaya beri satu piawai. Mahu angkat bajet itu jangan besar sangat dan jangan kecil sangat. Kalau besar sangat seolah-olah pihak kewangan di kementerian tersebut tidak kaji betul-betul, bukan tidak pandai sangat, dia pandai tetapi tidak peka. Dia rasa boleh buat bajet tambahan bila setengah tahun, *guarantee* Ahli Dewan Rakyat atau Parlimen beri lulus. Kita beri lulus tetapi tunjukkanlah rasional sedikit. Kalau RM400 juta atau RM300 juta tambah, saya ingat tidak kaji betul-betul. Saya minta kaji betul-betul.

Satu lagi saya mahu tanya, B.62 maksud ditambah untuk gaji kakitangan. Boleh tambah gaji tetapi integriti mesti ada. Saya lihat di kementerian ini ada sedikit ancaman. Ada sedikit masalah integriti. Masalah orang sudah tahu. Imigresen banyak masalah. Kastam juga banyak masalah. Kalau tidak ada masalah, masakan mereka, gambar mereka keluar televisyen dan surat khabar, malu. Anak dia malu dan dia malu. Jadi, seolah-olah kementerian ini tidak ada integriti.

Semalam Dato Sri Dr. Mohd. Effendi bin Norwawi tidak ada, *absent*. Tuan Yang di-Pertua ada. Ada ceramah dan tunjuk tentang integriti. Ini kalau mahu tambah, boleh. Kakitangan boleh tambah tetapi daya saing, integriti mesti ada. Tidak guna kita tambah kakitangan, rasuah! Tidak guna kita tambah gaji, masalah disiplin. Saya syorkan supaya mana-mana kementerian dan mana-mana jabatan ada masalah, hantar belajar, hantar *retreat*, hantar kem supaya belajar integriti dengan lebih baik dan lebih yakin lagi. Barulah menjadi pegawai yang bertanggungjawab. Kalau tidak lokap, lokap, lokap. Kita malulah.

Kadang-kadang kita malu bila disoal oleh SPRM, dia bunuh diri. Bukan satu bunuh diri, dua. Saya tidak mahu Tuan Yang di-Pertua, jadi tiga. Dua bunuh diri. Orang kata SPRM salah padahal dia salah. Siapa suruh dia bunuh diri? Dia bunuh diri, dia salahlah. Jadi, dia tidak ada integriti. Walaupun dia Islam. Tekanan kuat dan salah kuat langsung mahu ambil jalan pintas, terjun tingkap bunuh diri. Oleh sebab itu, saya tidak mahu kejadian bunuh diri lagi berlaku. Oleh sebab itu saya mahu syorkan Datuk Dr. Awang Adek Hussein selaku Timbalan Menteri Kewangan I syorkan supaya tambah gaji, tambah kursus, tambah yakin dan tambah integriti. Setuju?

**Beberapa Ahli:** Setuju!

**Datuk Abdul Rahman bin Bakar:** Sudah setuju, okeylah. B.62, bahagian dua, tambah lagi RM100 juta. Itu banyak untuk *infra* depoh imigresen. Saya setuju tetapi depoh perlu ingat, bukan imigresen sahaja, polis pun perlu tambah depoh. Kastam perlu tambah depoh. Mengapa, mengapa? Ini imigresen saja ditambah. Ia tidak adil.

■1450

Kalau nak tambah, imigresen di bawah KDN, polis di bawah KDN dan lain-lain kena tambah depoh masing-masing. Saya lihat depoh polis-polis di Malaysia, dahsyat. Kereta situ, semua logistik situ, barang cakera situ, cacamerba situ, merbacaca pun situ. Jadi, tidak urus, tidak cantik, tidak kemas. So, saya ingat depoh boleh tambah di imigresen tapi di lain-lain jabatan kena tambah juga.

Satu lagi, saya nak buat rumusan yang terakhir iaitu bajet ini satu, di Parlimen. Parlimen kita bersidang, kita bincang pertama soalan-soalan. Daripada pukul 10 pagi hingga 11.30 pagi, kemudian kita bincang juga titah ucapan, kedua. Kemudian kita bincang lagi Bajet Tambahan, ketiga. Kemudian kita bincang lagi rang undang-undang. Jadi, berapa hari?

18 April kita mula, 28 April kita habis. Kita didesak untuk bincang. Nak bincang, Tan Sri tak salah. Dia cuma bertugas sahaja tapi dia kata cukup, cukup, cukup, aduh letihlah. Nak cakap tak boleh, tak nak cakap tak boleh. Nak cakap titah ucapan itu penting tapi tak ada masa, rang undang-undang itu penting, jenayah dah tunggu tapi tak boleh buat.

Ini bajet tambahan tak cukup masa. So, saya cadangkan urusan Parlimen kena tambah masa, kena tambah wang... [Tepuk] Tepuk kuat sikitlah... [Tepuk] Tambah masa, tambah wang, tambah elaun... [Tepuk] Kita bukan *rubber stamp*, bukan kita datang nak duit sahaja. Nak jaga negara, nak jaga bangsa, nak jaga Dewan, nak jaga integriti, bukan nak jaga orang-orang. Bukan nak jaga UMNO sahaja, bukan nak jaga PKR sahaja, bukan nak jaga PAS sahaja, bukan nak jaga DAP sahaja. Nak jaga rakyat dan bangsa Malaysia.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih. Senang saya buat kerja Yang Berhormat.

**Datuk Abdul Rahman bin Bakar:** Nak jaga Tan Sri juga.

**Tuan Yang di-Pertua:** [Ketawa] Terima kasih banyak Yang Berhormat.

**Datuk Abdul Rahman bin Bakar:** Sama-sama. Tambah lagi masa?.. [Ketawa]

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya benarkan, saya benarkan... [Ketawa] Saya benarkan Yang Berhormat, teruskan.

**Datuk Abdul Rahman bin Bakar:** Tan Sri nampak berseri-seri. Jadi, kita *joke put aside* tapi yang penting kita nak bincang betul-betul, nak bertanggungjawab. Kena tambah masa. Bolehkah Dewan Rakyat bincang 21 hari, kita bincang enam hari. Tambah-tambah desak kita sampai pukul 11, malam tadi pukul berapa?

**Tuan Yang di-Pertua:** Dekat pukul 12 malam Yang Berhormat.

**Datuk Abdul Rahman bin Bakar:** Balik rumah Tan Sri, nak usik bini pun tak sempat, tidur sahaja. Siapa letih? Bini nak usik suami pun tak sempat, letih, letih. Kita kena rasional. Sebab itu saya minta Ahli-ahli Dewan sokong kita untuk tambah masa, tambah bajet... [Tepuk] Tambah peruntukan wakil-wakil rakyat Dewan Negara. Kedua, rumusan yang kedua, saya minta Menteri Kewangan supaya selaraskan bajet. Tidak hendak kita yang tinggi itu tinggi sangat, yang rendah jadi rendah sangat. Yang bengong, bengong sangat. Tak ada apa-apa. Rumusan saya yang ketiga, belanja bajet biarlah habis. Ada kementerian belanja-belanja tak habis, belanja-belanja tak habis. Ada kementerian, setengah tahun pun tak cukup, tambah lagi. Buat apa setengah tahun tak cukup? Sebab apa? Sebab dia tak ada pakar dan dia tak hitung betul-betul. Dia gopoh sikit tapi tak merumuskan semua perkara di kementerian yang berkenaan.

Jadi, kesimpulannya saya sokong bajet ini untuk diluluskan dengan cadangan-cadangan saya tadi. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih banyak-banyak. Kalau semuanya agaknya macam Yang Berhormat ini seronok juga Dewan ini, hidup kita. Walau bagaimanapun, seterusnya kita ada terima sekarang ini lagi tujuh Ahli Yang Berhormat nak berucap. Saya persilakan seterusnya Yang Berhormat Dato' Mohammed Najeeb bin Abdullah.

**2.56 ptg.**

**Dato' Mohammed Najeeb bin Abdullah:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya peluang untuk sama-sama berbahas dalam belanjawan ini. Dalam Anggaran Perbelanjaan Mengurus, kita ada lebih sebanyak RM13.1 bilion dan juga dalam Pembangunan RM1.946 bilion. Ada beberapa perkara penting yang saya ingin kupas bagi menjimatkan masa.

Yang pertama, berhubung dengan B.6 – Jabatan Perdana Menteri. Oleh kerana ada juga Ahli-ahli Yang Berhormat tadi telah menyentuh bahawa kebanyakan Anggaran Perbelanjaan Tambahan ini adalah disebabkan oleh emolumen yang melibatkan hampir kesemua kementerian. Saya cuma ingin bertanya kenapa dalam perkara di bawah Jabatan Perdana Menteri, anggaran tambahan tinggi untuk dibayar kepada KAFAs, takmir dan juga penyelaras-penyelaras masjid sehinggakan RM50 juta.

Adakah ini kerana tambahan pegawai-pegawai baru ataupun perbelanjaan di luar jangkaan? Ertinya tidak dimasukkan semasa kita membuat bajet di peringkat awal 2010 dahulu, untuk 2011 maksud saya. Begitu juga dengan imbuhan imam, untuk September hingga Disember 2010 sahaja sehinggakan RM20.5 juta. Adakah ini tidak dijangkakan terlebih dahulu kerana ini adalah Anggaran Perbelanjaan Tambahan sahaja. Menyentuh tentang tambahan RM20.5 juta untuk Penggerak Perpaduan dan Rukun Tetangga. Tuan Yang di-Pertua, ini memang kita alu-alukan kerana di ketika ini, ketika berlakunya polarisasi kaum yang semakin meningkat, saya nampak bahawa RT dan juga persatuan penduduk boleh memainkan peranan yang cukup penting dan efektif bagi menjalin perhubungan di antara pelbagai kaum. Jadi, dengan adanya penambahan-penambahan ini dan mungkin boleh diambil berat untuk belanjawan-belanjawan yang akan datang agar kita dapat melihat satu keadaan yang mana dengan masyarakat majmuk yang ada di negara kita, boleh kita tingkatkan tahap perpaduan.

Perkara B.20 tentang Kementerian Perusahaan, Perladangan dan Komoditi yang mana RM324 juta dipohon bagi menstabilkan harga minyak masak. Sebagaimana yang telah disentuh oleh Ahli-ahli Yang Berhormat tadi bahawa ini satu subsidi yang tinggi yang mana telah terpaksa dikeluarkan kerana keadaan-keadaan yang mendesak. Kalau kita masih ingat, sebagai sebuah negara pengeluar minyak sawit yang diproses, kita tidak seharusnya mengalami keadaan *shortage*. Ini sebenarnya adalah *artificial shortage* Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, tetapi oleh kerana keadaan-keadaan, tekanan-tekanan perasaan dan juga perbuatan-perbuatan negatif di kalangan peniaga-peniaga tempatan dan juga keadaan-keadaan di mana stok-stok minyak kita dibawa ke luar negeri dengan agak berleluasa, maka terjadilah perkara ini yang menyebabkan kita terpaksa menanggung sebanyak RM324 juta.

Soalannya, *moving forward*. Selepas ini apakah mekanisme yang kita boleh perkenalkan agar tidak lagi kita perlu mengeluarkan perbelanjaan yang tinggi semata-mata bagi subsidi-subsidi untuk komoditi-komoditi seumpama ini.

**■1500**

B.24 - Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri. RM5.7 juta untuk *Forbes Global CEO Conference 2011* yang mana akan diadakan di Kuala Lumpur pada 12 September sehingga 14 September. Tidak silap saya tahun ini, yang mana akan menghimpunkan 400 orang pemimpin-pemimpin, perniagaan CEO daripada seluruh pelosok dunia. Jadi, kita amat mengharapkan agar *conference* ini akan benar-benar mencapai matlamatnya dengan perbelanjaan yang kita keluarkan sebanyak RM5.7 juta agar kita mendapat *economic benefits*, dengan izin, bukan sahaja untuk jangka masa pendek tetapi jangka masa panjang. Mungkin tidak juga lupa kalau kita sarankan agar Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini tidak ditinggalkan semasa *conference* itu.

Tuan Yang di-Pertua, perkara B.28 berhubung dengan Kementerian Pengangkutan. Sebanyak RM84.9 juta diperlukan untuk pampasan syarikat ACE. Syarikat ini saya difahamkan adalah syarikat ataupun akademi memandu yang mana menawarkan perkhidmatan melatih pemandu-pemandu kenderaan berat, lori, bas dan teksi bagi mendapatkan permit PSV. Pemandu-pemandu ini perlu menghadiri kursus dan juga pemandu-pemandu yang telah ada lesen ini, kalau hendak memperbaharui lesen, perlu menghadiri kursus di akademi ACE ini. Ia telah beroperasi lebih kurang enam tahun dan akhirnya menamatkan perkhidmatannya pada tahun 2006.

Antara perkhidmatan yang – ataupun bayaran yang dikenakan untuk satu pakej tiga hari dua malam bagi pemandu-pemandu ini adalah sebanyak RM1,450 dan hampir 2,000 orang pemandu-pemandu telah dilatih oleh akademi ini. Jadi soalnya, mengapakah dan apakah signifikannya ataupun penyebabnya yang kerajaan terpaksa menampung pampasan ini? Ini harus diperjelaskan. Apakah nasib pekerja-pekerja syarikat ACE ini terutama ada 117 orang jurulatih pemandu-pemandu tersebut, telah diberhentikan kerja tanpa mendapat pampasan? Jadi adakah sebahagian daripada pampasan kerajaan kepada syarikat ACE sebanyak RM84.9 juta ini nanti akan digunakan untuk membayar pampasan kepada mereka yang telah diberhentikan kerja sedikit masa dahulu.

Kementerian yang sama juga sebanyak RM2.42 juta telah digunakan Tuan Yang di-Pertua untuk melobi sebagai ahli majlis *International Civil Aviation Organization* (ICAO). Difahamkan juga pada bulan Oktober 2010, di Montreal, Kanada, negara telah berjaya menjadi ataupun memegang semula kerusi ahli majlis ICAO yang mana pada ketika itu kita telah mendapat 137 undi daripada 161 buah negara yang menghadiri pertubuhan tersebut. Saya ingin tahu, apakah pentingnya ICAO kepada kita? Mengapakah kita harus berbelanja RM2.42 juta melobi untuk mendapatkan kedudukan sebagai ahli majlis tersebut?

Perkara B.42 – Kementerian Kesihatan. Tambahan sebanyak RM1 bilion, satu angka yang tinggi juga tetapi kebanyakannya adalah kerana emolument. Di samping itu, terdapat permohonan tambahan sebanyak RM76 juta bagi menampung kekurangan untuk pesakit-pesakit kerajaan di IJN.

Saya ingin tahu sama ada bayaran RM76 juta ini adalah untuk kakitangan kerajaan ataupun untuk menjelaskan ataupun melunaskan hutang-hutang lapuk termasuk mereka yang bukan – sudah tentu mereka bukan anggota kerajaan. Ini kerana apa yang saya difahamkan, bagi seseorang pesakit diterima masuk ke IJN, syarat-syaratnya ketat juga. Kalau tidak ada *Guarantee Letter* (GL) ataupun deposit, pihak IJN tidak akan terima. Saya menyebut sedemikian kerana ada seorang pesakit jantung mengadu kepada saya bahawa dia terpaksa balik walaupun cuba ditahan oleh pihak hospital IJN kerana pesakit ini tidak mampu membayar deposit. Dia hanya seorang pekerja biasa sahaja. Kalau untuk melunaskan hutang-hutang lapuk, berapa banyak dan berapakah bilangan pesakitnya?

Perkara 4.5 – Kementerian Belia dan Sukan, tentang peruntukan RM10 juta untuk tabung pembangunan bola sepak negara. Ini juga telah banyak dibincangkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat termasuk Datuk Abdul Rahman bin Bakar tadi. Akan tetapi saya yakin ini adalah sebagai satu peruntukan *One-Off*. *One-Off* bermaksud setelah pasukan negara berjaya menjadi juara Piala AFF Suzuki di Jakarta baru-baru ini dan juga menjadi juara ataupun meraih pingat emas ketika Sukan SEA di Laos pada 2009. Kita berharap agar peruntukan ini digunakan semata-mata untuk pembangunan di peringkat akar umbi sebagaimana hasrat Yang Amat Berhormat Perdana Menteri agar peruntukan RM10 juta ini digunakan bagi mengeluarkan ataupun melatih bakat-bakat baru, meningkatkan mutu kejurulatihan dan juga pegawai-pegawai bagi menjamin status kita sebagai juara dalam kawasan ASEAN ini dapat kita pertahankan.

Di samping itu, saya mengambil kesempatan untuk mencadangkan kepada FAM bagi meningkatkan mutu pemain-pemain bola sepak negara. Kalau dahulu kita ada dibenarkan pemain-pemain import dan kita telah mengeluarkan dan mengubah beberapa dasar sehinggakan cacamerba dasar kita. Di tahun pertama kita ada tiga orang pemain import. Kemudian, kita ubah. Kita *limit* kepada dua orang sahaja, kemudian kita berhenti terus. Akhirnya pada hari ini, setelah beberapa tahun kita tidak mempunyai ataupun membenarkan pemain import bermain dalam liga super kita, kita kurang menyerlah sehingga pada tahun 2010 dan 2011.

Jadi, kalau kita ambil negara-negara yang maju dalam bidang sukan ataupun dalam bola sepak umpamanya Jepun, Korea dan juga *Spain* iaitu Sepanyol. Sepanyol hari ini menjadi juara Piala Dunia 2010 kerana Sepanyol mempunyai satu liga bola sepak yang terunggul di dunia. Kalau kita sebut Sepanyol, kita mesti ingat Real Madrid, kita mesti ingat Barcelona dan sebagainya. Hampir semua pemain terbaik dunia datangnya dari Sepanyol. Jadi, kalau kita boleh urus pertandingan kita dengan baik dengan adanya kemasukan pemain-pemain daripada luar negara, saya yakin perkara ini akan menambah baik keadaan.

Dalam anggaran perbelanjaan tambahan untuk Pembangunan Tuan Yang di-Pertua, ada perkara P.10 di bawah Perbendaharaan RM61.4 juta untuk faedah pinjaman Jambatan Kedua Sdn. Bhd. Jadi, saya ingin tahu sama ada tambahan RM61.4 juta ini adalah sebagai tambahan faedah, adakah disebabkan oleh *financing cost* yang telah meningkat? Adakah kerana terma-terma lain yang telah meningkat dan mengapa?

Ini kerana selalunya kalau kita buat pinjaman, sudah tentu kita menjangka untuk jangka masa yang panjang dan tidak boleh menyebabkan pinjaman atau kadar pinjaman itu berubah melainkan dengan faktor-faktor yang telah dimeterai dalam perjanjian itu. Jadi, itulah sahaja Tuan Yang di-Pertua. Saya mohon menyokong. Terima kasih.

■1510

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Dipersilakan Yang Berhormat Datuk Hajah Wan Hazani. Yang Berhormat bersedia tidak? Kalau tidak bersedia, saya beri kepada orang lain dahulu. Saya mempersilakan Yang Berhormat Puan Hajah Mumtaz.

**3.10 ptg.**

**Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana membenarkan saya untuk sama membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2010) 2011.

Saya ingin mulakan dengan perbahasan B.1 bagi Parlimen. Saya ingin mencadangkan kepada pihak kerajaan agar membuat satu ketetapan bagi memastikan bahawa kita akan menjadi satu kumpulan yang pertama yang akan memartabatkan bahasa Melayu di peringkat antarabangsa dengan mewajibkan penggunaan bahasa Melayu di semua seminar di peringkat antarabangsa yang akan diwakili oleh Parlimen Malaysia. Ini termasuklah di peringkat ASEAN untuk AIPA ataupun WAIPA, begitu juga dengan CPA untuk Komanwel dan juga untuk di IPU.

Ini kerana kita lihat dari segi perjawatan di Parlimen terdapat banyak jawatan yang dipanggil jurubahasa. Akan tetapi hari ini jurubahasa-jurubahasa yang berada di Parlimen, mereka akan berkhidmat sebagai pegawai penyelidik sekiranya mereka ini dibawa ke luar negara. Jadi, kita lihat kalau di negara-negara lain mereka boleh membawa jurubahasa dan jurubahasa benar-benar berfungsi sebagai jurubahasa. Kita lihat banyak kekangan yang berlaku yang sepatutnya kita boleh selesaikan sekiranya kita menggunakan bahasa Malaysia sebagai bahasa perantaraan.

Ini kerana mewakili ASEAN ini kita ada negara seperti Indonesia dan Singapura serta selatan Thailand yang sebenarnya memahami bahasa-bahasa ini. Sampailah masanya untuk Malaysia mengambil langkah yang sama untuk menggunakan bahasa Malaysia di peringkat antarabangsa sebagai usaha sama dan langkah yang jitu untuk mengembalikan bahasa Melayu sebagai bahasa lingua franca dalam era hari ini. Ini juga akan menyebabkan *insya-Allah* khidmat-khidmat jurubahasa dan akan menambahkan lagi martabat bahasa ini di peringkat antarabangsa.

Saya juga ingin mencadangkan pihak Parlimen, sebelum ini saya sebut banyak kali sudah tentang masalah pencetak. Kita ada komputer tetapi tidak *compatible* dengan komputer-komputer lain. Bila kita guna komputer ini, untuk kita *print* terpaksa cari komputer yang benar-benar *compatible*. Ini kerana hari ini tidak link, tidak ada *connection* yang dibuat daripada komputer ini dengan pencetak di luar. Ertinya kami terpaksa turun di bawah ataupun pergi cari pegawai yang boleh tukarkan daripada sistem ini kepada sistem yang baru. Jadi, benda ini menyebabkan susah. Jadi, kita pohon.

Komputer ini dipasang sudah lebih daripada dua tahun, takkanlah masalah pencetak pun tidak boleh selesai. Ini masalah Parlimen. Jadi, saya pohon perkara ini diambil tindakan oleh pihak yang berwajib.

Kedua berkaitan dengan B.28 – Kementerian Pengangkutan. Sebelum ini saya sebut Kementerian Pelancongan mengenai *Asian Pass*. Jadi bila melibatkan *Asian Pass* ini, pihak MAS sebelum ini ada melancarkan satu produk yang namanya *Asian Pass* yang kita dikhabarkan jarang digunakan oleh orang Malaysia, tetapi banyak digunakan oleh pelancong-pelancong asing. Bila kita melayari *Malaysian Airline online* hari ini, kita dapati *Asian Pass* ini telah dibatalkan khidmatnya. Jadi saya ingin bertanya kepada pihak kerajaan, kenapakah dan atas sebab apakah pihak *Malaysian Airlines* membatalkan *Asian Pass*? Adakah ini cukup dengan menggantikan dengan tawaran-tawaran yang lebih baik? Setakat ini, berapakah jumlah pulangan yang telah didapati daripada *Asian Pass*.

Kedua berkaitan dengan *reimbursement* kepada pesalah saman ekor. Semalam kita dengar Yang Berhormat Menteri Pengangkutan memberitahu bahawa pihak kerajaan tidak lagi akan mengambil mana-mana bayaran daripada pesalah yang belum dibuktikan bersalah di mahkamah. Soalnya, daripada tahun lepas lagi sehingga awal tahun ini, ramai rakyat kita yang telah pun membayar saman ekor atas anggapan dan persepsi bahawa mereka bersalah tanpa mereka terlebih dahulu pergi ke mahkamah untuk membuktikan bahawa diri mereka ini bersalah dan mereka bayar.

Hari ini saya ingin bertanya kepada pihak kerajaan, adakah dalam kita membincangkan bajet pada hari ini kita bersedia untuk mengembalikan semula wang-wang yang telah pun dibayar oleh rakyat ini sebagaimana kerajaan boleh mengembalikan semula wang-wang yang telah dikutip daripada Lembaga Hasil Dalam Negeri sekiranya terlebih bayar. So dalam konteks ini, mereka sudah terbayar. Jadi, adakah ada peluang untuk pihak rakyat untuk dapat semula wang-wang yang telah pun dibayar?

Ini kerana kita lihat banyak juga kes saman ekor ini, kalau ada tiga saman dan mereka ini mungkin pendapatannya dalam RM1,000, kalau tiga saman, mereka terpaksa berhutang untuk bayar. Kalaulah perkara ini boleh dibuat, saya rasa inilah satu langkah yang cukup baik yang sepatutnya diambil tanggungjawab oleh pihak kerajaan bilamana Yang Berhormat Menteri mengisytiharkan bahawa mereka tidak boleh sebenarnya mengambil bayaran tanpa dibuktikan pesalah-pesalah trafik ini benar-benar bersalah.

Seterusnya berkaitan dengan pengangkutan juga. Saya ingin bertanya kepada pihak kerajaan khususnya berkaitan dengan *Malaysian Airline*. Setakat ini, berapakah jumlah *consumption* ataupun penggunaan serta minuman arak yang telah pun dihidangkan dalam penerbangan Malaysia? Ini kerana hari ini kita lihat banyak pencapaian yang telah pun dianugerahkan kepada *Malaysian Airlines*. Kita lihat terutamanya dari sudut layanan, tidak ada kaitan pun dengan arak.

Jadi, adakah dengan keadaan ini kerajaan bersedia untuk mengadakan perkhidmatan-perkhidmatan untuk memberikan layanan dan membekalkan arak secara percuma dalam penerbangan Malaysia khususnya untuk penerbangan luar negara? Ini kerana kita lihat syarikat-syarikat terkemuka antarabangsa lain yang melibatkan penerbangan juga tidak menawarkan khidmat seperti ini. Jadi, saya rasa sudah sampai masanya untuk kita juga turut mengambil langkah yang sama dan menghentikan hidangan seperti ini dalam penerbangan kita.

Saya juga ingin minta pendapat pihak kerajaan tentang *coach* wanita. Tahun lepas kerajaan melancarkan *coach* wanita, bagaimanakah perkembangan *coach* ini? Adakah kerajaan bersedia untuk menambah *coaches* ini dan diperkembangkan ke negeri-negeri lain? Sekiranya perkara ini mendapat sambutan baik, saya rasa sampai masa jugalah pihak kerajaan mempertimbangkan perkara ini kerana banyak unsur yang dapat kita elakkan apabila kita dapat buat *coach* wanita seperti ini.

Dua tiga bulan yang lepas dalam persidangan Dewan Rakyat timbul isu tentang pemandu wanita yang dikatakan menjadi antara penyebab kemalangan di jalan raya. Saya baru sahaja mendapat satu maklumat daripada pihak kementerian berkenaan dengan - kita ada lebih kurang daripada tahun 2000 hingga tahun 2010, wanita yang terlibat dengan kemalangan berjumlah 26,876 dan jumlah ini stabil daripada tahun 2000 sampai tahun 2010. Jumlah kemalangan yang membabitkan wanita adalah melibatkan lebih kurang 2,000 dalam setahun. Jadi, dengan peningkatan dan penguasaan mereka di dalam segi semua bilangan kenderaan, bilangan pemandu makin tinggi. Saya mengucapkan tahniah kepada semua pemandu dan pengguna-pengguna kenderaan melibatkan wanita kerana mereka telah pun menunjukkan sikap yang baik dengan jumlah pencapaian dan purata sebagaimana yang telah diajukan pada hari ini.

Berkenaan dengan B.47 – Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan. Saya ingin minta kerjasama daripada pihak kementerian untuk memerhatikan ASTRO dan juga TV-TV perdana khususnya dari segi jenama ataupun tajuk-tajuk filem. Sebelum ini kita dengar – pihak kita telah pun membangkitkan tentang nama ‘*Halimah Jongang*’. Hari ini ada pula ‘*Fatimah Juling*’. Jadi, saya rasa perkara ini cukup-cukup mengecilkan hati. Ini adalah satu maruah. Kalau dalam *Interlok* kita boleh mengamuk, buat demonstrasi, semua kita buat kerana apa? Kerana menyentuh sesuatu kaum. Dalam kes wanita Melayu Islam digelar jongang, digelar juling, ini bukan perkara yang sihat. Perkara ini cukup memalukan bila anak saya sendiri yang Darjah 4 kata, “Umi, kenapa, mereka ini tidak ada maruahkah?”.

Bagi saya ini perkara yang saya cukup malu. Kalau hendak letak, fikirlah nama dari segi benda yang boleh memberi. Ini kerana media ini satu alat untuk kita membudayakan pemikiran. Jadi, kalau kita katakan ‘juling’ ataupun ‘jongang’ seperti ini, ini mempertikaikan kejadian Allah SWT. Jadi, perkara ini tidak boleh kita jadikan suatu perkara yang dimainkan. Ini kerana *alhamdulillah* mungkin anak kita tidak ada yang juling, tidak ada yang jongang.

Akan tetapi, bagaimana orang yang ada anak yang juling dan jongang? Perkara ini kalau letak nama bangsa lain, mesti orang mengamuk.

Akan tetapi kita tidak ada masalah apa dan Fatimah ini adalah nama anak Nabi Muhammad SAW. Saya rasa cukuplah, hentikanlah tajuk-tajuk seperti ini. Carilah tajuk-tajuk yang lebih munasabah walaupun hendak buat komedi ataupun lawak. Cukuplah perkara seperti ini.

Saya juga ingin tanya kepada pihak kementerian khususnya apabila kita melaksanakan Akta Perlindungan Data Peribadi, saya difahamkan hari ini di peringkat semua Majlis Agama Islam dan juga Jabatan Hal Ehwal Agama Islam seluruh negara, kita dimaklumkan bahawa walaupun kebanyakan negeri telah mewajibkan maklumat ataupun pemeriksaan HIV dibuat selepas daripada pewartaan Akta Perlindungan Data Peribadi, kita dimaklumkan bahawa pihak Kementerian Kesihatan telah pun menutup ataupun menyembunyikan serta tidak memberikan lagi maklumat ini kepada pasangan atas dasar ini adalah data peribadi. Jadi tidak ada guna kalau kita membuat semakan, pemeriksaan kalau maklumat tidak dapat diberikan.

Saya hendak tanya di sini, kalaulah akta ini kita sudah buat, tidakkah ada pengecualian untuk kes-kes melibatkan insurans? Kalau syarikat insurans berhak untuk tahu status kesihatan orang yang akan dilindungi olehnya, apatah lagi hak seorang pasangan untuk mengetahui status pasangan dan juga keluarga. Kita ada anak daripada kecil kita pelihara, mereka buat pemeriksaan dan tidak mendapat jawapan. Jadi, perkara ini saya minta untuk Akta Perlindungan Data Peribadi tolong buat pengecualian yang khusus bagi pasangan-pasangan yang hendak berkahwin. Laporan kesihatan tentang pemeriksaan HIV ini hendaklah didedahkan kepada pasangan yang hendak berkahwin. Ini jangan dimasukkan di bawah semuanya *general*, semuanya perlu begini.

Begitu juga berkaitan dengan pusat internet. Kita lihat hari ini kerajaan mengumumkan banyak pusat internet sama ada yang dikendalikan oleh pihak Kerajaan Pusat mahupun kerajaan negeri dan kita lihat daripada data yang dimaklumkan daripada Audit Negara, untuk Kerajaan Negeri Johor sebagai contohnya buat e-Desa. Buat e-Desa dibuat 60 peratus - pihak Audit mendapati e-Desa ini dibuat tidak lebih daripada tujuh kilometer daripada semua bandar.

#### ■1520

Jadi, maknanya tidak capai maksud dan hari ini Kerajaan Negeri Johor telah menutup 40 bilik e-Desa yang telah mereka lancarkan. Jadi perkara ini sebenarnya bukan berlaku di Johor sahaja, berlaku di seluruh negara.

Saya ingin bertanya kepada pihak kementerian, adakah pihak kementerian bersedia untuk melantik dan melatih fasilitator-fasilitator pegawai-pegawai internet yang akan bertugas supaya ada tuan, bila ada bangunan, ada peruntukan, ada komputer dibekalkan, komputer ini perlu di *maintain*, perlu diselenggara dan ini memerlukan kepakaran dan saya pohon sekiranya dilancarkan di mana-mana pusat internet supaya ada seorang pegawai fasilitator yang akan mengendalikan kemudahan komputer-komputer ini untuk tujuan penyelenggaraan dan mungkin juga perlu pada pembantu-pembantu dan ini akan *create* lagi lebih banyak jawatan kepada orang-orang muda khususnya berkaitan dengan internet supaya pemantauan seperti ini dapat dilakukan dan kita tidak lagi mendengar cerita tentang pusat-pusat seperti ini ditutup.

Berkaitan dengan Maksud B.45 iaitu Belia dan Sukan, dua tiga hari yang lepas kita dengar di dalam akhbar memberitahu bahawa pihak badminton dunia telah pun memberikan syarat baru bahawa kepada semua pemain-main badminton wanita iaitu mereka mesti memakai skirt dan kita juga lihat reaksi yang diberikan oleh pengerusi berkaitan dengan badminton di Malaysia bahawa ia tidak ada apa-apa. Saya minta dalam kes ini berikanlah sensitiviti, di Malaysia 65 peratus kita orang Islam. Bila kita diminta bermain sukan, Islam tidak menghalang sukan tetapi untuk pakaian seperti ini jangan kita hadkan bahawa prestasi itu hanya akan terhad bila kita pakai skirt.

Ini kerana kita lihat ramai penembak-penembak kita yang bermain macam-macam aktiviti juga memakai tudung dan mereka boleh mencapai tahap di Sukan SEA di Sukan Komanwel. Jadi boleh tidak di dalam kes ini pihak kerajaan sedikit bertegas dengan pihak lain bahawa sekiranya melibatkan hak asasi manusia khususnya dari segi uniform Ruqaya Al Ghasara pemenang di peringkat Olimpik, memakai tudung tidak ada masalah. Jadi kenapa kita jual jati diri kita kerana kita hendak main sukan, kita telah buang segala-galanya. Kita sekarang hendak persembahkan kekuatan fizikal kita kah atau *body* yang kita hendak bawa ke depan, jadi perkara ini saya minta pihak kerajaan hendaklah menjawab atau memberikan reaksi di dalam mana-mana undang-undang di peringkat antarabangsa. Tunjukkan jati diri bahawa kita ada maruah dan kita bukan jual badan tetapi kita jual bakat dan seni yang kita ada bukannya perkara ini yang perlu kita *promote* kan di muka depan.

Begitu juga tentang pencapaian, kita lihat hari ini di semua sukan banyak diperoleh oleh atlet-atlet lelaki. Saya ingin bertanya kepada pihak kementerian supaya diberikan rekod pencapaian atlet-atlet wanita dan bagaimana pembelaan kebajikan wanita-wanita ini diperhatikan. Ini kerana kita lihat dari sudut *effect*, kemungkinan dari segi kesan implikasi kepada tubuh badan wanita berbanding dengan lelaki, keadaannya mungkin berbeza. Jadi kita ingin tahu apakah pakej kebajikan yang telah disediakan oleh pihak Kementerian Belia dan Sukan khususnya untuk melihat dan memantau aktiviti terutamanya melibatkan atlet wanita veteran.

Berkaitan dengan Maksud B.12 iaitu kewangan, saya ingin bertanya kepada pihak kementerian kalau boleh senaraikan kepada kita pengecualian elaun modal yang telah diperkenalkan oleh pihak kerajaan sebagai insentif untuk syarikat-syarikat sama ada syarikat tempatan mahupun luar negara berdagang di Malaysia dalam tempoh lima tahun. Kita ingin lihat senarai ini dan kita juga ingin tahu apakah pulangan-pulangan yang telah diperoleh oleh kerajaan apabila kita memberikan pengecualian untuk intensif seperti ini kerana pengecualian seperti ini akan menyebabkan mungkin menggalakkan perniagaan di dalam negara kita menjadi lebih aktif.

Berkaitan dengan Maksud B.24 iaitu berkaitan dengan Kementerian Perdagangan Antarabangsa, saya ingin bertanya kepada pihak kementerian. Setakat ini kita lihat sebagai contohnya dalam semua-semua akhbar-akhbar utama terutamanya di musim-musim perayaan banyak iklan-iklan berkaitan dengan barangan berlian, emas dan batu permata dan kita juga difahamkan bahawa banyak juga tumpuan diberikan kepada negara kita khususnya dalam melahirkan ukiran-ukiran yang unik.

Saya ingin bertanya kepada pihak kementerian, setakat ini berapakah jumlah pulangan import dan eksport yang telah diperolehi oleh kerajaan khususnya melibatkan perdagangan emas, perak, batu permata dan berlian yang telah diperolehi di negara kita dan adakah ia mempunyai potensi yang baik untuk kita *promote* pada masa hadapan.

Seterusnya berkaitan dengan Jabatan Perdana Menteri di bawah Jabatan Peguam Negara, semalam kita dimaklumkan bahawa pihak kerajaan telah pun menyuntik lebih kurang RM5 juta untuk Yayasan Bantuan Guaman Kebangsaan yang fokus kepada jenayah. Persoalan saya ialah adakah Yayasan Bantuan Guaman Kebangsaan ini juga akan memberikan khidmat guaman kepada pesalah-pesalah syariah? Adakah pihak Jabatan Perdana Menteri juga akan menubuhkan sebuah lagi yayasan yang akan memberikan khidmat guaman kepada kes-kes syariah kerana kita lihat daripada Jabatan Bantuan Guaman, ia banyak juga melibatkan kes syariah dan adakah kerajaan dan juga perkembangan BSK atau Biro Sokongan Keluarga yang telah pun dilancarkan sebelum ini apakah status terbaru tentang Biro Sokongan Keluarga ini? Adakah ia mencapai maksud yang dikehendaki?

Berkaitan dengan Maksud B.41 - Kementerian Pelajaran, pihak kerajaan telah memaklumkan dua, tiga hari yang lepas bahawa kerajaan bersedia untuk mempertimbangkan dan akan melantik lebih kurang 1,000 kakitangan baru bagi kakitangan sokongan seperti melibatkan pembantu am dan kerani di sekolah bagi membantu tugas-tugas guru yang nampaknya semakin hari semakin berat. Jadi saya ingin bertanya kepada pihak kerajaan, kalau mereka ini adalah kakitangan sokongan, sudah tentu kita faham gaji mereka tidak akan mahal.

Jadi di dalam konteks ini, bagaimanakah polisi dari sudut penempatan, petugas-petugas ataupun kakitangan seperti ini, adakah mereka akan diberikan kuarters ataupun bagaimana cara mereka ini ditempatkan? Adakah mereka akan ditempatkan di tempat berdekatan dengan tempat asal mereka kalau mereka ini asal Kedah mereka akan duduk Kedah supaya tidak melibatkan kos-kos lain untuk pengangkutan. Saya ingin bertanya tentang tambahan elaun atau gaji yang diberikan kepada warden.

Tugas warden pada hari ini bukan macam warden dahulu. Warden hari ini tugasnya lebih berat dan saya rasa kalau cikgu pun tertekan, warden 12 kali tertekan, sebab mereka daripada pagi sampai malam dan mereka juga ada keluarga yang perlu dijaga. Setakat ini apakah sokongan-sokongan ataupun insentif-insentif yang telah diberikan kepada warden dan adakah kerajaan bercadang untuk menaikkan perkara ini lagi?

Berkaitan dengan Maksud B.49 iaitu Pengajian Tinggi, hari ini kita lihat kalau kita pergi kebanyakan universiti, kita pergi juga ke *supermarket*, kita akan lihat ramai sudah muncul satu budaya baru, budaya mat lembut. Perkara ini telah banyak kali disebutkan di dalam Parlimen dan saya rasa tindakan tidak dibuat secara tuntas oleh pihak kerajaan. Kita lihat pada hari ini dalam semua media-media yang digambarkan di muka hadapan, di muka tengah, di semua kulit-kulit majalah semuanya gambar ikon-ikon selebriti-selebriti wanita muda yang cantik-cantik dan mereka ini digambarkan hidup dalam keadaan yang begitu mewah, begitu senang.

Dan sebenarnya apabila perkara ini dipaparkan dengan sebegitu rupa, kita ada lebih daripada 40 majalah yang semuanya menggambarkan wanita cantik, menyebabkan anak-anak lelaki kita, remaja yang tengah mencari identiti mula menukar, ramai juga yang telah pun berminat untuk menjadi wanita.

Menukar pemakaian mereka, menukar gerak laku dan perwatakan mereka semata-mata kerana hendak menjadi *glamour*. Jadi saya minta hari ini kerajaan di bawah Kementerian Pelajaran Pengajian Tinggi, Bahagian Komunikasi tolong buat kerja sepadu, pastikan kita bukan hanya menggambarkan ikon wanita tetapi ikon lelaki hebat, lelaki lasak, lelaki yang boleh ke hadapan, yang berkeperibadian dan kalau boleh untuk muka depan mana-mana majalah kita kalau boleh buatlah gambar yang lebih menggambarkan juga lelaki supaya mereka melihat di sana ada contoh yang mereka boleh ikut dan mereka perlu banggakan seperti pencapaian-pencapaian jangan hanya digambarkan untuk jutawan tetapi digambarkan di dalam bentuk lain dan ini harus dibawa ke depan, dijadikan satu selebriti ikon supaya kita melahirkan laki-laki yang benar-benar mampu untuk menjadi suami dan juga pemimpin bukan laki-laki lembut yang mati-matian akan berkeras bahawa mereka akan berusaha untuk menjadi perempuan.

**Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, bila ikon bertukar daripada perempuan menjadi lelaki, adakah perempuan atau wanita berminat menjadi lelaki pula, apakah pandangan Yang Berhormat?

**Puan Hajah Mumtaz binti Md. Naw:** Sekarang ini yang kita minta semua tukar daripada majalah wanita yang digambarkan lelaki tetapi keseimbangan supaya wujud ikon bapa, ikon ibu, ikon anak remaja lelaki, ikon anak remaja perempuan ini ditonjolkan di dalam keadaan seimbang sebagai mana komposisi rakyat. Jadi jangan kita tukar semua yang perempuan jadi laki-laki pula, itu masalah lain pula, sebab di dalam Islam apa-apa pun tidak boleh kerana ini melanggar fitrah.

Seterusnya berkaitan dengan kaedah pengajaran dan pembelajaran, saya ada bentangkan di dalam dua, tiga tahun yang lepas tentang dapatan yang dibuat di Amerika Syarikat berkaitan dengan kaedah pengajaran dan pembelajaran di sekolah. Sekiranya guru mengambil pendekatan daripada guru perempuan menggunakan gaya perempuan untuk mengajar budak laki-laki, lama-kelamaan pelajar laki-laki ini akan menukar tendensi ataupun kecenderungan mereka untuk berubah mengikut gaya guru. Jadi saya pohon juga untuk konteks ini, pihak Kementerian Pelajaran boleh datang dengan satu *syllabus* bagi memastikan kita melahirkan pelajar lelaki yang benar-benar lelaki dan pelajar perempuan yang benar-benar mempunyai ciri-ciri kewanitaan dan keperempuanan.

Maksud B.42 berkaitan dengan kesihatan, saya ingin bertanya kepada pihak Kementerian Kesihatan khususnya untuk berunding dengan gaya yang lebih terperinci berkaitan dengan perkara melibatkan PERKESO.

## ■1530

Pagi tadi kita dengar daripada jawapan Menteri bahawa kerajaan memberikan dua opsyen, hendak ambil PERKESO ataupun hendak ambil KWSP untuk tanggungan bagi kos perubatan. Kos perubatan ini makin meningkat, caruman dalam PERKESO kecil, liputan untuk penyakit ilat dan kemalangan juga kecil. Sudah sampai masanya PERKESO berdiri sama tinggi dan duduk sama rendah dengan semua syarikat insurans untuk memberikan khidmat yang lebih baik, memberikan opsyen-opsyen dan bukan hanya menawarkan perlindungan mandatori sebagaimana yang diperuntukkan pada hari ini. Ini kerana kita lihat perkara ini perlu kepada pindaan segera dan ini penting untuk Kementerian Kesihatan, Kementerian Kewangan dan juga Kementerian Sumber Manusia bincang untuk pinda Akta PERKESO.

Saya juga ingin tanya kepada pihak Kementerian Kesihatan. Setakat ini kita dimaklumkan bahawa dibuat perkara baru berkaitan dengan cara pembahagian ubat. Ubat dalam negara kita telah pun dikurangkan dan ubatnya adalah terhad. Jadi sekarang di semua hospital utama, semua orang diminta kalau yang diperlukan ubat tiga bulan, mereka akan datang tiga kali iaitu sebulan sekali untuk dapatkan ubat. Jadi sebenarnya perkara ini mungkin dari segi teknikal pekerjaannya mungkin nampak senang, tetapi bila melibatkan warga emas, mereka terpaksa pastikan anak mereka cuti untuk hantar mereka ke hospital dan mereka terpaksa tunggu setiap kali sebulan untuk pergi ambil ubat.

Saya minta rasional ini diberitahu dan kalau boleh, amalan seperti ini dihentikan khususnya untuk ubat-ubat yang melibatkan darah tinggi dan kencing manis serta penyakit-penyakit yang tidak memerlukan pemeriksaan yang konsisten supaya ini tidak menyusahkan warga-warga emas yang hendak dapatkan ubat daripada pihak hospital.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, panjangkah lagi?

**Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi:** Ada satu *point* lagi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Okey.

**Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi:** Kemudian berkenaan dengan kosmetik beracun. Kita banyak sebut, kerajaan pun banyak beritahu tetapi hari ini kita lihat hari demi hari, tiap-tiap hari kita akan dapat gambar-gambar. Semalam ada dapat gambar perut yang ada macam tidak tahulah keluar apa, keluar ulat, keluar darah semua. Jadi perkara ini saya minta pihak kerajaan tolong buat penguatkuasaan khususnya untuk melabelkan atau mempamerkan hanya klinik yang diiktiraf pakar-pakar kosmetik yang diiktiraf. Jangan dibenarkan mana-mana salun menjual ubat. Jadi kalau kita beritahu sekarang ini salun hanya boleh beri penjagaan dan rawatan muka, mungkin untuk gunting rambut, tidak ada ubat-ubatan, tidak ada pembedahan walaupun pembedahan kecil dan ini mesti dilakukan di klinik sahaja supaya ianya akan menjaga para-para anak gadis kita dan para wanita kita daripada terlibat dengan perkara-perkara yang sebenarnya tidak sah dan membahayakan diri mereka khususnya melibatkan bahagian muka dan bahagian badan mereka. Ini akan memberikan kesan panjang. Jadi saya pohon pihak kerajaan buat satu tindakan yang lebih tegas khususnya hanya membenarkan klinik-klinik tertentu dan kita mungkin boleh buat klinik panel untuk kes-kes melibatkan perkara kosmetik.

Terakhir berkaitan dengan B.30 di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi. Kita lihat dalam TV, rancangan *Upin & Ipin* mendapat sambutan yang begitu baik dalam negara dan juga di luar negara. Begitu juga kartun *Saladin* yang dikatakan dicipta dan direka oleh kartunis dari negara kita. Jadi saya hendak tanya pada kerajaan hari ini, bagaimanakah pakej rangsangan yang telah disediakan kepada kartunis? Kita tidak hendaklah kita hanya boleh melahirkan *Upin & Ipin* dan *Saladin* sahaja. Kalau boleh, dikembangkan dalam bentuk yang lebih banyak. Bagaimana kalau Amerika Syarikat boleh melahirkan *Walt Disney*, adakah kita juga mempunyai rancangan yang sama bagi memastikan rancangan berbentuk teknologi dan inovasi ini diberi perhatian yang khusus? Ini kerana, ini ada potensi yang kita lihat untuk dikembangkan di peringkat yang lebih tinggi dan *insya-Allah* akan mencapai pulangan yang banyak.

Saya juga ada bertanya kepada pihak kerajaan kenapakah kartun *Saladin* itu disiarkan pada pukul 7.30 malam. Jawapan yang saya terima daripada Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan ialah bahawa *time* 7.30 petanglah waktu paling ramai kanak-kanak menonton TV. Saya minta pihak Kementerian Penerangan tanya Kementerian Pelajaran adakah ini munasabah untuk kita pastikan anak kita terpacak depan TV pukul 7.30 malam sehingga pukul 8 malam kerana ini adalah waktu maghrib. Lagi satu, ini tidak sesuai. Jadi perkara ini cukup sensitif.

Dia beritahu kalau tidak hendak tengok siaran ini, boleh tengok siaran ulangan pada pukul 10.30 pagi Ahad. Kita kena ingat di Malaysia ini, negeri Kelantan, Terengganu, Kedah pada hari Ahad itu adalah hari bersekolah. Jadi ini menyebabkan anak-anak tidak dapat tengok siaran ulangan. Jadi saya pohon bila letak *time* untuk siaran kartun seperti ini yang boleh memberi manfaat kepada anak-anak kita, tolong buat waktu petang yang tidak akan menyusahkan sesiapa terutama di waktu Maghrib di mana ibu bapa sibuk hendak sembahyang maghrib, anak sibuk tengok kartun. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Ir. Haji Zamri bin Haji Yusuf.

**3.35 ptg.**

**Ir. Haji Zamri bin Haji Yusuf:** *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dengan peluang dan ruang diberikan bersama untuk saya sama-sama terlibat bagi membahaskan rang undang-undang bagi suatu akta yang menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi tahun 2010. Jadi Tuan Yang di-Pertua, bagi meringkaskan sedikit ucapan ini, saya akan, dalam beberapa perkara hanya berikan dalam bentuk *point* sebagai persoalan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih.

**Ir. Haji Zamri bin Haji Yusuf:** Contohnya tentang perbekalan kepada tambahan 2010 ini, bila melihat kepada tambahan yang diperlukan adalah RM13.17 bilion, secara ringkasnya saya ingin dapatkan penjelasan daripada pihak kementerian tentang keseluruhan melibatkan berapa jumlah defisit yang terlibat bagi tahun 2010?

Keduanya dalam pelan pembangunan negara yang kita lihat dalam RMKe-9 yang berakhir pada 2010 juga Tuan Yang di-Pertua, saya melihat seolah-olah ada satu kecenderungan sebagai pelan pembangunan pandang ke timur. Banyak peruntukkan diberikan kepada negeri-negeri sebelah Timur iaitu Sabah dan Sarawak. Sebahagian dinyatakan dengan jelas dan sebahagian lagi tidak dengan jelas tetapi diberikan peruntukkan yang cukup besar.

Jadi yang saya hendak tahu ialah berapakah jumlah keseluruhan khususnya bagi tahun 2010 yang telah dibelanjakan untuk pembangunan di kawasan Sabah dan juga di kawasan Sarawak? Ini kerana kita hendakkan satu keseimbangan dalam pembangunan Malaysia ini kerana melihatkan tahun 2010 adalah tahun terakhir RMKe-9 dengan belanja yang besar, jadi kita mahu lihat peruntukkan yang besar diberikan itu benar-benar secara fizikalnya wujud di Sabah dan juga di Sarawak. Ini kerana pemerhatian kita melihat ianya lebih kepada projek-projek yang disegerakan sempena dengan PRN11. Jadi kita minta supaya perkara ini dilihat dengan teliti.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, saya ingin sebutkan juga tentang bagaimana seriusnya kita dalam belanjakan wang negara ini ialah kita harus pastikan kita benar-benar membasmi kebocoran dalam bentuk rasuah. Kita ada sebut sebelum ini, hari ini kita dapat lihat bagaimana dalam tahun 2010 banyak perkara yang berlaku terhadap SPRM dan juga kes-kes rasuah di Malaysia. Seharusnya kita mengambil inisiatif yang cukup kuat untuk membuat satu reformasi untuk kita banteras rasuah habis-habisan. Kalau perkara itu kita tidak nyatakan sebelum ini, elok kita buat perubahan dengan segera.

Akan tetapi melihat kepada bajet tambahan yang diminta sebagai perkara tambahan, perkara baru melibatkan SPRM ini, ternyata jumlahnya sangatlah kecil. RM1.2 juta ini yang diperlukan satu tambahan hanyalah sekitar untuk perbelanjaan dua tiga perkara yang kecil sahaja, yang mana jumlah ini kalau daripada jumlah tambahan hanyalah 0.001 peratus daripada tambahan yang kita perlukan. Jumlah ini juga hanyalah sebanding dengan apa yang diperlukan oleh Jabatan Peguam Negara untuk tujuan membeli buku rujukan undang-undang dan juga kursus *Master of Law*. Dua perkara itu sahaja hampir sama dengan peruntukkan yang kita beri kepada pihak SPRM.

Lagi menyedihkan lagi ialah bagaimana dalam urusan membasmi rasuah ini, ianya hanyalah separuh daripada apa yang kita gunakan dalam usaha kita untuk membiayai dan melobi pencalonan kita sebagai ahli majlis *International Civil Aviation Organization* yang disebutkan oleh rakan saya tadi. Jadi sebab itulah Tuan Yang di-Pertua kita minta supaya lebih serius dalam usaha kita menangani gejala rasuah di Malaysia ini supaya pembangunan kita dalam fasa 50 tahun berikutnya lebih terjamin.

Berikutnya Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menjuruskan tentang P.43 di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Walaupun tidak diletak peruntukkan yang besar tetapi kita hendak sebutkan di sini Kementerian Perumahan harus melihat secara benar-benar objektif keperluan rumah di Malaysia ini.

Saya sebutkan di sini kerana setiap kali kita bangkitkan isu rumah, sama ada Timbalan Menterinya atau pegawai terlibat yang kanan ya, selalu dia suka mencampurkan antara kita sebut rumah mampu milik dengan rumah PPR dan rumah kos rendah.

Saya hendak sebutkan sekali lagi di sini. Rumah PPR adalah urusan yang sangat khusus. Ada perundangannya, ada tempatnya, ada caranya, ada harga nilainya, ada kriteria pembelinya dan terletak di mana kita tahu satu persatu. Itu rumah PPR. Rumah kos rendah juga ada undang-undang yang khusus yang mana kita boleh mengikutinya sehingga satu persatu unit kita tahu di mana kita ada. Akan tetapi yang kita sebutkan rumah mampu milik, rumah mampu milik ini terlalu luas yang dikategorikan oleh Kementerian Perumahan Tuan Yang di-Pertua. Mereka meletakkan sasaran harganya sehingga RM220,000.

■1540

Mereka memberikan kriteria yang layak membelinya adalah bagi yang mendapat pendapatan bulanan RM3,000 sedangkan rumah ini tidak diselia dengan baik berapa jumlahnya, berapa keperluannya dan akhirnya mereka yang membeli adalah mereka yang dalam kategori ini, yang akhirnya bukan rumah mampu milik tetapi rumah hanya mampu milik sementara. Mereka mampu beli tetapi tidak mampu mengekalkan pemilikan mereka di rumah tersebut.

Saya nyatakan ini dengan jelas dan sebab itu kita minta dan sarankan Kementerian Perumahan supaya berikanlah kategori baru. Selepas kita ada rumah PPR, selepas kita ada rumah kos rendah, biarlah rumah mampu milik ini adalah kategori RM50,000 hingga RM100,000, kategori RM100,000 hingga RM150,000 dan kategori RM150,000 hinggalah RM220,000. Baru kita ada kategori yang boleh kita sukai, kita boleh lihat. Kalau tidak seperti yang saya sebutkan tadi, pemilikan yang sementara.

Ini jelas Tuan Yang di-Pertua apabila kita lihat dalam kempen yang kita berikan, walaupun kita berikan bantuan wang pendahuluan 10 peratus untuk membolehkan mereka beli rumah tetapi akhirnya mereka beli rumah dan miliki hanya sementara. Ini kerana pada tahun 2010 jumlah pinjaman perumahan yang akhirnya peminjam yang diisytiharkan muflis berjumlah RM3,230 orang iaitu tiga kali ganda daripada apa yang berlaku pada tahun 2009 dan juga sama dengan tempoh empat tahun yang sebelumnya.

Pada tiga bulan pertama tahun ini sahaja iaitu bulan Januari hingga Mac, peminjam perumahan daripada kategori inilah yang terlibat dengan muflis 1,022 orang iaitu lebih daripada setahun yang berlaku pada tahun 2009. Jadi, kita minta supaya pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan haruslah prihatin melihat isu ini dengan sebenar. Apabila kita sebut rumah mampu milik adalah rumah yang benar-benar rumah kategori mampu milik dibeli dan mereka mampu kekal pemilikan ke atas rumah tersebut.

**Datuk Hajah Wan Hazani binti Haji Wan Mohd. Nor:** Minta laluan Yang Berhormat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila Yang Berhormat.

**Datuk Hajah Wan Hazani binti Haji Wan Mohd. Nor:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat, rumah yang mampu milik setahu saya di tempat saya, bererti tidak kata RM200,000 bererti ada yang PPRT itu benarlah yang RM300,000 itu *free* hingga RM60,000. selepas itu rumah mesra rakyat, RM60,000 hingga RM90,000 ada banyak peringkat dan tiga peringkat. RM120,000 pun ada untuk rumah sederhana tiga bilik dan satu, dua bilik air, cukup cantik.

Saya tengok yang RM200,000 lebih itu bererti orang yang berpendapatan sederhana dan tidaklah sampai melibatkan kena tarik. Kalau kita sudah tahu gaji itu tidak mampu untuk kita bayar, jadi anak-anak kita atau yang muda-muda dan baru berkahwin boleh ambil yang RM100,000 lebih itu pun sudah cantik sebab rumah tersebut tidak kurang daripada 3 bilik dan 3 bilik ke atas semua. Terima kasih.

**Ir. Haji Zamri bin Haji Yusuf:** Ya terima kasih di atas bantuan penjelasan tadi tetapi yang saya sebutkan itu ialah mereka yang kementerian kategorikan selama ini ialah di bawah RM220,000 sebagai rumah mampu milik. Cuma kita minta seperti Yang Berhormat sebutkan tadi dibuat pecahan supaya kita boleh *track*, kita boleh rekodkan di mana ianya berlaku dan kita boleh pastikan dan sampai kepada orang yang mampu dan menjadi satu keperluan khas kepada kita untuk pastikan semua rakyat Malaysia, satu keluarga satu rumah dan bukan hanya satu yang lain sahaja.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, dalam hal rumah ini kemudian tentang B.49 ingin saya sentuh tentang Kementerian Pengajian Tinggi. Dalam kes ini peruntukan diberikan, kita harap pihak Kementerian Pengajian Tinggi juga secara khususnya melihat tentang keperluan di Universiti Utara Malaysia yang terletak di Kedah itu supaya mereka melakukan beberapa penambahbaikan dalam urusan yang terlibat pada saat ini. Ia boleh dijadikan isu politik, hendak bincang dalam *paper*, dalam muka depan akhbar dan sebagainya tetapi yang penting kita selesaikan masalah keperluan anak-anak kita yang sedang belajar di UUM itu.

Perkara yang saya sebutkan ini Tuan Yang di-Pertua ialah kerana pada saat ini apa yang berlaku di Universiti Utara Malaysia ialah mereka masih menggunakan paip bekalan air ataupun paip air dalam kawasan kampus itu masih lagi paip yang dipasang pada peringkat awal permulaan, yang mana kapasiti paip tersebut hanyalah boleh menanggung atau menampung keperluan pelajar ketika iaitu sekitar 10,000 hingga 11,000 penuntut dan pada saat ini kita sudah ada 33,037 orang warga UUM yang berada dalam kawasan kampus tersebut.

Ini menyebabkan satu permasalahan yang boleh dirundingkan, boleh diberikan kerjasama kerana memang bekalan yang ada cukup, bekalan air yang sampai ke UUM itu buat masa ini sedang dipamkan pada sekitar 10 juta liter sehari. Kalau mengikutkan perkiraan yang sebenar penggunaan air Tuan Yang di-Pertua, keperluan untuk 33,037 orang warga UUM ini hanyalah sekitar 8 juta liter sekiranya air itu tidak ke mana, air itu semua berakhir dengan penggunaan tetapi saat ini kerana paip yang begitu lama menyebabkan NRW dalam kawasan UUM juga hampir sama dengan NRW seluruh negeri.

Jadi, kita minta supaya Kementerian Pengajian Tinggi melihat perkara ini dan memberikan satu perubahan, memberikan peruntukan supaya mereka dapat menukar dan membaiki keadaan kerana selepas ini apabila siap sebuah lagi loji air di kawasan berhampiran dipanggil Loji Padang Sanai Tuan Yang di-Pertua, kita mampu untuk menghantar kapasiti air ke UUM sekitar 30 juta liter sehari. Jadi, kalau keperluan paip itu tidak kita ubah, kita *repair*, kalau paip lama dengan tekanan 30 juta liter sehari akan pecah lebih banyak tempat daripada apa yang berlaku pada hari ini.

Juga, kita minta supaya pihak Kementerian Pengajian Tinggi juga melihat tentang kedudukan sewa tapak yang disebut seluas 2155.2 ekar tapak kampus UUM. Nilai sebenar 20 sen per meter *square* tanah tersebut adalah RM1001.7 juta tetapi UUM sebelum ini telah meminta pengecualian dan minta rebat supaya diberikan pada harga RM100,000 setahun sehingga 2010. Jadi, sekarang harus diberikan satu rundingan baru dan juga mungkin boleh dibincangkan tentang jumlah yang boleh dan mampu dibayar oleh pihak UUM.

Tuan Yang di-Pertua, dalam perkara yang berikutnya ingin saya sentuh sedikit tentang peruntukan yang diberikan sebanyak RM14.9 juta, yang dipohon oleh pihak Parlimen. Jadi, di sini ingin saya menyokong juga pendirian yang diberikan oleh Yang Berhormat yang cukup popular tadi, Yang Berhormat Datuk Abdul Rahman bin Bakar kita tentang bagaimana Ahli Dewan Negara ini menjalankan tugas sesuai dengan harapan rakyat. Jadi, kalau wakil sebuah negeri itu tidak ada sempadan DUN ataupun kawasan Parlimen, akhirnya harapan rakyatnya adalah satu harapan yang tidak dapat ditolakkan di sekitar seluruh kawasan, seluruh negeri beliau.

Jadi, dengan peruntukan yang dikeluarkan melalui Jabatan Perdana Menteri kepada seorang wakil Ahli Dewan Negara daripada negeri ini, sekitar RM200,000 untuk satu penggal sebenarnya RM200,000 telah dibahagikan dengan 36 bulan berkhidmat, dibahagi dengan 30 hari hanyalah peruntukan sekitar RM180 sehari. Saya rasa sebagai Ahli Dewan Negara RM180 sehari, peruntukan Parlimen kalau dapat dua surat PIBG, dia akan buka satu sahaja sebab satu surat PIBG dia akan hantar cek bernilai RM100 hingga RM200. Surat kedua simpan esok pula.

Jadi, ini satu peruntukan yang cukup rendah. Saya rasa pihak Kementerian Kewangan pada hari ini mohon perbelanjaan yang besar harus melihat supaya Ahli Dewan Negara diberikan peruntukan satu penggal tidak kurang daripada RM500,000 untuk membolehkan mereka bekerja dengan baik. Cumanya dalam kes ini saya hendak sebutkan juga tidak berlaku keadilan dalam bentuk peruntukan perbelanjaan ini. Wakil-wakil 13 negeri di Malaysia termasuklah Sabah dan Sarawak dan wakil Wilayah Persekutuan tidak dapat jumlah yang sama di antara semua negeri walaupun peruntukan adalah peruntukan rasmi kerajaan. Jadi, kita minta kalau boleh semak, tolong semaklah yang ini.

Selain daripada itu, masa yang diberikan kepada Dewan juga untuk terlibat dalam perbahasan juga sangatlah terhad dan sekali lagi kita sokong pandangan beberapa orang Yang Berhormat tadi sebut supaya diberikan satu keadilan dalam masa kita berbahas isu-isu yang penting.

Isu seperti bajet dan juga Titah Tuanku ini adalah satu isu yang luas dan sebab itulah Ahli Dewan Negara ini dibawa daripada pelbagai latar belakang untuk duduk di sini membincangkan perkara-perkara ini. Jadi, dalam dua hal inilah paling luas untuk kita bincangkan semua perkara yang terlibat dalam kepentingan umum berbanding dengan pindaan-pindaan undang-undang yang lain.

Berikutnya Tuan Yang di-Pertua, saya ingin sentuh ialah tentang B.62 Kementerian Dalam Negeri. Secara khususnya saya ingin sebut tentang – supaya Kementerian Dalam Negeri, mana pun jabatan yang terlibat dalam kes video yang sangat popular akhir-akhir ini, kes video seks itu supaya selesaikanlah, bincangkan, siasat dengan teliti dan tuntas. Perkara ini adalah satu benda yang tidak bermaruah tetapi telah menjadi satu kaedah seperti kategori 'U' iaitu untuk tontonan umum, menyebabkan ramai orang boleh tengok, bercakap, berbincang.

■ 1550

Kita minta KDN selesaikan perkara ini. Apa ertinya pihak KDN membuat kenyataan akhbar dari semasa ke semasa, sedikit demi sedikit sedangkan tidak menyelesaikan isu yang sebenar. Ini kerana bagi saya yang *concern* dalam kes ini Tuan Yang di-Pertua ialah kita mendedahkan rakyat Malaysia dan lebih khusus lagi rakyat yang beragama Islam kepada satu syak wasangka dan terlibat dengan dosa besar.

Maksud dosa besar ialah apabila kita melakukan satu dosa, yang menjadi lebih parah ialah apabila kita melakukan dengan terang-terangan dan kita meremehkan dosa tersebut. Jadi saya ingin membawa perhatian kita kepada sebuah hadis daripada Abu Hurairah R.A. bahawa Rasulullah SAW bersabda, "*Jauhilah oleh mu tujuh dosa yang membinasakan*". Mereka bertanya, sahabat bertanya, "*Apa itu?*" Baginda menjawab, "*Syirik kepada Allah, sihir, membunuh jiwa yang diharamkan oleh Allah kecuali dengan benar, memakan riba, memakan harta anak yatim, melarikan diri daripada waktu peperangan dan yang ketujuhanya, menuduh berzina (dalam kes ini, wanita-wanita suci yang mukmin).*" Hadis riwayat Bukhari dan Muslim dan juga diingatkan dalam surat An-Nur, ayat 23-24.

Jadi pihak ulama telah membentangkan perkara ini melainkan kita mempunyai saksi yang cukup dan lengkap. Oleh sebab itu kita minta supaya pihak KDN *clear* kan perkara ini, jangan berdolak-dalik dengan beberapa *statement* yang diberikan berperingkat-peringkat, lebih mengelirukan, lebih menyebabkan rakyat Malaysia terjebak dalam prasangka yang tidak baik.

Jadi dengan itu Tuan Yang di-Pertua, saya memohon supaya diambil tindakan, peringatan beberapa perkara yang kita sebutkan supaya menjadi iktibar dalam perjalanan kita membina Malaysia yang lebih baik. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Puan Hajah Noriah binti Mahat.

**3.52 ptg.**

**Puan Hajah Noriah binti Mahat:** Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim. Assalamualaikum warrahmatullaahi wabarakaatuh.*

Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua atas peluang diberikan kepada saya bagi membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan 2010/2011 di Dewan yang mulia pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, pertamanya saya ingin menyentuh berkenaan manual gender bajet yang telah dilaksanakan dalam bajet semenjak tahun 2004. Di sini saya ingin bertanya, sejauh manakah aspek gender bajet dilaksanakan dalam pelaksanaan belanjawan kewangan tahun lalu dan sejauh manakah kejayaannya. Kita sebenarnya juga ingin melihat dan mendengar laporan kejayaan projek pelaksanaan gender bajet di lima buah kementerian pada tahun 2004 yang lalu.

Adakah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat yang merupakan salah satu kementerian yang memantau dan melibatkan diri dalam projek tersebut mengadakan kajian keberkesanan projek tersebut agar kita dapat mengenalpasti aspek-aspek yang boleh ditambah baik dan diperbaiki.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin bertanya kepada kerajaan dalam Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Kedua 2010, minta Yang Berhormat Menteri menyatakan mengenai rujukan Kertas Perintah 2A, Tahun 2011, muka surat 40. Berapa buah rumah perlindungan yang diwujudkan dan jenis rumah perlindungan yang disediakan oleh kerajaan, apakah program-program yang disediakan pada penghuni rumah perlindungan ini? Adakah perbelanjaan tambahan yang dimaksudkan dalam rang undang-undang ini juga digunakan untuk membiayai rumah-rumah perlindungan yang ditaja oleh NGO atau pertubuhan bukan kerajaan dan rumah-rumah perlindungan persendirian? Kalau dia beri kepada mereka, berapakah jumlahnya dan adakah kerajaan akan menetapkan kadar tertentu sumbangan kerajaan untuk menggalakkan NGO dan orang persendirian melaksanakan khidmat sosial mereka kepada masyarakat?

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh saya mengenai dengan Kementerian Dalam Negeri. Saya juga ingin menyentuh mengenai dengan peranan kerajaan dalam menangani masalah penagihan dadah di negara kita. Masalah penagihan dadah telah menjadi musuh utama negara sejak lebih dua dekad yang lalu. Malahan ia masih menjadi masalah utama negara terutama mereka yang berusia antara 19 tahun dan 39 tahun yang menjadikan 72 peratus penagih dadah di negara ini. Kebanyakan kes jenayah berlaku berpunca daripada dadah. Penyalahgunaan dadah merupakan penyebab utama kes-kes jenayah harta benda dan keganasan di seluruh negara. Untuk makluman, ustaz pun ditangkap dan dijatuhkan hukuman gantung kerana mengedar dadah kepada murid-muridnya. Isu murid-murid ponteng dan didapati positif dadah bila belia ditangkap di kelab-kelab malam dan didapati positif jenis dadah *ice*, syabu dan sebagainya.

Cerita-cerita akhbar saban hari menceritakan tentang isu dadah ini terutama sekali yang melibatkan remaja dan belia yang merupakan pemimpin negara masa hadapan. Saya ingin tahu Tuan Yang di-Pertua, berapa jumlah remaja di bawah 25 tahun yang ditangkap dan dijatuhkan hukuman akibat penyalahgunaan dadah sepanjang tahun 2010.

Dan jumlah penagih di bawah umur 30 tahun di pusat serenti pada tahun 2010 dan jumlah remaja atau belia di bawah umur 30 tahun yang dituduh dan dijatuhkan hukuman gantung sampai mati di bawah Akta 39B.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencadangkan kepada kerajaan supaya diadakan pelan strategik dalam menangani masalah dadah ini. Kerajaan hendaklah mengetatkan kawalan pintu masuk ke negara kita sebagaimana yang dibuat oleh negara lain. Kalau kita melalui pintu masuk ke negara-negara Eropah, Australia malah di Jeddah pun pemeriksaan yang dilakukan di pintu masuk sangat ketat bagi memastikan aktiviti penyeludupan terutamanya dadah dapat dibanteras. Bagi sekolah pula kami mencadangkan guru-guru yang didapati mempunyai kes dadah haruslah terus diambil tindakan tatatertib dan diberhentikan bagi mengelakkan menjadi ikutan pelajar. Di Australia contohnya, kalau ada kes guru terlibat dengan dadah, sebuah sekolah itu akan ditutup oleh kerajaan. Tindakan tegas ini pastinya akan memberi kesan positif terhadap pembanteras dadah di kalangan masyarakat. Murid-murid yang dikenal pasti positif dadah patut dibantu dengan kerjasama pihak kementerian, sekolah dan terutamanya ibu bapa.

Kempen kesedaran dan advokasi tentang keperluan membanteras dadah dan bahaya dadah di sekolah-sekolah seperti Program Minggu Antidadah peringkat sekolah menengah kebangsaan perlu dilaksanakan dengan secara lebih agresif dan berkesan dengan kerjasama semua pihak iaitu ibubapa, sekolah, NGO dan sebagainya.

Selain dadah, fenomena menghidu gam dan bahan-bahan yang mengkhayalkan juga banyak berlaku di kalangan remaja. Dilaporkan bahawa pada tahun 2010, terdapat 1,720 kes berkaitan telah dilaporkan dan lebih 900 orang daripadanya adalah di bawah umur 30 tahun. Kelakuan menghidu gam dan bahan mengkhayalkan ini tidak merupakan satu kesalahan di bawah undang-undang di negara ini. Jadi di sini saya ingin bertanya, apa yang berlaku dengan draf Rang Undang-undang Bahan Mengkhayalkan yang dikatakan telah diteliti dan bilakah ia akan dibentangkan di Dewan yang mulia ini?

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mengambil masa yang panjang oleh sebab saya fikir rakan-rakan saya pun akan bercakap tentang perkara ini. Cuma satu sahaja saya ingin menyentuh di sini. Saya menyokong kepada rakan-rakan saya khususnya Datuk Abdul Rahman bin Bakar dan rakan saya yang bercakap tadi berhubung dengan Peruntukan Tambahan Parlimen.

Saya sokong seratus peratus Tambahan Parlimen yang ada di dalam ini Tuan Yang di-Pertua. Akan tetapi malangnya Tuan Yang di-Pertua, kita berkali-kali cakap mengenai tambahan untuk peruntukan Ahli Dewan Negara. Tidak ada dituliskan tambahan di dalam ini dan lain-lain peruntukan yang lain. Kita bukannya hendak yang banyak Tuan Yang di-Pertua. Kalau RM500,000 satu negara pun ikut tidak cukup. Kalau Ahli Parlimen, minta maaf kita cakap dengan kita, memang orang lain dengar RM1 juta dan dia akan tambah, tambah lagi. Ahli Dewan Negara itulah RM200,000, tiga tahun. Saya rasa satu tahun pun kita tidak cukup RM200,000 Tuan Yang di-Pertua. Ini ada yang goyang-goyang, memang lebih daripada tidak cukup. Kadang-kadang poket sendiri keluar.

Jadi kalau Ahli Dewan semua bersetuju hari ini, kita tidak hendak hari ini pi mai, pi mai tang tu. Kita luluskan ini tetapi kita tukang lulus sahaja, yang untuk kita tidak lulus. Itu yang kita minta jasa baik, kalau boleh kita...

■1600

**Tuan Yang di-Pertua:** Okey, Yang Berhormat.

**Puan Hajah Noriah binti Mahat:** ...Saya mencadangkan hari ini kita lantik, kita beri kuasa penuh, mandat kepada Tuan Yang di-Pertua supaya dapat mengadap ayahanda kita Perdana Menteri, menceritakan hal kita yang sebenarnya. Kerana kita ini pun wakil rakyat. Seluruh negara lebih dahsyat daripada Ahli Parlimen Tuan Yang di-Pertua kalau difikirkan. Jadi, yang ini kena ditimbang, kalau bersetuju kita minta Tuan Yang di-Pertua mengadaplah dengan...

**Tuan Yang di-Pertua:** Baiklah Yang Berhormat.

**Puan Hajah Noriah binti Mahat:** ...Perdana Menteri, selepas itu kita minta dia punya keputusan secepat mungkin. Kalau boleh jangan sampai sesi yang akan datang. Jadi, sekurang-kurangnya Tuan Yang di-Pertua, meleraikanlah yang terbuku di dada itu. Saya tengok hari ini muka Tuan Yang di-Pertua memang wajahnya memang berseri-seri... [*Tepuk*] *Insya-Allah* rasanya kita akan dapat natijah yang baik.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih.

**Puan Hajah Noriah binti Mahat:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, *assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh*.

**Tuan Yang di-Pertua:** *Walaikumusalam*.

**Puan Hajah Noriah binti Mahat:** Saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, selepas saya dengar tadi semua menyokong isu ini. Saya mengikut dengan penuh teliti, saya hendak dapat supaya semua Ahli-ahli Yang Berhormat tidak payah mengulang lagi. Saya hendak mendapat satu pandangan ataupun suara penuh. Adakah semua Ahli Yang Berhormat di Dewan pada hari ini setuju kepada dua perkara yang dibangkitkan?

**Beberapa Ahli:** [*Tepuk*] Setuju!

**Tuan Yang di-Pertua:** Semua yang bersetuju, kata setuju.

**Beberapa Ahli:** Setuju!

**Tuan Yang di-Pertua:** Minta maaf ya. Ini satu pendirian saya hendak buat kerana mendapat sokongan padu, *insya-Allah* saya akan cuba kemukakan dan juga mendapat sokongan Yang Berhormat Datuk Dr. Awang Adek Hussin yang sama dengar hari ini. *Insya-Allah*, terima kasih. Sekarang kita pergi kepada Yang Berhormat Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad. Mana yang sudah sebut, tidak payah sebut lagi ya, kita hendak ringkaskan supaya bagi peluang kepada yang belum.

**4.02 ptg.**

**Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad:** Terima kasih kerana memberikan peluang kepada saya dalam Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan bagi Kertas Perintah 1, Tahun 2011 di bawah Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan 2010. B.20 Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Butiran 080600 di bawah Program Skim Penstabilan Harga Minyak Masak – COSS, sejumlah wang RM324 juta.

Saya ingin bangkitkan isu ini kerana harga minyak masak yang kini berhadapan dengan krisis kekurangan bekalan kawalan itu. Saya banyak menerima aduan dari penduduk dari kawasan saya akan kesukaran memperoleh bekalan minyak masak serta dicatu dan harganya melambung tinggi. Terdapat tohmahan menyatakan skim COSS tidak membantu secara terus kepada pengguna terhadap memberi keuntungan kepada pemain-pemain industri di peringkat atasan seperti pengedar, pengilang dan juga pemborong, pembekal. Soalannya, bagaimanakah skim COSS ini membantu terus penggunaan kerana ada aduan mengatakan skim ini hanya berhubung secara terus dengan pembekal, pengedar dan pengilang yang tidak ada kaitan dengan peruncitan dan penggunaan. Contohnya, seperti pemborong pukal dan sektor penggredan yang di peringkat atasan. Mereka ini hanya menerima peruntukan bekalan. Benar atau tidak?

Soalan kedua. Adakah COSS ini fungsi untuk mengawal harga minyak masak yang kini berhadapan dengan krisis kekurangan bekalan barangan kawalan itu? Jika tidak, bolehkah kementerian memikirkan suatu mekanisme bagaimana harga minyak masak dapat dikawal melalui COSS?

Soalan tiga. Apakah peranan Lembaga Minyak Masak Sawit Malaysia dan keberkesanan mewujudkan Akta Kawalan Bekalan 1961 dalam *bill* isu ini.

Kertas Perintah 2, Tahun 2011 Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Kedua, 2010. Butiran P.6 - Jabatan Perdana Menteri, bagi Butiran 32000, projek *Managed Portal Services*. Saya minta perkara ini atas iaitu berkenaan dengan syarikat SKALI sebagai pemain utama dalam Koridor Raya Multimedia yang mengalih tahun 2007, dan 2011, dan setakat manakah boleh menampakkan syarikat ini menyediakan peluang pekerjaan dan melahirkan usahawan tekno melalui pelaksanaan projek *Managed Portal Services* ini. Asalnya sebanyak RM45 juta, perbelanjaan sebenar tidak dinyatakan di sini. Soalannya, saya mohon bertanya berapakah perbelanjaan sebenar dan tahap kejayaan projek ini. Setakat manakah usahawan tekno dilahirkan. Kejayaan mereka menembusi pasaran antarabangsa melalui bantuan SMIDEC. Berapakah jumlah sebenar agensi kerajaan dan GLC serta yang memberi lebih manfaat kepada mereka.

Tuan Yang di-Pertua, saya turut menyokong Yang Berhormat Dr. Malasingam berkaitan dengan PDRM tadi. Saya ingin tambah sedikit. Berhubung dengan Kementerian Dalam Negeri ini, saya hendak bertanya, apakah benar jumlah kos penyelenggaraan peralatan dan keperluan pihak polis tidak dipenuhi dengan sepenuhnya.

Saya difahamkan bahawa kos jumlah penyelenggaraan peralatan mencecah lebih kurang RM70 juta dan hanya 2 peratus sahaja diluluskan. Apakah kementerian bercadang untuk memberi tumpuan yang mendalam bagi mengemaskini peralatan serta kemudahan PDRM yang diutamakan agar KPI pihak PDRM ini dapat dicapai dalam masa yang terdekat. Adalah penting PDRM ini melengkapkan pasukan kerana mereka adalah salah satu badan yang sentiasa mengawal dan menjaga keamanan negara. Dalam masa kita sibuk merangka kemajuan negara yang berpendapatan tinggi adalah penting agar semua sistem dan peralatan PDRM berada dalam berfungsi dengan mantap dan keselamatan serta nyawa kita terjamin.

Akhir sekali, saya juga ingin menyokong saranan Yang Berhormat Datuk Abdul Rahman bin Bakar dan Yang Berhormat Puan Hajah Noriah tadi. Selain daripada itu Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya atau memberi cadangan kepada urus setia supaya semua jawapan yang diberi kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat tolonglah bagi rujukan. Cuma yang bagi jawapan ini berkaitan dengan jawapan lisan daripada tarikh, rujukan, soalan. Di bawah ini sepatutnya ditulis di mana, dekat siapa kita rujuk. Sekiranya jawapan-jawapan yang diberikan ini tidak lengkap, ataupun tidak puas hati, kita boleh rujuk kepada siapa. Mohon kerjasama daripada urus setia ataupun yang berkaitan supaya masukkan tempat rujuk. Tidak semestinya tanda tangan, tempat rujukan *bill* ini. Sekian terima kasih. Saya turut menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat Datuk Akbar bin Ali.

**4.08 ptg.**

**Datuk Akbar bin Ali:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana saya diberi peluang. Saya harap saya boleh habiskan dalam masa 25 minit. Jumlah peruntukan tambahan yang dipohon untuk diluluskan lebih kurang RM15 bilion, RM13 bilion untuk operasi dan RM2 bilion lagi untuk pembangunan. Saya ingin menyentuh beberapa kementerian.

Pertama sekali, berkenaan dengan kementerian yang dekat dengan hati saya tentang mengenai KPDNKK. Peruntukkan ada diberi untuk pengeluar gula dan tepung. Jadi, saya harap macam di masa lalu, isu subsidi dapat diselesaikan segera. Menyemak semula skim subsidi saya rasa harus diberi keutamaan yang tinggi sebab saya pernah dengar Menteri Kewangan II pernah mengumumkan tentang rombakan skim subsidi ini dan tidak lama selepas itu pula Menteri KPDNKK mengatakan ia ditangguhkan. Berkali-kali saya katakan di Dewan ini bahawa kita kena ubah kaedah memberi subsidi dari peringkat pengeluaran, *at the production level*, dengan izin, kepada peringkat pengguna, *consumer level*. Jadi, saya harap dengan rombakan ini, maka orang yang sebenar yang hendak ditanggung oleh kerajaan iaitu rakyat miskin, bukan rakyat tetapi rakyat miskin, rakyat yang berpendapatan rendah. Kalau semalam kita dengar, kalau di bandar berpendapatan RM3,000 dan ke bawah sebulan.

**■1610**

Kalaulah kita hanya tumpukan kepada kumpulan ini untuk menerima subsidi gula, tepung, minyak masak dan sebagainya, maka peruntukan subsidi yang lebih kurang RM24 bilion itu dapat dikurangkan kerana bilangan isi rumah untuk kumpulan ini tidaklah mencecah sampai dari segi miskin 2.4 juta sahaja, kalau *the bottom* 40 peratus, berbanding kita ada penduduk hampir 28 juta. Jadi saya haraplah usaha ini disegerakan supaya kita dapat menjimatkan wang kerajaan dan dalam masa yang sama kita menolong kumpulan sasaran yang sebenar dan bukannya menguntungkan pengeluar yang kaya, pengeluar tepung, gula dan sebagainya sebab kita beri subsidi kepada mereka sekarang ini.

Kedua, saya hendak menarik perhatian kepada JPA yang juga mendapat peruntukan yang agak besar hampir RM600 juta. Di sini saya mengharapkan mendengar keluhan kawan-kawan dalam sektor awam, di JPA lah terletaknya apa yang saya pernah dengar dulu-dulu pelaksanaan *succession plan* dan disuruh setiap kementerian dan jabatan merancang dan melaksanakan *succession plan* ini, dengan izin. Jadi saya harap *succession plan* ini diusahakan benar-benar, dirancang dengan teliti supaya semua pegawai dapat meningkat mengikut kemampuan masing-masing dan tidak ada sekatan kerana orang yang sudah sepatut bersara sesuaiilah bersara.

Apa yang berlaku sekarang, kalau terlalu ramai pegawai-pegawai lama diambil semula, ia memberikan gambaran seolah-olah ada berlaku kegagalan dari segi *succession plan* itu. Ini agak mencalarkan sedikit prestasi, harapan, aspirasi pegawai-pegawai yang juga kompeten untuk meningkat lebih tinggi lagi. Jadi saya harap segerakanlah pelaksanaan *succession plan* ini supaya semua pihak dapat menikmati faedahnya.

Seterusnya saya pergi kepada MARA yang juga mendapat peruntukan kira-kira RM21 juta. Saya memang mengharapkan MARA dan saya yakin MARA berusaha ke arah itu selaras dengan usaha Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang menyarankan tentang GTP dan ETP ini. Saya jangka proses transformasi yang sedang dilaksanakan oleh MARA ini akan dapat dinikmati oleh kumpulan sasaran faedahnya nanti. Yang demikian, kumpulan yang hendak ditolong oleh MARA itu akan dapat melonjakkan juga pada masa yang sama pendapatan mereka kerana inilah yang hendak diusahakan oleh Perdana Menteri di bawah NBE agar satu masa nanti menjelang 2020 semua orang Melayu, Bidayah, Kadazan, Orang Asli, orang Siam, orang Portugis, orang Cina, Tionghoa, orang India dan sebagainya mendapat pendapatan apa yang cuba disasarkan ialah RM4,000 sebulan seorang, *per capita basis*. Yang mana sekarang pendapatan kita secara purata adalah kurang daripada RM3,000 dan pendapatan kumpulan 40 peratus di bawah puratanya hanyalah RM1,500 sebulan isi rumah, bukan pendapatan seorang. Sebuah isi rumah lebih kurang 4.5 orang dan kalau kita bahagikan tahulah berapa ringgit seorang dalam satu isi rumah.

Yang demikian maka terlaksanalah nanti apa yang dikatakan amanah rakyat kerana MARA ialah Majlis Amanah Rakyat, maka akan terlaksanalah komponen amanah rakyat itu. Saya yakin kepimpinan yang ada di sana, yang diterajui oleh Dato' Seri Idris Jusoh dan Dato' Ibrahim ketua pengarah sekarang dan dipimpin oleh Datuk Mohd. Shafie Apdal akan berjaya.

Menyentuh kementerian Datuk Mohd. Shafie Apdal, Kementerian Luar Bandar yang dapat RM20 juta untuk tampung pengeluaran tabung penyelenggaraan rumah kos rendah. Saya cuma mengharapkan pembinaan rumah PPRT, rumah PBR dan juga rumah di bawah SPNB di bawah kementerian Yang Berhormat Datuk Awang Adek, kawan baik saya, *he's very professional*. Saya haraplah Yang Berhormat Datuk, perumahan-perumahan yang dikatakan untuk orang susah ini juga dapat menikmati apa yang dikatakan faedah teknologi hijau sebab saya lihat sekarang sama ada rumah PPRT, rumah PBR, rumah mampu milik, nampaknya tidak menyerapkan faedah teknologi hijau. Mungkin agaknya kos akan bertambah. Inilah masalah utama apabila hendak melaksanakan teknologi hijau kerana biasanya dikatakan kos akan meningkat. Sesungguhnya benar, contoh di Germany, penjanaan teknologi hijau dalam bentuk *wind energy* memerlukan subsidi kira-kira Euro 30 bilion. Jadi sama ada dia *fossil oil* ataupun dia *renewable oil* nampaknya subsidi masih diperlukan. Apa pun kadar subsidi itu cubalah diturunkan juga kepada orang-orang susah supaya mereka juga faham, oh ini rupanya teknologi hijau.

Seterusnya berkenaan dengan kementerian yang sama, saya memohon sekali lagi kepada Kementerian Kemajuan Luar Bandar. Dalam melaksanakan kampung tersusun, nampaknya masih lagi terikat dengan dasar lama iaitu berhubung dengan BELB, Bekalan Elektrik Luar Bandar di mana syarat yang ada masih lagi berkuat kuasa iaitu kampung tersusun tidak akan dibekalkan kemudahan elektrik luar bandar selagi tidak ada 30 peratus rumah dibina di situ. Dalam hal ini, ia menjadi macam seolah-olah isu telur dan ayam yang mana hendak didahulukan. Sudah tentu pak Menteri, pak KSU tidak sanggup membina rumah dan meninggalkan isteri di rumah dan anak-anak kecil yang tanpa elektrik kerana kemudahan-kemudahan ini diperlukan. Jadi kalaulah syarat 30 peratus rumah dibina terlebih dahulu barulah bekalan elektrik hendak dibekalkan, maka ini akan jadi masalah. Jadi saya haraplah ada kreativiti dalam merangka semula dasar ini supaya akan dapat, akan berlaku *win-win situation*. Saya mohon supaya *revisit* dengan izin, semak semula dasar ini agar dapat diubah.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan tahniah kerana PEMANDU dapat RM60 juta dan saya juga gembira kerana PEMANDU telah menunjukkan hasil perancangannya. Antaranya ialah NBE, NKEA yang kita semua tahu termasuk ETP. Ini berlaku apa yang dipanggil anjakan paradigma daripada sembang saran kepada apa yang dipanggil sekarang *lab*. Hasilnya nampak lebih berkesan. Cuma kita mengharapkan bukan sahaja PEMANDU memikirkan untuk memacu ekonomi negara, meningkatkan pendapatan negara menjelang 2020 semua dapat USD15,000 per kapita tetapi juga kita harap bahawa akan berlaku *twinkling effect* dengan izin.

Agar bahawa bukan sahaja ikan-ikan besar di dalam balang yang kecil di atas tetapi faedah itu akan dapat juga dinikmati oleh ikan-ikan yang sederhana besar di dalam balang yang sederhana besar di pertengahan dan akan dapat dinikmati oleh lebih banyak lagi ikan dalam balang yang lebih besar di bawah.

Jadi macam saya katakan di awal tadi, biarlah semua orang dapat menikmati dengan saksama faedah perkembangan ekonomi negara. Saya yakin Perdana Menteri dengan komitmennya untuk melaksanakan salah satu prinsip utama dalam NBE iaitu keterangkuman, *exclusivity* dan disokong pula oleh komitmen untuk membasmi kemiskinan dan merapatkan jurang pendapatan. Dengan kombinasi ini semua kita memang menaruh harapan bahawa kita akan mengulangi kejayaan 53 tahun yang lalu seperti mana yang telah saya huraikan pada 20 hari bulan minggu lepas akan berulang bagi tempoh 50 tahun yang akan datang.

#### ■1620

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh berkenaan dengan Kementerian Pelajaran yang hangat sekarang bukan peruntukan yang hendak saya per katakan, tetapi mengenai BMI kerana obesiti yang nampaknya mendapat perhatian besar. Biasanya memang ada *positive correlation*, dengan izin. Kolerasi positif antara negeri maju dengan obesiti. Salah satunya ialah contoh di Melaka. Kadar obesiti di Melaka agak tinggi, begitu juga gemuk kerana Melaka sudah pun mencapai taraf negeri maju bukan negara maju, negeri maju.

Jadi apa yang saya hendak katakan tadi, saya agak bersimpati dengan guru-guru yang ditambah lagi beban untuk mengukur BMI ini dan sekarang bermacam-macam usaha dibuat tentang nasi lemak, mee goreng, mihun dan sebagainya. Cuma saya hendak menarik perhatian dari segi *total consumption per day per child*, cuba kita lihat dari mana banyaknya sumbangan makanan sehari ini. Adakah di rumah, adakah di kantin sekolah, adakah di luar di kedai. Saya menjangkakan sekali makan di kantin sekolah saya rasa secara purata hanya sekali, tetapi yang lebih banyak kita makan dalam sehari ialah sama ada di rumah ataupun di luar rumah.

Kalaulah sumbangan kepada makanan ini, *consumption* ini adalah kecil tetapi kerja yang hendak dibebankan kepada guru saya rasa terlalu banyak maka apakah faedahnya. Eloklah kita lihat *cost benefit* analisisnya sebelum usaha ini hendak dilaksanakan supaya kita lihat betul-betul ada kos *efficiency* dan *effectiveness* dengan izin, dan ada *outcome* yang baik keluaranya dari usaha mengukur BMI di sekolah dan hiruk pikuk berkenaan makanan di kantin. Ini kerana mungkin masalah yang lebih besar berada di luar sekolah bukan di dalam sekolah dari segi obesiti.

Dalam bajet yang lalu, telah diumumkan tentang pelaksanaan *tower* setinggi 100 tingkat oleh PNB. Saya memang setuju dari segi melaksanakan pembangunan hartanah milik sesiapa pun UDA kah atau *private sector* dan juga PNB. Saya rasa apabila dapat tentangan tentang membangunkan *tower* ini, hartanah ini sehingga tidak – nampaknya macam tidak jadi ataupun di KIV kan saya agak sedih bagi pihak PNB. Ini kerana PNB adalah satu agensi atau badan yang sudah cukup berjaya.

Minta maaf kalau saya bandingkan dengan agensi lain seperti UDA, PNB jauh berjaya dalam melaksanakan objektifnya berbanding badan lain *visible objective* masing-masing.

PNB mempunyai tekanan, di satu pihak kitalah pemegang sahamnya termasuk wakil kita daripada orang Siam kerana mereka juga layak mendapat saham. Begitu juga dari kumpulan orang Cina, orang India kerana dapat saham 1Malaysia dan juga boleh beli saham Wawasan yang diusahakan oleh PNB. Di pihak kita yang pemegang saham kita menekan ataupun kita memang mengharap, kita mendesak PNB memberi kita pulangan dividen yang tinggi setiap tahun. Kalau itu yang kita mahu maka kita harus berikan *a bit free hand* kebebasan untuk mengurus dengan profesional dengan menggunakan *good governance* supaya boleh mendapat pulangan yang lebih baik.

Akan tetapi kalau dalam satu pihak kita mahukan pulangan yang tinggi, satu pihak lagi nafas lain kita kata jangan ini semua tidak boleh buat. Sedangkan hartanah itu tidak menjana apa-apa pendapatan contohnya di Stadium Merdeka, di Stadium Negara dia tidak dapat menjana pendapatan yang seharusnya kita nikmati. Jadi saya harap kita harus beri sokongan kepada PNB untuk membangunkan hartanah dalam konteks ini mungkin dengan melakukan sedikit penyesuaian untuk memenuhi permintaan rakyat. Akan tetapi, tidak boleh lari untuk membangunkannya dan menjana pendapatan untuk kita. Ini kerana itulah tugas yang kita beri kepada PNB.

Oleh yang demikian, saya menyokonglah PNB terus melaksanakan tugas menjana pendapatan menguruskannya dengan baik bagi kebaikan kita bersama. Cuma peganglah objektif asal PNB itu jangan lari dan dengan yang demikian saya rasa kita patut menyokong sungguh-sungguh usaha PNB untuk memajukan, saya katakan tadi hartanahnya dan berusaha dalam bidang-bidang lain agar kita yang mendapat faedahnya. Untuk itu saya ucapkan tahniah atas kejayaan PNB dan seperti mana yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri semalam PNB telah mengeluarkan dividen lebih RM80 bilion untuk faedah kita.

Saya ingin menarik perhatian tentang peruntukan untuk Jabatan Perdana Menteri bagi bahagian integrasi yang mendapat peruntukan kira-kira RM32 juta. Di sini saya ingin menarik perhatian, bahagian ini adalah penting bagi keseluruhan negara untuk mewujudkan keharmonian untuk mewujudkan perpaduan antara kaum, perpaduan sosial dan sebagainya. Ini kerana perpaduan adalah tunjang kepada keamanan dan keamanan adalah inti pati paksi kepada pembangunan dan pembangunan pula akan menjana kemakmuran. Tanpa ini semua *everything will be anxious*, dengan izin. Jadi di sini saya ingin menarik perhatian bagaimana kita boleh menangani, kita akui realitinya isu-isu perkauman yang kita dengar sama ada di luar dan juga ada di dalam ini, cuma di dalam ini lebih terkawal lagi dan lebih sopan.

Kita boleh lihat daripada soalan saya, daripada soalan Senator-senator yang lain memang ada berunsur perkauman kerana itu adalah hak kita untuk menjaga kepentingan kaum masing-masing. Itu tidak boleh dipersoalkan menjadi tanggungjawab kita, tugas kita menjaga kepentingan kaum kita. Akan tetapi dalam masa yang sama kita mesti juga faham akan aspirasi hak dan tanggungjawab kaum-kaum lain.

Bagaimanakah boleh dalam nafas bercakap untuk kaum sendiri. Kita boleh juga mengambil kira kepentingan kaum-kaum lain. Kalau ini dapat dilaksanakan saya jangka kita akan menjadi lebih aman tugas bahagian integrasi ini jadi lebih mudah.

Sehubungan dengan itu, saya ingin menekankan bahawa dalam situasi kita sekarang yang sering kali saya memperkatakan selalu akan berlaku *the Newton's third law of motion*. Apa yang saya cakap ini pun sendiri adalah kerana reaksi akibat daripada pihak lain dan setelah saya bercakap ini dan sebelum ini pun menimbulkan reaksi kepada pihak lain pula. Saya cukup sedar ini. Jadi marilah kita bersama-sama menangani ini dengan bercakap untuk dua-dua pihak kalau boleh atau semua pihak. Jadi sehubungan itu, saya ingin menarik perhatian serangan terhadap apa yang dikatakan 'Satu Melayu, Satu Bumi' yang disuarakan oleh akhbar.

Saya kata tidak menjadi masalah oleh *Utusan Malaysia* semua orang tahu, itu adalah aspirasi kaum Melayu dan bumiputera. *Rather than* kita menyeranganya eloklah kita...

**Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah:** Boleh saya mencelah sikit Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah:** Saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat Datuk Akbar bin Ali. Adakah itu dianggap sebagai aspirasi atau reaksi kepada tindakan-tindakan melampau yang lain. Saya tidak fikir itu aspirasi. Itu adalah reaksi terhadap apa yang saya panggil sebagai penggodaman Melayu, *the Malay vision*. *Excessive Malay vision* yang mengundang reaksi seperti itu bukan aspirasi. Itu pandangan saya tidak tahulah barangkali berbeza dengan pandangan Yang Berhormat Datuk Akbar bin Ali.

**Datuk Akbar bin Ali:** Ya, dia begini. Dari segi orang Melayu dia kadang-kadang *at which of time* kita melihat. Kalau kita melihat dalam konteks yang sekarang memang ia merupakan reaksi misal kata yang dikatakan penggodaman. Akan tetapi pula reaksi itu timbul di satu pihak, pihak yang menyebabkan utusan *react* tadi pun akan kena reaksi di atas reaksi pasal ini adalah satu *chain*...

■1630

**Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah:** [Bangun]

**Datuk Akbar bin Ali:** Akan tetapi minta maaf, dari...

**Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah:** Datuk, boleh sekejap.

**Datuk Akbar bin Ali:** Ya.

**Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah:** Itu saya kata jangan anggap itu sebagai aspirasi. Anggap itu sebagai satu reaksi. Sebab kalau Yang Berhormat Akbar Ali baca satu artikel yang ditulis oleh Profesor Emeritus Datuk Zainal Keling dari Melaka juga kira-kira 20 tahun yang lalu, beliau membuktikan betapa *accommodative* nya budaya dan bangsa Melayu itu. Jadi untuk mengatakan orang Melayu mempunyai aspirasi yang *excessive* yang ekstrem seperti yang disuarakan oleh Datuk Zaini itu tidak betul.

Saya sendiri pun tidak setuju, tidak setuju dengan apa yang disuarakan oleh Datuk Zaini. Akan tetapi yang harus difahami itu bukannya aspirasi. Itulah satu reaksi apabila orang Melayu di desak terlalu dekat ke dinding itu, *close to the wall* dengan izin. Minta maaf.

**Datuk Akbar bin Ali:** Okey, begini. Saya sebenarnya ayat ini tadi saya sebut belum habis Yang Berhormat. Apa yang saya hendak katakan tadi itu adalah memang reaksi. Akan tetapi saya juga sudah kata tadi, masyarakat lain perlu faham reaksi ini dan aspirasi, sebab dalam reaksi itu pada saya ada juga aspirasi.

Saya juga hendak tekankan bukan satu kaum Cina sahaja atau India sahaja perlu faham reaksi dan aspirasi kaum Melayu dan bumiputera, kita juga perlu faham reaksi dan aspirasi kaum lain dalam konteks Malaysia. Akan tetapi biar saya terangkan supaya kita boleh bercakap lebih berimbang. Akan tetapi masa terlalu singkat – suntuk untuk memberikan pandangan yang agak pragmatik ataupun lebih berimbang.

Saya sudah cakap awal-awal tadi *the key words*, kuncinya ialah *Newton's Third Law of Emotion*. Bermakna saya setuju dengan Prof. ada unsur reaksi dan *reaction and equal opposite reaction*. Dalam konteks ini ialah paksinya *Newton's Third Law of Emotion*. Saya hendak katakan juga, supaya saya nanti karang tidak *coherent* dalam *argument* saya, kalau kita serang apa yang ditulis dalam *Utusan* tadi, kita jangan lupa kita juga lihat setiap kali kaum Melayu hendak bersatu macam mendapat serangan.

Saranan ini diserang. Tahun lepas apabila Majlis Perundingan Melayu hendak menubuhkan atau mencantumkan 76 NGO, berpayung di bawah MPM juga ditentang, ditentang dalam *Sin Chew Jit Poh*. Orang Melayu masih juga okey. Tidak begitu bising. Akan tetapi yang lebih penting ini semua ini adalah *action, reaction, action, reaction*. Dia bertali. Dia tidak – dia satu *continuum* nampaknya. Dia tidak berhenti. Inilah yang kita hendak putus kalau boleh kita hentikan. Akan tetapi kita perlu lihat balik semula. Pada tahun 2009, 13 Jun dalam *Nan Yang Siang Pow* tahun ini 2011, ada masalah ini. Tahun 2010, 76 NGO Melayu hendak bersatu, juga diserang. Jun 2009, *Nan Yang Siang Pow* dengan terang-terang kata perjumpaan kali ini tidak menunjukkan sebarang langkah perubahan yang berkesan. "*Jika seluruh masyarakat Cina di seluruh negara tidak kira kumpulan kecil atau kumpulan besar, bersatu, tumpukan kekuatan pertahankan dan memohon kepada pihak yang berkenaan, saya percaya satu hari nanti akan tercapai cita-cita tersebut*".

Apa cita-cita itu kalau gagal? Kalau gagal dipastikan ibarat air boleh timbulkan kapal, air juga boleh tenggelamkan kapal. Kerajaan adalah dipilih oleh rakyat. Ahli-ahli politik terpaksa melihat suara rakyat. Rakyat di ibarat seperti air. Air boleh timbulkan kapal, dan juga boleh tenggelamkan kapal. Jika disukai rakyat maka berjajalah mereka. Jika tidak disukai rakyat maka hilanglah mereka. Inilah yang akan dilaksanakan...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, masa amat mencemburui kita.

**Datuk Akbar bin Ali:** Minta maaf, biar saya habiskan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Tadi Yang Berhormat kata 20 hingga 25 minit. Jadi bererti tinggal dua minit. Sila gulung.

**Datuk Akbar bin Ali:** Alamak. Akan tetapi begini, saya hendak katakan tadi ini adalah reaksi dan aksi. Akan tetapi orang Melayu pula jangan lupa bukan sahaja mereka perlu memahami aspirasi kita. Kita juga perlu memahami aspirasi mereka. Mereka juga ada bantu kita, bukan kita sahaja bantu mereka. Seperti yang telah diterangkan hari itu, kalau tidak pertolongan orang-orang Cina dan India, tahun 1999 Barisan Nasional sudah tumbang.

Di Merlimau, Perdana Menteri baru-baru ini kalau kaum India tidak kembali menyokong calon Barisan UMNO tidak dapat majoriti setinggi itu. Jadi kedua-dua pihak perlu menghargai sumbangan semua pihak yang lain. Tidak boleh kita hanya menimbulkan, mengetengahkan sumbangan kita untuk dihargai oleh orang lain tetapi kita enggan menghargai sumbangan orang lain pula. Akan tetapi saya juga ingin ingatkan pada tahun 1978, Pulau Pinang boleh dipimpin oleh Ketua Menteri daripada orang UMNO kerana parti UMNO lah yang mempunyai bilangan terbesar di kalangan Barisan Nasional. Akan tetapi kita semangat bertolak ansur, jawatan Ketua Menteri Pulau Pinang tetap diberikan oleh kepada kawan kita daripada parti Gerakan. Inilah semangat yang kita mahu dan kita kena ingat budi semua pihak. Bukan hanya mengetengahkan budi satu pihak sahaja dan melupakan yang lain. Saya haraplah apabila kita bercakap dan kalau saya diberi masa, saya boleh berikan gambaran yang berimbang.

Oleh kerana saya juga tidak mahu dilihat hanya memperjuangkan satu kaum sahaja, kaum saya dan mengetepikan yang lain, tidak. Saya mahu memperjuangkan hak kaum saya, mempertahankan hak kaum saya akan tetapi kita tidak boleh merampas hak kaum orang lain. Jadi ini yang ingin saya katakan sekali lagi bila saya memperkatakan biasiswa. Penukaran pinjaman PTPTN kepada biasiswa untuk pelajar yang pemegang Ijazah Kelas Pertama.

Saya tidak kata meritokrasi diberhentikan. Saya hendak betulkan supaya jangan timbul salah faham. Saya tidak kata itu jangan buat, kerana merugikan satu kaum. Apa yang cuma yang saya hendak kata, kalaulah dasar itu boleh menyebabkan pelebaran jurang kerana ini komitmen dalam RMKe-10. Apakah usaha lain yang patut kita buat untuk mengatasi jurang itu dalam usaha kita melaksanakan dasar meritokrasi itu.

Kalau orang Cina dapat, orang Melayu dapat biar kan, akan tetapi berlaku jurang ini kerana kita mahu merapatkan perpaduan supaya *rational core existence does not die in Malaysia* dengan izin, maka jurang ini kita mesti rapatkan, kemiskinan mesti dihapuskan. Kita mahu yang jauh bertambah dekat, yang dekat semakin rapat, yang rapat menjadi erat. Antara tidur dan jaga aku melihat, mungkin tanpa sedar hati-hati kita akan terpikat. Maka jurang-jurang yang jauh menjadi rapat. Sekian, terima kasih. *Assalamualaikum warahmatullah wabarakatuh.*

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat Dr. S. Ramakrishnan.

**4.38 ptg.**

**Dr. S. Ramakrishnan a/l Suppiah:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. banyak perkara pun telah disentuh. Jadi saya tidak sentuh lagi. Saya akan sentuh yang berlainan.

Pertama, Tuan Yang di-Pertua ialah *variation* di bajet itu. Iaitu berlainan lebih kurang 15 peratus, saya harap Kementerian Kewangan buat satu kajian kenapa ada *variance* 15 peratus.

Adakah itu elemen pegawai-pegawai ataupun harga-harga pasaran sudah naik kah. Apakah sebabnya? Saya harap satu kajian boleh dilakukan.

Kedua, Tuan Yang di-Pertua ialah Maksud B.4 iaitu Suruhanjaya Pilihan Raya. Dalam belanjawan 2011 hampir RM250 juta diperuntukkan dan sekarang tambahan pula RM4.6 juta. Walau bagaimanapun Suruhanjaya Pilihan Raya ada lebih lagi kerja untuk buat iaitu, pertama mendaftarkan ramai lagi orang yang belum daftar lagi dan lagipun menjadikan proses pendaftaran lebih senang untuk warga Malaysia mendaftar sebagai pengundi. Cadangan ialah macam *online registration* dan sebagainya.

Ketiga, Maksud B.21 iaitu pinjaman TEKUN. Dua sesi dulu saya minta satu soalan mengenai pinjaman TEKUN dan jawapan saya dapat ialah bahawa TEKUN ialah satu pinjaman yang diurus oleh jabatan kerajaan. Akan tetapi dalam amalannya, TEKUN itu sangat dipolitikkan. TEKUN itu selalu diberi pada masa pilihan raya kecil untuk mengaut penyokong kepada parti pemerintah. Jadi saya ingin mohon bahawa TEKUN ialah wang rakyat dan TEKUN mesti diberi kepada semua warga tidak kira mana-mana parti politik.

#### ■1640

Keempat, mengenai Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia. Jabatan ini walaupun namanya ditukar tetapi imej dan pandangan rakyat tidak tukar. Ertinya, asas tidak tukar, hanya nama sahaja ditukar. Saya harap jabatan ini kerja kuat dan memulihkan nama baik mereka.

**Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah:** Saya mencelah sedikit Tuan Yang di-Pertua. Pada pandangan Yang Berhormat, apakah sebabnya maka SPRM itu mempunyai imej yang negatif? Bukankah ini ada pihak-pihak tertentu yang sengaja melemparkan lumpur kepada SPRM itu maka imejnya tidak betul? Sedangkan, saya rasa daripada segi niat, keikhlasan, maksud dan tujuannya cukup bagus tetapi sengaja dilalaikan, dengan izin, *distracted* dengan perkara-perkara lain. Umpamanya kematian Teoh Beng Hock itu seakan-akan diingini oleh SPRM.

Ada pihak-pihak yang memperbesar-besarkan perkara itu sengaja untuk memburuk-burukkan SPRM. Jadi negatifnya imej SPRM itu adalah telatah atau perangai yang dilakukan oleh pihak-pihak tertentu. Pihak-pihak tertentu yang barangkali Yang Berhormat sendiri tahu siapa dia. Terima kasih.

**Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah:** Terima kasih Yang Berhormat. Itu SPRM di mana dua orang mati di jabatan SPRM dan SPRM sepatutnya adalah satu tempat yang selamat. Jadi tempat yang selamat itu tidak selamat. Jadi itulah sebab-sebabnya pandangan berlainan. Saya sambung.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan harus menghentikan penganjuran program-program yang tidak mendatangkan manfaat dan faedah kepada rakyat, lebih-lebih lagi program yang menggunakan wang rakyat. Contohnya, sebanyak RM5.7 juta diperuntukkan untuk penganjuran Persidangan Ketua-ketua Pegawai Eksekutif Global 2011 yang dilihat sebagai satu pembaziran. Seharusnya wang itu digunakan dengan berhemah terutama dalam memberi perkhidmatan kepada rakyat. Rakyat menghadapi pelbagai masalah seperti pemotongan subsidi, pemotongan bantuan wang sama ada kepada pelajar miskin dan juga warga emas.

Jadi, di manakah kewajaran kerajaan untuk sewenangnyanya membazirkan wang ini hanya untuk majlis yang tidak mendatangkan faedah kepada rakyat?

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh mengenai perkhidmatan awam. Saya nampak bahawa dalam 18 kementerian daripada 23 kementerian, tidak ada seorang pun dari warga Sarawak dan Sabah dalam kumpulan pengurusan tinggi. Lapan belas kementerian daripada 23 kementerian tidak ada seorang warga Sarawak dan Sabah. Saya ingat ini satu keadaan yang tidak baik. Jadi saya minta Jabatan Perdana Menteri mengimbangkan komposisi ini.

Selain daripada itu juga, macam Kementerian Belia dan Sukan, Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar, di ketiga-tiga kementerian ini tidak ada seorang pun yang berkaum Sabah, Sarawak, kaum Cina dan India dalam kumpulan pengurusan tinggi. Saya harap komposisinya boleh lebih mencerminkan rakyat Malaysia dan saya minta bahawa pelantikan pegawai-pegawai pengurusan tinggi mencerminkan demokrasi Malaysia. Kerajaan juga perlu lebih *inclusive* dan menunjukkan bahawa konsep 1Malaysia bukan hanya slogan sahaja tetapi satu prinsip yang dilaksanakan dalam pelantikan pegawai. Itu sahaja Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat Datuk Hajah Wan Hazani.

**4.45 ptg.**

**Datuk Hajah Wan Hazani binti Haji Wan Mohd. Nor:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin menyentuh mengenai beberapa kementerian sahaja iaitu Kementerian Kerja Raya, Kementerian Dalam Negeri, Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, dan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kerja Raya sememangnya mengambil maklum mengenai keperluan untuk menaikkan taraf Jalan Persekutuan dari sempadan negeri Kelantan dan Terengganu iaitu dari Aring, Gua Musang ke Taman Negara Kuala Koh dan seterusnya ke Kuala Berang, Terengganu melalui Tasik Kenyir. Akan tetapi kemusykilan saya Tuan Yang di-Pertua, kenapakah selalunya diberi kontrak kepada mereka yang kurang mampu dan mereka yang sudah banyak mendapatkan kerja menggunakan lesen-lesen orang lain?

Kementerian Kerja Raya juga mengambil masa yang begitu lama untuk membuat atau membesarkan jalan. Keadaan dan kualiti jalan-jalan raya yang kurang memuaskan seperti jalan-jalan yang dibuat lekas rosak dan berlubang-lubang menjadi salah satu sebab menyebabkan kemalangan yang serius berlaku terutamanya di Jalan Kuala Lipis-Gua Musang-Cameron Highlands-Kuala Krai. Saya minta naikkanlah taraf jalan-jalan yang berisiko tinggi dan besarkanlah jalan-jalan yang berliku-liku yang berbahaya yang mana selalu berlaku kemalangan dan menyebabkan banyak nyawa yang melayang.

Saya juga ingin mengambil perhatian daripada pengalaman dan pandangan mereka-mereka yang membuat maklumat di Dewan yang mulia ini.

Untuk pengetahuan Dewan yang mulia ini, *The Expat Magazine* merupakan satu majalah yang diterbitkan oleh golongan profesional daripada masyarakat warga asing yang bekerja di negara kita Malaysia ini, iaitu ia membuat penyelidikan ke atas 230 orang warga asing yang bekerja di dalam negara kita yang tidak lebih daripada lima atau sepuluh tahun yang tinggal di Malaysia.

Di dalam soal selidik yang dijalankan *The Expat Magazine* ini, adalah disyaratkan bahawa mereka yang disoal selidik ini pengalaman mereka, bererti mencukupi pandangan-pandangan mereka. Bererti, hasil daripada penyelidikan, didapati bahawa kesemua mereka yang disoal selidik menyatakan bahawa rasuah adalah satu masalah besar di dalam negara kita dan melebihi 40 peratus mengatakan bahawa ia merupakan satu masalah besar di dalam negara menyebabkan mereka percaya bahawa isu rasuah boleh menjejaskan pelaburan langsung asing di negara kita dan hampir 40 peratus menyatakan ia mesti memberi kesan besar kepada FDI di negara kita. Itulah yang membimbangkan kita.

Kesedaran mengenai usaha-usaha yang dijalankan oleh kerajaan di dalam memerangi rasuah adalah tinggi dan kira-kira 47 peratus merasakan usaha-usaha ini akan berjaya tetapi ia mengambil masa yang begitu lama. Manakala lebih daripada 15 peratus tidak yakin bahawa usaha-usaha kita ini akan berjaya, manakala 38 peratus tidak pasti sama ada ia berjaya atau tidak.

#### ■1650

Walau bagaimanapun kebanyakan mereka memuji kesungguhan kerajaan dan pihak kepimpinan memerangi rasuah dengan apa cara sekalipun. Hampir 2/3 daripada soal selidik tidak tahu bagaimana atau kepada siapa untuk melaporkan kes rasuah. Perkara ini sebenarnya diberi perhatian yang serius oleh pihak kerajaan. Saya maklum bahawa terdapat *hotline* 1800-88-600 dan juga laman web yang juga disediakan oleh SPRM untuk melaporkan kes-kes rasuah. Akan tetapi hasil selidik ini jelas menunjukkan usaha-usaha ini perlu ditingkatkan lagi untuk memaklumkan kepada semua iaitu bukan sahaja warga tetapi yang lebih penting warga kita sendiri yang melaporkan kes-kes rasuah ini. Dari pandangan pengalaman warga asing profesional ini keadaan rasuah adalah paling banyak berlaku di kalangan polis yang terutamanya melibatkan kes-kes kesalahan trafik. Menurut hasil kaji selidik, soal selidik ini hampir 75 peratus daripada mereka pernah mengalami situasi di mana mereka diminta memberi rasuah untuk kesalahan trafik.

Oleh yang demikian, saya memohon penjelasan daripada pihak Kementerian Dalam Negeri, apakah kita boleh mencari satu kaedah bagaimana kita boleh mengatasi masalah ini dengan baik. Pada hemat saya, sesetengah sahaja polis terutamanya pegawai bawahan yang tidak tinggi pangkatnya yang terlibat secara terus.

Saya sedar adalah sukar untuk memantau secara dekat perkara ini tetapi kita perlu beri perhatian kepada masalah ini demi untuk mengembalikan nama baik dan integriti polis trafik kita yang banyak berjasa dan mengawal keselamatan lalu lintas di negara kita tanpa mengira hujan atau panas terik dalam menjalankan tugas dan kita tahu mereka kadang-kadang tidak sempat hendak makan. Terima kasih kita ucapkan kepada pegawai-pegawai polis yang bertanggungjawab.

Saya ingin mencadangkan agar lebih banyak golongan wanita diambil sebagai anggota polis trafik kerana saya percaya golongan wanita sebenarnya lebih berjaya untuk menahan godaan rasuah berbanding dengan lelaki – bukan kita merendahkan lelaki tetapi wanita rasanya lebih kuat ketahanannya dari segi godaan.

**Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah:** Boleh saya mencelah sedikit. Itu satu tuduhan yang berat. Boleh tidak Yang Berhormat memberi bukti tuduhan itu?

**Datuk Hajah Wan Hazani binti Haji Wan Mohd. Nor:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mengandaikan – *insya-Allah*, pada pengalaman saya sendiri pun pernah diminta oleh pihak polis lelaki dan tidak pernah lagi berlaku, di mana saya ini berjalan ke sana sini dan banyak perjalanan saya, boleh dikatakan ke seluruh Malaysia dan tidak pernah saya mengalami pihak terutamanya wanita yang meminta sesuatu jika kita bersalah. Memang ketara kita ini salah tetapi apabila kita merayu itu atas timbang rasa. Akan tetapi sesetengah pegawai polis lelaki tidak, dia tunjuk muka bengisnya dan kita pun rasa semacam. Saya pun nampak pegawai polis perempuan lebih. Bukannya kita kata lelaki tidak amanah. Lelaki pun amanah, raja di rumah dan di jabatan-jabatan.

Saya berterima kasih banyak-banyak kepada pihak polis dan abang-abang pegawai di atas, di luar pun yang banyak amanah daripada yang tidak amanah. Akan tetapi cadangan saya seeloknya, janganlah dipandang remeh apabila suara seorang ibu atau nenek mengatakan wanita lebih amanah itu tolonglah pandang-pandang.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, boleh ringkaskan.

**Datuk Hajah Wan Hazani binti Haji Wan Mohd. Nor:** Maaf Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya lebih berjaya untuk menahan godaan. Pandangan ini sebenarnya disokong oleh satu kajian yang dibuat oleh penganalisis di bawah tajuk *Gender and Corruption*. Pada tahun 2000, di dalam kajian tersebut sebagai contoh ada menyatakan bahawa Ketua Polis *Mexico City* telah menarik balik kuasa yang diberi kepada 900 anggota trafik lelaki di jalan raya tersebut untuk mengeluarkan saman trafik dan menggantikan dengan satu pasukan khas yang dianggotainya oleh anggota-anggota wanita untuk mengambil alih tugas mengeluarkan saman trafik. Polisi yang sama juga telah dilaksanakan di negara Lima, Peru dan hasilnya didapati terdapat penurunan yang mendadak dan ketara di dalam kes-kes rasuah di kedua-dua negara tersebut. Itu bukti Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua, menurut kajian tersebut lagi, kes-kes rasuah di dalam sebuah organisasi didapati jauh berkurangan apabila wanita adalah golongan majoriti di dalam organisasi tersebut.

Oleh yang demikian, saya ingin menyarankan agar lebih ramai wanita-wanita ditempatkan di jawatan-jawatan penting di dalam sektor awam terutamanya jawatan-jawatan berkaitan dengan perolehan kerajaan. Ini boleh dijadikan sebagai satu strategi yang boleh diguna pakai oleh kerajaan dalam mengurangkan kes-kes rasuah. Cuma, saya ingin mendapatkan penjelasan daripada kerajaan mengenai statistik mereka yang berjaya didakwa atas kesalahan rasuah. Berapa ramai dari golongan lelaki dan berapa pula dari golongan wanita dan nisbahnya dalam bilangan mereka yang berjawatan, menjawat jawatan ini di sektor awam.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengalu-alukan penubuhan mahkamah khas untuk menangani kes-kes rasuah di seluruh negara. Saya difahamkan bahawa terdapat 17 mahkamah khas di seluruh negara khususnya untuk membicarakan kes-kes rasuah. Perangkaan menunjukkan bahawa terdapat 376 kes-kes rasuah baru di seluruh negara dan terdapat lebih 2,000 kes rasuah yang ditangguhkan. Adalah diharapkan dengan penubuhan mahkamah khas ini akan dapat mempercepatkan perbicaraan kes-kes ini kerana penangguhan kes tidak baik kepada pengadu, saksi dan juga pihak yang kena tuduh, ia boleh mengakibatkan saksi lupa selain daripada barang atau dokumen kes hilang. Selain daripada itu perbicaraan kes-kes rasuah lazimnya mengambil masa yang lama kerana ramai saksi-saksi terpaksa dipanggil dan dokumen yang banyak perlu diteliti oleh mahkamah.

Oleh yang demikian, saya ingin bertanya adakah bilangan 14 mahkamah khas kes rasuah mencukupi memandangkan lebih 2,000 kes rasuah yang ditangguh ini, bermakna satu mahkamah khas terpaksa menangani lebih 140 kes rasuah secara pukul rata. Bagaimana pula dengan hakim-hakim yang dilantik untuk menangani kes-kes rasuah? Bagaimanakah proses pemilihan hakim-hakim ini dibuat? Saya ingin menyarankan agar bilangan mahkamah khas ini ditambah sekiranya perlu demi untuk mengurangkan lagi kes-kes rasuah yang tertangguh dan seharusnya menjadi pemangkin kepada usaha untuk memerangi rasuah secara intensif dan serius di negara kita yang kita sayangi ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membaca sepotong ayat, di mana Allah SWT mengingatkan manusia akan perilaku manusia itu sendiri. Firman Nya yang bermaksud; *“Sesungguhnya Kami telah membukakan tanggungjawab, kemukakan tanggungjawab amanah Kami kepada langit dan bumi serta gunung-ganang untuk memikulnya maka mereka enggan memikulnya dan bimbang tidak dapat menyempurnakannya kerana tidak ada pada mereka persediaan untuk memikulnya. Dan pada ketika itu manusia dengan persediaan yang ada padanya sampai sanggup memikulnya.*

#### ■ 1700

Ingatlah sesungguhnya tabiat kebanyakan manusia adalah suka melakukan kezaliman dan suka pula membuat perkara-perkara yang tidak patut dikerjakannya (Surah An-Naha ayat 72) Marilah kita sama-sama terus memerangi gejala rasuah di negara kita yang tercinta ini selagi hayat dikandung badan adalah menjadi tanggungjawab kita semua menghapuskan rasuah. Semoga segala usaha kita diberkati Allah SWT.

Saya ingin menyebut sedikit berkenaan Kementerian Dalam Negeri. Saya ingin menarik perhatian Dewan ini kepada laporan yang dipaparkan oleh Mingguan Malaysia dalam *Buletin TV3* mengenai dua insiden iaitu pertama laporan pada 17 April 2011 di mana Jabatan Imigresen menahan 26 kedi wanita di Kulai, Jaya Johor. Alasan yang diberi ialah mereka ini ditipu oleh ejen yang menjanjikan pekerjaan kepada mereka. Akan tetapi sebenarnya mereka menawarkan khidmat seks kepada pelanggan selepas waktu kerja. Persoalannya, jika ditipu ejen mengapa pula memberi khidmat seks. Kita mempunyai undang-undang dan jika benar mereka ditipu buat laporan dan mereka akan menjadi taiko boleh dituduh kerana memperdagangkan orang di bawah Akta Antipemerdagangan Orang dan Anti Penyeludupan Migran 2007.

Insiden kedua pula seperti yang dilaporkan 22 kali diserbu polis di tempat yang sama masih meneruskan aktiviti yang tidak baik ini yang tidak bermoral. Ramai wanita yang ditangkap itu ialah warga China dan Vietnam yang seksi dan menarik putih melepak...

**Seorang Ahli:** Aduh!

**Datuk Hajah Wan Hazani binti Haji Wan Mohd. Nor:** ...Yang bekerja sebagai GRO.  
[Ketawa]

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, sila gulung.

**Datuk Hajah Wan Hazani binti Haji Wan Mohd. Nor:** Tuan Yang di-Pertua, tidak mempunyai dokumen yang sah perjalanan dan menawarkan khidmat seks. Di mana silapnya kita Tuan Yang di-Pertua dalam usaha membanteras aktiviti yang tidak sihat ini apa sebenarnya yang terjadi. Apakah wujudnya satu pertalian di antara pengusaha-pengusaha kelab dan segelintir pihak polis. Seolah-olahnya di dalam satu serbuan itu ramai yang dapat melarikan diri dan meninggalkan beberapa orang sahaja sebagai didapati terlibat di dalam aktiviti haram ini. Manakala yang lainnya akan terus menjalankan aktiviti persundalan mereka. Sebenarnya masyarakat memerhati tindak-tanduk polis dan jangan biarkan masyarakat mengeluarkan pendapat sendiri dan kenyataan yang bertentangan dengan piagam polis. Saya harap diambil perhatian.

Jika tempat ini telah diserbu sebanyak 22 kali apakah maksudnya. Sendiri mesti faham dan ingat. Sebanyak 22 kali ini banyak masa kita terbuang kalau kita pergi serbu di satu-satu kawasan. Hari ini pula *Utusan Malaysia* melaporkan bahawa kelab dan pusat-pusat hiburan serta aktiviti berkaitan dengan pelacuran adalah didalangi oleh mereka yang berkedudukan tinggi dan mempunyai status sosial yang tinggi dan di dalam masyarakat, *nauzubillah*. Mungkinkah ini juga menjadi punca pihak berwajib tidak dapat menjalankan tugas dengan baik dengan telus kerana tekanan dan kemudian disaksikan oleh kumpulan fanatik politik.

Jika inilah kedudukannya saya syorkan kepada pihak kerajaan bertegas di dalam hal ini. Dedahkan kegiatan kejahatan mereka habis-habisan dan jika mereka ada darjat kehormatan atau anugerah, tarik darjat kehormatan yang diberikan kepada mereka dengan segera dan iklankan besar-besaran di dalam akhbar serta pampangkan gambar-gambar mereka supaya semua orang kenal merekalah bapa ayam yang terkenal di dunia pelacuran.

Gadis dan wanita akan menjadi mangsa. Mudah-mudahan dengan cara itu dengan ketegasan pihak yang berwajib merasa gerun dan mungkin tidak mengulangi lagi perbuatan mereka yang terkutuk itu.

Kerap kali Tuan Yang di-Pertua kebelakangan ini kita didedahkan dengan berita pusat-pusat urut, kedai-kedai kecantikan diserbu polis. Kebanyakannya yang ditahan sama ada tidak mempunyai dokumen sah ataupun sedang melacurkan diri. Perlukah kita menarik lesen-lesen perniagaan tuan empunya pusat atau perlukah kita mengadakan satu badan khusus di mana pegawai-pegawainya hanya berjalan dan memantau pusat-pusat perniagaan berbentuk begini yang ada.

Hari ini pusat-pusat urut seperti cendawan tumbuh selepas hujan. Pasang surut aktiviti tidak sihat di sebalik rumah urut ini seperti juga pasang surut tindakan polis terhadap mereka. Sampai bilakah perkara ini akan berterusan di dalam negara kita yang kita sayangi ini. Selain daripada itu, satu petanda yang kita nampak ialah banjirir wanita-wanita warga asing di negara ini untuk tujuan memperdagangkan diri memberi satu makna iaitu sempadan negara ini sangat senang dibolosi, dimasuki sama dari melalui darat, udara juga melalui laut.

Oleh itu Tuan Yang di-Pertua, saya sangat bimbang dengan gejala sosial ini yang mungkin kemudian hari melibatkan wanita-wanita dan remaja-remaja kita kerana wang...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Yang Berhormat minta kerjasama ya.

**Datuk Hajah Wan Hazani binti Haji Wan Mohd. Nor:** Minta lima minit lagi.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Tolong...

**Datuk Hajah Wan Hazani binti Haji Wan Mohd. Nor:** ...Kerana wang...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sudah lebih dua minit Yang Berhormat mengambil masa ya. Ada seorang lagi.

**Datuk Hajah Wan Hazani binti Haji Wan Mohd. Nor:** Sedikit lagi, sedikit. Dari aktiviti ini seperti rumah di dalam air. Tuan Yang di-Pertua dari aktiviti persundalan akhirnya lahirlah anak-anak di luar nikah, membawa penyakit mungkin berjangkit, menyusahkan kementerian yang terlibat dan menyenakkan ekonomi negara. Kita pula perlu memberi mereka makan di pusat atau kem tahanan, penjara dan hospital dan di mana-mana lagi, bermacam-macam lagi akan berlaku. Undang-undang membenarkan kita atau *mercy killing*. Kita suruh sahaja mereka mengaku mahu mati dan dipersetujui oleh hakim mahkamah kerana senang jadinya seperti jiran kita.

Kita juga didedahkan dengan filem dari negara-negara Latin, kita tahu pelakon-pelakonnya cantik dan menarik tetapi perasankah hero-hero yang dibesarkan separuhnya merupakan anak perhubungan luar nikah. Inilah yang dipertontonkan oleh penonton di TV di Malaysia. Kita tidak mahu pengaruh ini menular di dalam diri anak-anak muda kita, anak-anak cucu kita mempengaruhi rakyat di negara kita. Penubuhan ini satu pusat untuk membolehkan bayi lahir di luar nikah dijaga itu memang baik kerana kita tidak mahu pembunuhan dan pembuangan bayi berterusan.

Ini kerana apa jua alasannya nyawa tidak patut dipersiapkan tetapi apa yang lebih penting ialah pihak-pihak berwajib mestilah dengan cara apa sekalipun paling berkesan menghindarkan daripada terjadinya perkara begini berterusan perlukah institusi dan tatacara perkahwinan ini dipermudahkan. Kahwin dahulu kursus kemudian misalnya di dalam hal ini tidak boleh kita katakan tepuk dada tanya selera tetapi ibarat telur di hujung tanduk, penyelesaian positif mesti dicari...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, tepuk dada tanya selera ya.

**Datuk Hajah Wan Hazani binti Haji Wan Mohd. Nor:** Terima kasih. Sekian, saya menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Silakan Yang Berhormat Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop.

**5.09 ptg.**

**Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya tidak akan mengambil masa yang lama.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Seringkas-ringkasnya.

■1710

**Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop:** Ya, Cuma ada satu dua perkara sahaja iaitu mengenai bantuan tanam semula kepada pekebun-pekebun kecil khususnya getah dan kelapa sawit. Saya telah mengajukan soalan yang sama di Dewan yang mulia ini dan jawapan yang bertulis yang diberikan oleh Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah ada di tangan saya ini. Isunya ialah apabila sebulan setengah yang lalu ini saya turun menghadiri mesyuarat cawangan-cawangan UMNO di daerah Ledang, tidak kurang 30 cawangan yang saya pergi. Antara perkara yang dibangkitkan oleh pekebun-pekebun kecil ialah permohonan mereka untuk menanam semula getah dan kelapa sawit tidak dapat dilayani oleh pihak RISDA atas alasan RISDA tidak mempunyai peruntukan kewangan yang cukup.

Seperti mana yang kita sedia maklum, pekebun-pekebun kecil di luar bandar ini mata pencarian mereka ialah kelapa sawit ataupun getah. Kalau sudah tiba masanya lebih 25 tahun, maka mereka memerlukan bantuan untuk menanam semula. Kalau ini tidak dapat dilayani, maka dia kena tunggu lagi setahun, lagi setahun dan sebagainya yang boleh menjejaskan pendapatan mereka, keluarga mereka dan sebagainya. Baru-baru ini betul harga kelapa sawit mencecah sehingga RM700 untuk satu tan. Akan tetapi untuk makluman Dewan yang mulia ini, tidak semua pekebun-pekebun ini mendapat nikmat daripada kenaikan harga itu sebab pokok-pokok sudah tua. Hasilnya tidak seberapa.

Daripada jawapan yang saya terima daripada pihak kementerian ini jelas menunjukkan. Saya tanya khusus daripada negeri Johor, dia memberikan jawapan program tanam semula getah ke getah, RISDA cuma mendapat peruntukan RM29 juta. Untuk negeri Johor dia memberikan matlamat hanya 300 hektar sahaja dengan peruntukan RM205,500. Saya tidak tahu berapa yang diberi kepada negeri Melaka ataupun barangkali negeri-negeri lain.

Daripada Januari hingga Mac tahun ini sebanyak 644 permohonan dengan keluasan 832 hektar telah diterima. Jadi, maknanya daripada jumlah ini sebanyak 242 permohonan sahaja dengan keluasan 299 hektar yang diluluskan. Bakinya 402 permohonan dan keluasan 585 hektar tidak dapat dipertimbangkan.

Kemudian program tanam semula getah ke tanaman lain. RISDA tidak mempunyai peruntukan di bawah program ini bagi tahun 2011. Jadi, apa maknanya kerajaan membelanjakan peruntukan-peruntukan ini tetapi orang kampung tidak dapat. Tidak turun ke bawah, tidak dapat menikmati pembangunan tanaman semula untuk kebun-kebun mereka. Dua isu yang timbul di sini. Pertama, yang jelas peruntukan kepada RISDA ini tidak cukup. Kedua, bagaimana RISDA mengagihkannya pula peruntukan ini mengikut negeri-negeri. Johor yang sebegitu luas cuma dibenarkan 300 hektar sahaja tanaman semula untuk 2011, getah. Kelapa sawit tidak diberi pula. Jadi, Kementerian Kewangan tolong ambil perhatianlah tentang perkara ini. Ini orang kampung yang mata pencarian dia, itulah dia, getah dan kelapa sawit.

Perkara yang kedua, ini agak lebih kecil, Kementerian Pelajaran. Johor sejak tiga yang lalu telah ada dua daerah baru. Satu, Kulai Jaya dan satu lagi, Ledang. Saya bercakap Ledang, di tempat saya. Pusat pentadbiran sudah diwujudkan, semua jabatan sudah ada beroperasi di Ledang kecuali PPD - Pejabat Pelajaran Daerah, masih lagi berpusat di Muar. Daerah Muar ini besar, hampir sama dengan negeri Melaka. Jadi, itu sahaja jabatan yang belum ada, belum beroperasi betul-betul daripada daerah Ledang. Saya mintalah melalui Kementerian Kewangan untuk menyampaikan kepada Kementerian Pelajaran. Apabila saya tanya pegawai ini, ini tidak ada peruntukan. Itu jawapan biasalah. Akan tetapi sudah tiga tahun daerah baru ini tanpa pejabat PPD sendiri. Itu sahaja pesan orang kampung Tuan Yang di-Pertua, kepada saya. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Minta Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan menjawab.

**5.17 ptg.**

**Timbalan Menteri Kewangan II [Datuk Dr. Awang Adek Hussein]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi pandangan, cadangan, teguran yang semuanya agak bernas. Saya mendengar hampir keseluruhan pandangan yang telah diberikan dan telah pun mengambil nota. Saya juga telah dibantu oleh pegawai-pegawai dengan jawapan yang panjang lebar, yang mana kalau saya baca ini mungkin tidak habis hari ini. Ini tebal... *[Ketawa]*

Jadi, saya kalau dengan izin, ingin mengambil pendekatan yang agak lebih produktif barangkali iaitu saya tumpukan jawapan kepada soal-soal dasar, isu, yang mana yang khusus, spesifik, saya akan edarkan dalam bentuk bertulis ini kepada semua Yang Berhormat yang menimbulkannya. Ada yang tidak dapat saya jawab tetapi terpaksa kita ambil maklum, contoh macam peruntukan RISDA yang disebut tidak cukup.

Jadi, ini kena kita ambil maklum, saya tidak ada jawapan mengapa tidak cukup hari ini. Akan tetapi ini kita kena cubalah kerana ini masalah rakyat, kalau ini tidak betul-betul tidak cukup seperti mana yang didedahkan, maka sudah tentu ia memberikan kesan yang tidak baik.

Saya begini, pertamanya kita kena terima hakikat bahawa ini adalah bekalan tambahan yang kedua untuk 2010. Bermakna tambahan ini yang lebih-lebih, yang saki-baki yang belum ada peruntukan tetapi telah pun dibelanjakan lebih awal, maka ini semua perlu mendapat kelulusan.

Kita buat ini bukannya di luar perundangan, diperuntukkan, kita boleh belanja dahulu, kita boleh ambil wang daripada luar jangka umpamanya, asalkan kemudiannya kita datang untuk dapatkan pengesahan. Jadi, ini semua dibuat sebagai tambahan. Jadi, oleh itu bermakna masih banyak lagi perkara yang tidak akan mendapat peruntukan dalam Perbekalan Tambahan ini.

#### ■1720

Seperti mana yang sahabat saya Yang Berhormat Senator Datuk Abdul Rahman bakar dia sebut banyak itu tidak boleh. Mengapa beri ini sahaja? Mengapa bola dan mengapa tidak badminton dan macam-macam. Betullah! Itu betul. Ini hanya peruntukan tambahan, ya. Ini untuk bola, kita buatlah bola dahulu. Apabila bola ini bertambah baik dan cemerlang sedikit barangkali boleh pula sukan-sukan lain. Jadi ini saya mahu. Begitu jugalah dengan RISDA yang tidak cukup. Mengapa buat ini dan mengapa tidak buat begitu? Mengapa beri USM, APEX dan mengapa tidak beri yang lain? Betullah, ya. Akan tetapi hakikatnya ini adalah peruntukan untuk USM yang telah dijanjikan apabila USM dinobatkan sebagai universiti APEX. Ia bukan bererti universiti-universiti lain tidak dapat, dapat. Akan tetapi tidak dimasukkan di situ kerana memang telah dapat melalui peruntukan biasa.

Ini peruntukan tambahan yang mana belum lagi diambil kira atau pun tidak cukup diambil kira. Maka, kita datang di sini untuk itu. Itu perlu kita faham supaya tidak kita tertanya-tanya mengapa ini masih terkurang dan tidak dapat. Apabila ia merupakan tambahan, maka yang banyak pun kita perlu datang ke Dewan yang mulia ini dan yang sedikit pun kita perlu datang. Mana yang RM1 bilion lebih pun perlu dan yang RM5 juta pun perlu. Jangan pula kita jadikan isu perancangan tidak betulkah. Mengapa satu-satu kementerian ini banyak dan satu-satu kementerian ini tidak cukup atau sedikit. Ini tidak timbul isu. Jadi, kalau kementerian itu perlu RM5 juta, maka RM5 jutalah yang perlu kita datang untuk minta. Kalau kementerian lain perlu RM1 bilion kerana kementerian ini lebih besar. Kementerian Pelajaran Malaysia dan Kementerian Kesihatan yang begitu ramai tugas dan pekerjanya. Apabila yang melibatkan emolumen jumlah yang lebih ramai, maka sudah tentu peruntukannya lebih besar.

Dua perkara yang saya mahu sebut yang mungkin tidak jelaslah. Mungkin bagi pihak kita barangkali kita tidak jelas sangat menerangkan sehingga timbul banyak orang tidak faham. Ahli-ahli Yang Berhormat pun barangkali tidak faham. Akan tetapi apabila dijelaskan ini tidak akan ada soalan atau pun tidak masalah. Umpamanya, bantuan khas. Ini banyak Yang Berhormat. Mengapa dia ini bantuan khas, mengapa dia beri ini sedikit? Bantuan khas itu dan ini. Apakah ia ini? Tidak bolehkah lebih sedikit cerita apa bantuan khas ini? Hah! Betullah. Sebenarnya, bantuan khas ini bendanya *simple* sahaja. Ingat, kerajaan beri sagu hati RM500 dua kali tahun 2010. Ia seperti bonuslah tetapi kita tidak panggil bonus.

Masa hari raya sekali kalau tidak silap saya dan akhir tahun sekali RM500. Cuma kerajaan panggil “Bantuan Khas”, tetapi apabila dimasukkan dalam ini, orang fikirkan apa bantuan khas ini, siapa pula yang dapat bantuan khas ini? Sebenarnya ia menyeluruh. Semua anggota kerajaan dapat dan belanjanya besar. Jumlah RM500 dua kali pun, kalau di campur-campur sudah hampir RM2 bilion.

Jadi, tengoklah setengah kementerian itu ada dan ia mengikut jumlah staf kakitangan kementerian. Jadi, memang saya akui sebentar tadi banyak yang dipersoalkan tetapi sebenarnya kalau kita tahu apa dia yang bantuan khas yang RM500 yang diberi dua kali itu, maka ini ialah penjelasannya. Jadi, saya rasa apabila dijelaskan begitu, tidak ada masalah kerana kita tahu ini kita beri orang-orang yang perlu pun. Mereka minta lebih dua bulan gaji. Kita tidak dapat beri dua bulan gaji kita beri RM1,000, dua kali itu. Ini kerana takut beri sekali cepat habis. Beri dua kali anak-anak mahu sekolah akhir tahun dapat sekali dan sebelum raya sekali.

Keduanya ialah emolumen ini. Emolumen ini mengapa ini? Tidakkah dirangka, dijangka dan dirancang. Mengapa tiba-tiba banyak sangat emolumen ini? Betullah. Saya akan beri dua contoh kementerian sepertimana yang di timbul oleh Yang Berhormat Senator Dr. Syed Husin Ali ini. Emolumen ini sebenarnya bukannya kita tiba-tiba ambil orang, bukan. Ia bukannya gaji dinaikkan, bukan. Akan tetapi apabila kita buat NKRA tumpuan kepada sektor-sektor tertentu maka, perlu ada kakitangan yang mencukupi. Maka, banyak jawatan kosong umpamanya telah diisi di Kementerian Kesihatan. Saya akan baca nanti berapa jumlahnya dan begitu juga di Kementerian Pelajaran.

Satu laginya oleh kerana kita ini mahu jaga doktor-doktor di Kementerian Kesihatan umpamanya, kita permudahkan mereka ini dapat gaji dan skim yang lebih tinggi. Maknanya tidak naik pangkat lagi. Kita buat laluan. Jadi, bila dia naik laluan itu, automatik dia dapat gred yang lebih tinggi. Maka ini akan memberi kesan emolumen yang lebih besar. Jadi, dua perkara dan naik pangkat ini pun ada. Jadi, inilah perkara yang saya mahu sebut secara umumnya dan yang spesifik-spesifik itu kita akan beri.

Akan tetapi bukan itu sahajalah. Satu atau dua perkara lain. Kalau tidak saya tidak nampak memberi justifikasi kepada kesungguhan Ahli-ahli Yang Berhormat ini. Saya pun begitu bersungguh hari ini. Sebenarnya kalau naik elaun Senator itu jangan lupa saya sama. Ini kerana saya pun ahli Senator sebab takut-takut terlupa atau dilupai saya ini. Saya pun juga seorang senator. Jadi, kita bersama tetapi adalah tidak wajar saya sebagai seorang Senator meluluskan di dalam Dewan mulia ini permohonan untuk Senator. Lebih baik lagilah seperti yang telah diberikan mandat kepada Tuan Yang di-Pertua itu, bawalah jumpa ayahanda kah, bapa kita kah atau siapa atau apa sahaja nama yang kita panggil, ya. Jadi, saya tidak boleh mahu komenlah takut orang kata nanti ada *backstab interest*. Dia Timbalan Menteri Kewangan mentang-mentang dia senator pergi lulus habis ya. Jadi, Yang Mulia Tengku ini kita tahu dia tahu budaya Bank Negara ini, kita perlu jaga sedikit integriti kita ya Tengku.

Jadi, ini perkara pokok lagi. Satu atau dua perkara ya. Dewan yang mulia ini diminta untuk meluluskan peruntukan perbelanjaan tambahan RM13 bilion dan RM13 bilion ini sepertimana yang dikatakan oleh Yang Berhormat Ketua Pembangkang kita, dicampurkan dengan RM9 bilion nampaknya besar dan juga Yang Berhormat sebentar tadi pun ada sebut *variance* nya tinggi 15 peratus. Cuma saya mahu sebut di sini RM13 bilion ini bukannya kesemua RM13 bilion merupakan perbelanjaan tambahan. RM8 bilion ni hanya tambahan dalam bentuk teknikal sahaja dan bukan merupakan perbelanjaan. Ia merupakan pemindahan daripada akaun hasil ke akaun wang pembangunan.

Maknanya digunakan yang lebih daripada akaun hasil ini, *operating surplus* lah dengan izin. *Operating surplus* ini diguna untuk perbelanjaan pembangunan. Apabila di *transfer* itu dalam perundangan diperlukan dan dimasukkan dalam bil bekalan. Jadi, kalau tidak, tidak boleh mahu pindah. Jadi, maknanya ini seperti *on paper spending* lah dengan izin tetapi tidak merupakan perbelanjaan. Jadi, kalau kita tolak RM87billion itu daripada RM13 bilion, hanya tinggal RM5 bilion. *The actual spending* dengan izin, maka *variance* nya tidaklah sampai 15 peratus, mungkin 5 peratus atau 6 peratus. Pengurusan negara tidaklah semestinya terlalu *rigid* sehingga penambahan 5 peratus atau 6 peratus tidak seharusnya menjadi masalah. Ini kerana kalau yang penting umpamanya masalah rakyat kalau tidak cukup peruntukan untuk rakyat, kita perlu tambah peruntukan.

Jikalau kadar jenayah tinggi yang menjadi masalah kepada semua rakyat, maka kita perlu perangi masalah jenayah. Tambahan kakitangan KDN atau beri peruntukan yang lebih besar lagi supaya jenayah dapat diturunkan. 35 peratus turun, *alhamdulillah*. Maka, ini yang kita mahu. Implikasi defisit, syukur *alhamdulillah*, tambahan ini telah pun mengambil kira defisitnya hanya 5.6 peratus dalam akhir tahun 2010. Ini adalah kecil berbanding dengan defisit pada tahun 2009, tahun 2009, defisitnya ialah 7 peratus. Jadi bermakna walaupun kita berbelanja lebih sikit bekalan tambahan tapi ia tidaklah memudaratkan defisit kita kerana defisit kita masih lagi 5.6 peratus lebih baik daripada 7 peratus pada tahun 2009.

#### ■1730

[Tuan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Mesyuarat***]

*Alhamdulillah* dan *insya-Allah* tahun 2011, tahun ini defisit kita kurang lagi. Moga-moga kita dapat kurangkan paling tinggi 5.4 peratus, ini menjadi sasaran kita. Kalau kita boleh kurangkan lagi, lagi bagus. Jadi dengan penjelasan yang sedemikian, saya nak sebut contoh-contoh tadi yang saya janjikan kenapa pertambahan emolumen mendadak bagi Kementerian Kesihatan umpamanya. Kementerian Kesihatan ini pertambahan pengisian sebanyak 12,386 perjawatan yang mana perjawatan ini kosong dulu, maka pengisian dibuat. Jadi peningkatan kakitangan dan ini memberi implikasi kewangan sebanyak RM324.67 juta kepada Kementerian Kesihatan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, izinkan saya beri pandangan sedikit. Ahli-ahli Yang Berhormat, saya dah mengikuti tadi perbahasan Yang Berhormat sekalian. Sekarang ini kita dalam sesi membahaskan Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan.

Saya dah mengikutu tadi pandangan Yang Berhormat Datuk Dr. Awang Adek dan apa yang dikatakan oleh beliau itu memang betul. So saya minta daripada segi prosedur peraturan untuk menyenangkan kita dan untuk Dewan ini berjalan dengan lancar, Ahli-ahli Yang Berhormat hanya boleh buat pandangan, teguran di bawah tajuk-tajuk Kepala contohnya 'B.', itu sahaja. Ini jumlah wang ini telah digunakan, sekarang ini untuk meluluskan sahaja dan Yang Berhormat boleh komen Kepala itu lepas itu apa cadangan dan sebagainya.

Tak payahlah kita nak bincang berkenaan yang lain. Itu dasar, dasar itu apabila kita membahaskan masa Titah Diraja hari itu. Ini *supply* yang agak perlu kita memahami. Saya mengingatkan diri saya dan berkongsi pendapat dengan semua Ahli Yang Berhormat supaya melicinkan. So kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan, apa yang diperkatakan oleh Yang Berhormat tadi sebagai Senator betul. Tadi pun agaknya kita minta itu dan minta ini, sebenarnya dalam peraturan tak ada. Itu kita sebagai *persuasive*, dengan izin kita boleh buatlah. Walau bagaimanapun untuk menjimatkan masa, melicinkan perjalanan kita, Yang Berhormat tak perlulah agaknya menjawab satu persatu apa yang dibangkitkan tadi, hanya bergantung kepada persoalan pokok yang ada tertulis dalam kepala-kepala yang di luar jangkau itu. Sekian, terima kasih Yang Berhormat.

**Datuk Dr. Awang Adek Hussein:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Itu memberi kelegaan kepada saya kerana jawapan saya seterusnya adalah dalam jangka sepuluh minit lagi. Saya rasa saya nak *reap* lah kerana yang terperinci ini saya akan edarkan. Yang tebal dan berat ini lebih satu kilogram, ini saya akan edarkan kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat. Cuma saya nak bagi satu dua contoh seperti mana yang saya janjikan tadi. Contoh yang keduanya Kementerian Kesihatan tadi, pelaksanaan laluan kerjaya Gred UD41 ke Gred UD54. Ini yang macam laluan ini pada tahun 2010, ini melibatkan kewangan berjumlah RM239.4 juta. Pada masa yang sama, bantuan khas kewangan tadi yang saya sebut RM500 dua kali itu oleh kerana pegawai Kementerian Kesihatan ini ramai, maka dia telah melibatkan sejumlah RM185.93 juta. Itu Kementerian Kesihatan.

Kementerian Pelajaran Malaysia memerlukan peruntukan tambahan sebanyak RM1.7 bilion bagi membiayai pengurangan di bawah emolumen disebabkan oleh perkara-perkara berikut, iaitu pengisian sebanyak 947 bilangan perjawatan sepanjang tahun 2010, kenaikan pangkat pegawai perkhidmatan pendidikan dan anggota kakitangan sokongan, pertambahan bagi norma-norma perjawatan baru akibat penjumudan perjawatan sedia ada. Ini *rationalization*, dengan izin dan pembayaran bantuan khas kewangan sebanyak RM1,000 tadi untuk tahun 2010. Itu yang secara umumnya. Saya nak sentuh satu dua lagi untuk Yang Berhormat yang lain. Yang Berhormat Senator Datin Paduka Datuk Nor Hayati, banyak tadi isu-isu pemandu ini. Malangnya isu-isu pemandu ini isu-isu baru. Senator Datin minta apa *progress* nya, setakat mana. Dia baru, memang kita susah nak bagi *progress*nya setakat mana, tapi apa pun kita boleh sampaikan maklumat itu, pegawai akan sediakan.

Mengenai projek tenaga nuklear ini, masih dalam peringkat kajian. Tidak ada keputusan yang dibuat dan mungkin elemen baru telah pun ditimbulkan oleh kejadian yang mendukacitakan di Jepun. Barangkali ini memerlukan kajian yang lebih terperinci. Yang Berhormat Senator Dr. Malasingam ada sebut tadi mengenai tenaga kerja jawatan awam, bumi dan bukan bumi. Kita ada penjawat awam lebih kurang satu juta, 87 peratus bumi, 13 peratus nya bukan bumi dan kerajaan memang berusaha untuk menambahkan bilangan bukan bumi sehingga banyak program yang dibuat, tetapi permohonan daripada bukan bumi khususnya kumpulan daripada kaum Cina umpamanya sangat kurang, *as a percentage of the population*. Itu pun sebagai komitmen kerajaan berdasarkan kepada yang memohon, kelulusan adalah lebih tinggi. *The percentage* yang diambil berdasarkan pemohon lebih tinggi di kalangan bukan bumi berbanding dengan bumi supaya *in the long run* kita boleh menambahkan lagi golongan bukan bumi ini. Golongan muda, mengenai pinjaman disebutkan golongan muda kurang mendapat pinjaman. Ada pula di kalangan kita yang bimbang golongan muda terlalu banyak berhutang dengan institusi kewangan. Jadi kita kena *balancekan*, imbangi. Nak bagi banyak pun okey, terlalu banyak pun tak okey. Jadi kita kena imbangi.

Tentang bola, Kementerian Belia dan Sukan. Yang Berhormat Senator Datuk Abdul Rahman, saya dah sebut tadi. Kita bagi peruntukan ini untuk bola buat waktu ini. Yang Berhormat Senator Tuan Haji Ahmad Rusli menimbulkan soal ketirisan subsidi. Ini satu perkara yang begitu penting yang sedang ditangani oleh kerajaan tapi saya rasa masih belum ada satu sistem yang *full prove*, dan ini adalah agenda yang berterusan bagaimana kita dapat menangani subsidi seperti mana yang sahabat saya Yang Berhormat Senator Datuk Akbar sebut, *how do we rationalize this*. Memang ada usaha untuk melakukannya tapi belum ada *solution* yang berjaya lagi buat masa ini, *but we know* dengan izin, kita tahu bahawa ini tidak boleh bertahan sepanjang masa. *It's not sustainable in the long term* dengan izin, jadi kita kena berbuat sesuatu.

UDA dan MARA perlu diberi keutamaan. Ini saya rasa akan diteliti oleh pihak kerajaan. Yang Berhormat Senator Puan Doris ada sebut tentang Unit Khas Inovasi dan tabung-tabung. Ini saya tidak ada maklumat sekarang daripada segi penggunaan tabung. Kita akan minta pegawai bagi *status update* dan kita hantar kepada Yang Berhormat Senator Puan Doris. Sahabat saya Yang Berhormat Senator Dato' Mohammed Najeeb menyentuh tentang emolumen imam, guru Kafa barangkali sebab kita naik elaun mereka baru ini RM800, imam pun suka hati, guru Kafa pun suka hati.

#### ■1740

Pampasan kepada Syarikat ACE ini. Ini, *it is a big issue*. Penting kerana ini ditimbulkan juga oleh Yang Berhormat Dr. Syed Husin Ali. Syarikat ACE malangnya menjadi - terpaksa diberikan pampasan oleh kerajaan kerana tuntutan mereka. Kerajaan telah bersetuju untuk membentuk syarikat ACE ini iaitu syarikat akademi memandu kenderaan perdagangan (*commercial vehicle*) supaya kurang *accident* ini terlalu banyak *accident*. Jadi, kita mahu ajar dan latih mereka pelbagai modul dan sebagainya tetapi pembayarannya agak tinggi.

Jadi, pihak peserta, pihak syarikat-syarikat membuat bantahan kepada kerajaan mengapa perlu mereka menghadiri kursus-kursus ini dan dikenakan bayaran yang tinggi. Cakap “*Saya tidak larat. RM2,000*”. Dato’ Mohammed Najeeb sebut tadi.

Maka, kerajaan mengambil keputusan berhentikanlah program ini. Akan tetapi oleh kerana perjanjian yang telah dibuat oleh syarikat ACE, ACE telah mengemukakan tuntutan undang-undang terhadap kerajaan dan kerajaan setelah mendapatkan pandangan AG dan sebagainya telah menerima untuk membayar pampasan sepertimana yang telah dipersetujui. Tidaklah sebanyak mana yang dituntut tetapi ini merupakan pampasan. Jadi, kalau ditanya mengapa perlu, sebab kita berhentikan program ini kerana bantahan daripada peserta adalah cukup kuat.

Yang Berhormat Senator Puan Hajah...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, ada mencelah.

**Dr. Syed Husin Ali:** Pertanyaan saya ringkas sahaja. Berkenaan syarikat ACE tadi. Apa yang disebutkan di sini RM80 juta adalah tambahan. Jadi, ada atau tidak sebelum itu bayaran pampasan? Ini disebabkan kalau misalnya tambahan tentu ada sebelumnya bayaran yang telah dibuat. Jadi, saya hendak tahu jumlah keseluruhannya.

**Datuk Dr. Awang Adek Hussein:** Ini memang betul Yang Berhormat itu, ini bukan merupakan *final settlement*, dengan izin. Ini peringkat permulaan. Kita bayar dahulu kerana ini sudah menjadi tuntutan mereka tetapi masih lagi ada perbincangan. Jadi, mungkin jumlah keseluruhannya akan diketahui kemudian setelah kita berbincang lagi. Akan tetapi, peringkat awalnya ini, memang RM84.5 juta. Okey, terima kasih.

Yang Berhormat Senator...

**Dato’ Mohammed Najeeb bin Abdullah:** Mencelah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, silakan.

**Dato’ Mohammed Najeeb bin Abdullah:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tadi saya ada bangkitkan isu 170 orang jurulatih yang telah diberhentikan tanpa sebarang pampasan. Adakah nanti dengan adanya pampasan yang diterima oleh syarikat ini, ia akan membayar kepada jurulatih tersebut? Terima kasih.

**Datuk Dr. Awang Adek Hussein:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya tidak ada maklumat. Saya tidak mahu cakap ya atau tidak kerana takut tidak betul. Jadi, saya tidak ada maklumat. Saya minta tangguhkan. Mungkin kita dapat menjawab melalui bertulis. Pegawai, dia mendengar pertanyaan tambahan Yang Berhormat ini. Saya minta pegawai *check* dan tolong beri, apakah kedudukan dengan pekerja-pekerja yang terpaksa diberhentikan.

Yang Berhormat Senator Puan Hajah Mumtaz banyak perkara yang ditimbulkan, terlalu spesifik. Jadi, saya akan beri jawapan bertulis. Banyak. Itu saya tahu. Saya tidak dapat menyebut semua. Yang Berhormat Senator Puan Hajah Noriah, *gender budgeting*. Ada *progress* tetapi perkara ini – *this is a difficult issue how to get this*.

Namun ada *progress*. Satu *progress* nya ialah kita sudah mewujudkan *focal point* untuk *gender budgeting* ini. *Focal point* sekarang ini setiap kementerian, ia ada satu seolah-olah pegawai yang bertanggungjawab dan pegawai bertanggungjawab *diupgraden* kepada Timbalan KSU sekarang ini. Hendak beri kepada KSU itu takut dia sibuk sangat. Jadi, TKSU merupakan *focal point* pada *gender budgeting*. Saya tahu *gender budgeting* ini sebab saya telah mempengerusikan beberapa mesyuarat untuk meneruskan penglibatan ataupun penggunaan *gender budgeting* ini.

Subsidi, Datuk Akbar Ali, ini saya sudah jawab. *Variance* saya sudah jawab. Pekebun kecil, saya rasa ini satu rintihan yang perlu diambil berat dan kita akan kaji dan lihat. Mudah-mudahan ini akan juga ditangani. Saya hendak mengucapkan sekali lagi Tuan Yang di-Pertua, sebanyak-banyak terima kasih kepada semua yang telah mengambil bahagian. Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada semua. Kita akan edarkan jawapan-jawapan ini seperti mana yang telah saya sebutkan tadi. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui.

Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua.

### **Bacaan Kali Yang Ketiga**

**Datuk Dr. Awang Adek Hussein:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon memaklumkan bahawa rang undang-undang bernama suatu akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan bagi perkhidmatan untuk tahun 2010 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu bagi bahagian itu telah dipersetujui tanpa pindaan.

Saya mohon mencadangkan bahawa menurut Peraturan Mesyuarat 53(2) rang undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

**Timbalan Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air [Puan Noriah binti Kasnon]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui.

Rang undang-undang dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

**RANG UNDANG-UNDANG TENAGA BOLEH BAHARU 2010****Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga****5.47 ptg.**

**Timbalan Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air [Puan Noriah binti Kasnon]:** *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu rang undang-undang yang bernama suatu akta untuk mengadakan peruntukan bagi mewujudkan dan melaksanakan suatu sistem tarif galakan untuk memungkinkan penjanaan tenaga boleh baharu dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara yang berkaitan atau bersampingan dengannya dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Dasar Lima Bahan Api (*Five-Fuel Policy*), dengan izin yang diperkenalkan di bawah Rancangan Malaysia Kelapan telah mengenal pasti sumber *biomas*, bio gas, mini hidro dan solar sebagai sumber Tenaga Boleh Baharu (TBB) atau *Renewable Energy (RE)*, dengan izin. Walau bagaimanapun, sehingga kini pembangunan TBB di negara ini amat terhad disebabkan pelbagai masalah dan kekangan yang ada. Bagi mengatasi masalah dan kekangan ini, Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA) telah menggubal dasar dan pelan tindakan Tenaga Boleh Baharu (TBB) bagi memacu pembangunan TBB negara dengan lebih pesat dan agresif yang telah diluluskan oleh mesyuarat Jemaah Menteri pada 2 April 2010.

Rang Undang-Undang Tenaga Boleh Baharu 2010 (RUU TBB), dengan izin bertujuan untuk mewujudkan industri TBB yang efisien, berdaya maju dan mapan serta berupaya sebagai pemangkin atau *catalyst* dengan izin, penjanaan Tenaga Boleh Baharu (TBB) melalui pelaksanaan sistem tarif galakan (*Feed-in Tariff System*), dengan izin. Rang undang-undang ini menggariskan peruntukan-peruntukan bagi pelaksanaan mekanisme *Feed-in Tariff (FiT)* dengan izin, penubuhan kumpulan wang tenaga boleh baharu dana TBB dan pelaksanaannya oleh sebuah badan berkanun yang akan ditubuhkan.

Mekanisme FiT membenarkan tenaga elektrik daripada sumber TBB oleh pemaju bebas dan pemaju individu dijual kepada syarikat utiliti bekalan elektrik pada kadar harga jualan atau tarif premium untuk satu tempoh yang telah ditetapkan. *Feed-in Tariff (FiT)* dengan izin dilihat berupaya meningkatkan *viability*, dengan izin, projek-projek TBB serta menjadikan penjanaan tenaga daripada TBB lebih kompetitif.

**■1750**

Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang TBB mengandungi sembilan bahagian dan 65 fasal. Bahagian-bahagian berkenaan adalah seperti berikut:

Bahagian I - Bahagian ini terdiri daripada fasal 1 dan fasal 2 yang memperincikan tajuk dan takrif perkataan yang digunakan di dalam akta yang dicadangkan serta pemakaiannya di seluruh Malaysia. Walau bagaimanapun, Menteri mempunyai kuasa untuk menentukan tarikh kuat kuasa akta ini dan juga peruntukan-peruntukan yang berlainan akta ini di bahagian-bahagian berlainan di Malaysia menerusi pemberitahuan dalam warta.

Bahagian II - Bahagian ini yang terdiri daripada fasal 3 hingga fasal 11 berkaitan penubuhan dan pemakaian Sistem Tarif Galakan ataupun *Feed-in Tariff System* dengan izin, yang merangkumi perincian kelayakan dan syarat-syarat untuk memohon sistem ini dan mendapatkan *Feed-in Approval (FIA)* dengan izin. Bahagian ini juga memberi kuasa kepada Pihak Berkuasa Pembangunan Tenaga Lestari ataupun SEDA Malaysia untuk meluluskan serta membatalkan permohonan FIT. Ia turut memberi kuasa untuk mengenakan syarat tambahan dan meminta maklumat tambahan kepada pemohon yang layak dan merangkumi penerangan mengenai proses rayuan bagi permohonan yang ditolak.

Bahagian III - Bahagian ini yang terdiri daripada fasal 12 hingga fasal 15 memperincikan tanggungjawab dan kewajipan pemegang-pemegang lesen pengagihan atau *distributor* dengan izin, untuk menyambung pemasangan TBB serta membeli dan mengagihkan semua tenaga elektrik daripada sumber TBB yang telah dijana serta kewajipan untuk menandatangani perjanjian pembelian kuasa tenaga boleh baharu atau *Renewable Energy Power Purchase Agreement (REPPA)* dengan izin, dengan pemegang FIA atau *Feed-in Approval* dengan izin. Bahagian ini juga memberi kuasa kepada SEDA Malaysia dengan persetujuan Suruhanjaya Tenaga untuk menetapkan kaedah-kaedah atau peraturan supaya pemegang lesen pengagihan dan pemegang FIA mematuhi keperluan-keperluan teknikal dan pengendalian dalam pelaksanaan Sistem Galakan seperti yang dicadangkan di bawah akta ini.

Bahagian IV - Bahagian IV terdiri daripada fasal 16 hingga fasal 22, menyentuh mengenai bayaran FIT kepada pemegang FIA, pengurangan kadar FIT dan kajian semula pengurangan kadar FIT serta peruntukan mengenai kesetaraan grid bagi pemasangan tenaga boleh baharu (TBB).

Tuan Yang di-Pertua, Bahagian V - Bahagian ini mengandungi fasal 23 hingga fasal 27 menyentuh mengenai penubuhan Kumpulan Wang Tenaga Boleh Baharu atau Dana TBB yang diperoleh daripada peruntukan tarif elektrik yang akan dikendalikan oleh SEDA Malaysia. Ia juga memperuntukkan kuasa pelaburan yang boleh dilakukan oleh SEDA Malaysia melalui Kumpulan Wang Pihak Berkuasa Pembangunan Tenaga Lestari ini tertakluk kepada kelulusan Menteri Kewangan.

Bahagian VI - Bahagian ini yang terdiri daripada fasal 28 hingga fasal 35 memperincikan kuasa SEDA Malaysia untuk menjalankan pengauditan dan pengumpulan maklumat.

Bahagian VII - Bahagian VII terdiri daripada fasal 36 hingga fasal 55 memperincikan kuasa SEDA Malaysia atau Pegawai Suruhanjaya Tenaga untuk menjalankan penguatkuasaan di bawah akta yang dicadangkan ini berhubung dengan penyiasatan, pengeledahan dan penyertaan.

Bahagian VIII - Bahagian ini yang terdiri daripada fasal 56 hingga fasal 63 menyentuh mengenai peruntukan-peruntukan am di bawah akta yang dicadangkan ini dengan perincian kuasa Menteri untuk membuat peraturan dan mengubah jadual kadar FIT.

Ia juga memberi kuasa kepada SEDA Malaysia untuk mengeluarkan arahan terhadap pematuhan dan ketidakpatuhan syarat kelulusan sistem galakan serta tanggungjawab SEDA Malaysia mengemukakan laporan pelaksanaan dan prestasi sistem galakan ini.

Bahagian IX - Bahagian ini yang terdiri daripada fasal 64 dan fasal 65 memperincikan akan pengecualian dan peralihan yang meliputi hak dan pilihan pemaju TBB sedia ada sama ada untuk menyertai sistem galakan dan menamatkan sebarang perjanjian terdahulu atau meneruskan perjanjian semasa dengan pemegang lesen pengagihan dan tidak menyertai sistem FIT. Bahagian ini juga menyentuh mengenai tempoh pelanjutan atau pengurangan lesen penjanaan berdasarkan Akta Bekalan Elektrik 1990.

Secara ringkasnya Tuan Yang di-Pertua, bidang-bidang utama yang terkandung dalam Rang Undang-undang TBB adalah:

- (i) mekanisme FIT iaitu peruntukan-peruntukan yang meliputi di bawah mekanisme FIT. Antaranya adalah penubuhan sistem FIT, kelayakan bagi FIT, laporan pemantauan dan prestasi sistem FIT, kadar FIT dan kadar pengurangan atau *regression*, dengan izin;
- (ii) tanggungjawab pihak utiliti. Peruntukan-peruntukan yang terkandung di bawah tanggungjawab pihak utiliti adalah keutamaan sambungan, keutamaan membeli dan mengagih, perjanjian jual beli tenaga antara pemaju dengan pihak utiliti dan keperluan operasi dan teknikal yang diperlukan pemaju dan pihak utiliti; dan
- (iii) Dana TBB. Peruntukan-peruntukan yang termasuk di bawah Dana TBB adalah perolehan Dana TBB daripada tarif elektrik, perbelanjaan yang boleh di caj di bawah Dana TBB, pelaburan Dana TBB dan simpanan akaun dana tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Menteri Pengangkutan II [Tuan Jelaing anak Mersat]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk mengadakan peruntukan bagi mewujudkan dan melaksanakan satu sistem tarif khas untuk memangkin penjanaan tenaga boleh baharu dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara-perkara yang berkaitan dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk di bahas. Ya, Yang Berhormat Puan Mariany.

**5.57 ptg.**

**Puan Mariany binti Mohammad Yit:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, kita telah dimaklumkan bahawa kerajaan melalui Akta Tenaga Boleh Baharu akan melaksanakan mekanisme *Feed-in Tariff* (FIT) yang dijangka akan meningkatkan pembangunan TBB.

Mekanisme FIT ini merupakan satu mekanisme yang membenarkan tenaga elektrik daripada sumber tenaga boleh baharu oleh pemaju bebas dan juga individu dijual kepada syarikat utiliti bekalan elektrik pada kadar harga jualan atau tarif untuk satu tempoh yang akan ditetapkan.

Bagi melaksanakan mekanisme ini, di bawah fasal 23 Rang Undang-undang Tenaga Boleh Baharu, sebuah kumpulan wang yang akan dipanggil sebagai Kumpulan Wang Tenaga Boleh Baharu ditubuhkan bagi menampung kos pelaksanaan mekanisme ini. Saya juga telah dimaklumkan bahawa sumber kumpulan wang ini adalah daripada pengguna di mana ia akan melibatkan sumbangan sebanyak 1 peratus daripada bil elektrik kita.

Memandangkan sumber ini datang daripada pengguna, saya ingin bertanya apakah langkah-langkah yang akan diambil bagi memastikan Dana TBB yang diperuntukkan bagi program FIT ditadbir urus dengan betul? Kedua, apakah dengan penambahan 1 peratus ini akan menyebabkan kenaikan tarif elektrik kepada semua pengguna? Selain itu, saya juga ingin bertanya, adakah dana dalam kumpulan wang ini boleh digunakan untuk tujuan-tujuan lain selain daripada mekanisme FIT? Sekian Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Dipersilakan Yang Berhormat Dr. Syed Husin.

**5.58 ptg.**

**Dr. Syed Husin Ali:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin membincangkan akta ini atau rang undang-undang ini secara umum berdasarkan terutama sekali jadual yang terdapat pada penghujung rang undang-undang ini iaitu seksyen 2. Di situ disebutkan bahawa bagi biogas, pemasangan ataupun *installation* tenaga boleh baharu yang mempunyai kapasiti terpasang sehingga dan termasuk 4 megawatt – 32 sen; melebihi 4 megawatt sehingga dan termasuk 10 megawatt – 30 sen; dan melebihi 10 megawatt ke 30 megawatt – 28 sen. Begitu juga seterusnya bagi biojisim, 31 sen untuk bawah 10 megawatt; 29 sen antara 10 megawatt hingga 20 megawatt; dan 27 sen bagi 20 megawatt hingga 30 megawatt.

■1800

Tentang FIT ataupun tarif galakan ini jelas dalam kes biojisim dengan biogas, tetapi apa yang tidak jelas ialah *bill* ini tidak mengambil kira dalam nampaknya tentang dengan izin, *minimum efficiency level*, yang mana ia perlu untuk menentukan apakah subsidi yang boleh diperoleh oleh sesebuah *installation* itu. Negara-negara seperti Eropah, Amerika dan juga sesetengah negara membangun mempunyai pernyataan yang jelas tentang *minimum efficiency level* ini dan *minimum efficiency level* lah yang sebenarnya menentukan apakah sebenarnya FIT yang boleh diperoleh.

Jadi, saya ingin mengetahui di sini, mengapakah tidak diambil kira misalnya *efficiency level* ini, sebab saya rasa kita perlu melihat bagaimana *efficiency level* biogas dan biojisim ini untuk menentukan tarif ataupun tarif galakan yang boleh diberikan ataupun diperoleh.

Perkara yang kedua pula ialah, tentang hidro kuasa kecil, di sini disebutkan bahawa pemasangan tenaga boleh baharu yang mempunyai kapasiti 10 megawatt, 24 sen dan 10 hingga 30 megawatt untuk 23 sen. Tidak ada soal yang hendak ditimbulkan mengenai galakan FIT itu tetapi perkara yang hendak saya tanya ialah bahawa rang undang-undang ini membenarkan penjana hidroelektrik sehingga 30 megawatt mendapat FIT ini.

Adakah kerajaan bertujuan untuk memberikan subsidi kepada penjana-penjana yang besar ini? Kita ketahui bahawa pertama sekali di kebanyakan negara, mereka tidak memberikan FIT bagi syarikat-syarikat yang besar, bahkan ada negara seperti *Thailand* misalnya yang hanya membenarkan FIT bagi penjana-penjana yang kurang daripada satu megawatt. Satu lagi perkara ialah bahawa apabila kita membenarkan serta memberi tarif galakan kepada penjana-penjana yang besar ini, maka kita harus memikirkan isu-isu yang berkaitan dengan pembinaan pelan-pelan seperti itu. Isu yang penting bagi saya ialah dua perkara yang berkaitan, satu ialah pembinaan penjana-penjana yang besar itu adalah berkaitan dengan soal *environment*, soal alam sekitar. Alam sekitar ini melibatkan terutama sekali sumber-sumber asli sesebuah negara itu dan yang penting sekali adalah air, kerana air akan digunakan untuk menjana kuasa elektrik itu.

Apabila kita memperkatakan soal air, kita juga akan mendapati soal keselamatan yang terlibat di dengan soal air dan pembinaan penjana seumpama itu. Jadi, soal keselamatan ini, saya rasa menimbulkan satu aspek iaitu pertama, adakah kita hendak membenarkan penswastan sepenuhnya kepada pembinaan-pembinaan penjana kuasa seperti ini. Perkara yang ketiga Tuan Yang di-Pertua, ialah berkaitan dengan *photovoltaic*, suria dan di sini juga disenaraikan misalannya, tidak perlulah saya baca kerana ini ada di dalam halaman 9...

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak perlu, teruskan.

**Dr. Syed Husin Ali:** Jadi, perkara yang hendak saya sebutkan secara umum ialah bahawa kita mendapati semakin tinggi pengeluaran kuasanya, semakin rendah bayaran, maksud saya semakin tinggi – kita mendapati bahawa semakin tinggi, semakin rendah misalannya kadar tarif galakan, itu sepatutnyalah. Akan tetapi yang menjadi kerunsingan kepada saya ialah, ada kemungkinannya di mana pengeluar-pengeluar yang besar mendapat subsidi juga. Sepatutnya subsidi galakan ini harus diberikan dan diutamakan terutama sekali kepada yang kecil-kecil dan bukan pengeluar yang besar-besar dan ia juga harus digalakkan kepada mereka yang menggunakan *green technology*.

*Bill* ini sebenarnya telah menetapkan *annual degradation rate* dengan izin, sebanyak 80 peratus, jadi pengguna-pengguna selain daripada itu mungkin tidak mendapat faedah daripada galakan tersebut. Akhir sekali, saya ingin menyatakan tentang beberapa implikasi daripada galakan-galakan tarif ini. Pertama ialah, rang undang-undang ini tidak jelas sama ada ia memberikan galakan kepada apa yang telah wujud ataupun apa yang akan diwujudkan bagi pengeluaran tenaga itu.

Saya menimbulkan hal ini kerana terutama sekali berkaitan dengan TNB yang mempunyai 40 penjana ataupun *installation* yang mengeluarkan tiap-tiap satu sebanyak satu megawatt dan setakat ini setahu saya mereka tidak mendapatlah faedah daripada galakan tarif tadi.

Jadi, saya meminta penjelasan sama ada 40 penjana bagi TNB ini akan mendapat faedah seperti itu. Keduanya, ialah apakah akan berlaku seperti yang saya sebutkan tadi, banyak kilang *biomass* dan biogas yang tidak mencapai *minimum efficiency level*. Sekiranya mereka tidak mencapai *efficiency level* tersebut, adakah mereka akan mendapat faedah daripada galakan subsidi ini? Saya rasa itu sahaja Tuan Yang di-Pertua, terima kasih banyak.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat, saya mempersilakan Yang Berhormat Puan Hajah Noriah binti Mahat.

**6.09 ptg.**

**Puan Hajah Noriah binti Mahat:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan tahniah di atas kesungguhan dan komitmen kerajaan bagi mencapai wawasan negara maju yang lebih bersifat *environmental friendly*, dengan izin. Pelaksanaan rang undang-undang ini adalah tepat pada masanya dalam usaha kita mencapai sasaran pengurangan 40 peratus gas rumah hijau negara pada tahun 2010. Walau bagaimanapun terdapat beberapa perkara yang pada saya perlu diperjelaskan oleh kementerian bagi memastikan rang undang-undang ini dapat dilaksanakan dengan berkesan.

Pertama, dalam mencapai antara objektif rang undang-undang ini iaitu bagi memastikan kos penjanaan TBB kompetitif berbanding sumber fosil yang sedia ada, bagaimanapun rang undang-undang ini boleh memberikan satu jaminan kepada pengguna agar kadar tarif penggunaan elektrik, apabila rang undang-undang ini dilaksanakan nanti tidak membebankan pengguna.

■ 1810

Kita maklum bahawa obligasi atau tanggungjawab rang undang-undang ini sepintas lalu hanya melibatkan tiga pihak iaitu Pihak Berkuasa TBB, pihak penjana bebas TBB dan pihak-pihak pemegang lesen pengagihan. Namun begitu kita harus juga ingat rakyat harus dilindungi dan tidak akan dibebankan dengan kadar bayaran elektrik yang tinggi. Apabila rang undang-undang ini dilaksanakan terutamanya apabila mencapai tahap kesetaraan grid iaitu *grid priority*. Justeru itu apakah jaminan kerajaan atau Pihak Berkuasa TBB agar isu ini tidak menjadi kerisauan orang ramai? Atau pun akan di manipulasi oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab dengan kenaikan kadar tarif bayaran elektrik oleh pengguna?

Kedua Tuan Yang di-Pertua, bagaimanakah Pihak Berkuasa TBB dapat memastikan penduduk-penduduk di kawasan pedalaman ataupun luar bandar yang masih belum mempunyai bekalan elektrik bergrid, akan juga menikmati elektrik ini sekiranya pihak pemegang lesen pengagihan ingkar untuk menyediakan penyambungan pemasangan tenaga ke tempat-tempat ini dengan alasan kos yang tinggi. Kita maklum rang undang-undang ini telah menetapkan jumlah denda sebanyak RM1 juta di bawah seksyen 12, perkara 9 kepada sesiapa yang ingkar.

Namun jumlah ini mungkin lebih kecil berbanding dengan kos yang harus mereka tanggung sekiranya menyediakan penyambungan pemasangan tenaga ke kawasan pedalaman. Dalam perkara ini, bagaimanakah Pihak Berkuasa TBB boleh memastikan selain daripada meningkatkan pertumbuhan industri TBB pelaksanaan RUU ini juga boleh memastikan terutamanya penduduk kawasan pedalaman terutama Sabah dan Sarawak juga boleh menikmati bekalan elektrik dengan lebih sempurna?

Ketiga Tuan Yang di-Pertua, kita maklum bahawa Rang Undang-undang Tenaga Boleh Baharu ini adalah antara lain bertujuan untuk memelihara alam sekitar dan juga kaedah mitigasi fenomena pemanasan global. Dalam rang undang-undang ini empat teknologi TBB telah ditetapkan iaitu biogas, biomass, sisa pepejal, hidro kuasa kecil dan photovolta suria (*photovoltaics*). Saya ingin menyentuh mengenai TBB biomass saya fikir dengan jumlah penjanaan sisa pepejal negara yang tinggi dan kekurangan tapak pelupusan sampah. Teknologi TBB ini adalah jalan penyelesaian terbaik tepat pada masanya.

Walau bagaimanapun, untuk melaksanakan jana kuasa TBB berasaskan sisa pepejal ini amatlah tinggi dan penghasilan tenaganya pada permulaan adalah agak kecil. Keadaan ini memberi satu bebanan kewangan kepada pihak yang ingin membangunkannya pada peringkat awal dan juga untuk mengekalkannya tetapi dalam jangka panjang boleh menjamin kesejahteraan alam sekitar.

Justeru itu saya ingin mencadangkan agar Pihak Berkuasa TBB mempunyai satu jawatankuasa pemudah cara, bagi membantu pihak pemaju TBB untuk mendapatkan pinjaman daripada pihak bank. Kita maklum kerajaan telah memperuntukkan peruntukan khusus bagi memajukan industri TBB ini. Namun begitu di pihak bank ianya amatlah tidak mesra kepada industri ini. Satu lagi mungkin pihak TBB boleh menilai semula supaya wang daripada dana RE mungkin boleh digunakan bagi *soft loan* bagi penjana TBB yang memerlukan bantuan modal bagi tujuan *maintenance*.

Keempat, saya juga mohon penjelasan daripada kerajaan, apakah bentuk kerjasama Pihak Berkuasa TBB dengan pihak kerajaan tempatan iaitu badan pelaksana Rang Undang-undang Sisa Pepejal Negara, dalam membantu memudahkan pelaksanaan Rang Undang-undang Tenaga Boleh Baharu ini, terutama yang melibatkan proses *segregation*, pengagihan sisa pepejal dipunca.

Kelima, saya juga mohon penjelasan mengapa tenaga nuklear tidak dimasukkan sebagai salah satu sumber tenaga boleh baharu, sedangkan kita maklum pada masa sekarang ini isu pembangunan tenaga nuklear telah diberi penekanan khusus oleh kerajaan, dengan melibatkan peruntukan khusus untuk program pengkajian kesesuaian tenaga ini. Kerajaan telah jua mengumumkan dua loji tenaga nuklear telah dirancang untuk dibina di negara ini. Saya mohon mengapakah tenaga nuklear mendapat peruntukan pembangunan dan penyelidikan, R&D yang tinggi, sedangkan ianya tidak pun dimasukkan sebagai punca tenaga boleh baru dalam rang undang-undang ini. Tuan Yang di-Pertua dengan ini saya mohon menyokong. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya persilakan Datuk Akbar bin Ali.

**6.15 ptg.**

**Datuk Akbar bin Ali:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Berkenaan dengan rang undang-undang ini saya ingin memang menyanjung tinggi prakarsa kerajaan dalam menangani – sebenarnya kerajaan cuba menangani empat cabaran besar dunia dan tiga cabaran yang berkaitan dengannya, empat campur tiga. Apa yang saya katakan empat cabaran global yang besar itu, satu ialah masalah kekurangan tenaga, kedua air bersih, ketiga makanan, keempat pemanasan dunia. Tiga yang saya kata empat campur tiga, yang tiga itu ialah kemiskinan, kadar pengangguran yang tinggi dan juga inflasi. Kita menyentuh hari ini ialah berkenaan dengan tenaga yang dia berkait rapat juga misalnya makanan dan juga kemiskinan.

Saya cukup insaf bahawa kerajaan memandang ke depan dari segi hendak menangani kekangan kekurangan tenaga, kerana permintaan tenaga akan meningkat disebabkan oleh dua sebab utama. Pertama sekali ialah melihat secara global kerana bilangan penduduk dunia akan meningkat dan terus meningkat. Kebimbangan Malthus akan sentiasa menghantui kita. Pada tahun 2010 penduduk dunia dianggarkan seramai 6.5 bilion dan pada tahun 2030 akan meningkat kepada lapan bilion. Penduduk negara kita pada masa ini sekitar kira-kira 28 juta akan meningkat kepada kira-kira 35 juta. Ini sudah tentu menimbulkan tekanan terhadap permintaan tenaga.

Kedua ialah aktiviti ekonomi akan terus meningkat, terus dirangsang, dipacu demi untuk kesejahteraan rakyat. Jadi dari segi ini dianggarkan 35 peratus tenaga akan meningkat menjelang tahun 2030 berasaskan kedudukan pada tahun 2005. Itu peningkatan seluruh dunia. Peningkatan di Asia Pasifik dianggarkan pada tempoh yang sama kira-kira 70 peratus. Jadi kebergantungan kepada apa yang dipanggil *fossil oil* sekarang sudah tentu tidak dapat *sustain* dengan izin, permintaan yang terus meningkat itu. Ini kerana sumber asal ini akan terus apa yang dipanggil *depleted* akan habis. Oleh yang demikian kita kena mencari sumber baru dan sumber baru itu dipanggil RE.

Cuma saya agak pelik dari segi bahasa tenaga boleh baharu, kenapa tidak kata tenaga boleh diperbaharui, macam kita hendak baharui kad pengenalan, baharui *passport* tetapi ini boleh baharu sahaja. Mungkin boleh diterangkan dari segi semantik nahunya. Berbalik kepada keperluan ini saya ingin bertanya berdasarkan apa yang ada pada kementerian, apakah potensi hari ini, pada masa sekarang dan juga pada menjelang 2030? Ini kerana kita hendak tahu bila kita sokong bahawa potensinya agak besar yang boleh menampung secara signifikan keperluan kita pada kurang-kurang 2030 kerana peningkatan penduduk dan peningkatan aktiviti ekonomi. Itu saya ingin tahu sebab dengan itu maka saya akan lebih jelas lagi kenapa sokongan ini wajar diberikan kepada rang undang-undang ini?

■1820

Saya juga ingin menarik perhatian bahawa yang diberi tekanan atau liputan di bawah RUU ini ialah empat iaitu biogas, biomas, hidro dan juga tenaga solar.

Saya gembira kerana ia tidak meliputi di sini nuklear yang memang kita bimbang kerana malapetaka yang baru berlaku di Jepun. Saya juga faham kenapa kita tidak memberi perhatian kepada tenaga angin di negara kita kerana kita tidak mempunyai kekuatan tenaga angin yang cukup untuk menjana hari ini kerana *the wind speed is below the required threshold* kerana di bawah daripada 5 *second per kilometer*.

Cuma saya difahamkan ada dua-tiga tempat sahaja di Malaysia yang mempunyai kekuatan tenaga angin yang diperlukan. Salah satunya di Mersing dan satu lagi saya difahamkan di Kudat. Saya juga faham kenapa *biofuel* tidak diliputi oleh RUU ini kerana saya sendiri tidak bersetuju kita mengutamakan tenaga berbanding dengan *human consumption*, dengan izin, dan kadang-kadang menjana *biofuel* ini kosnya lebih tinggi seperti Amerika cuba menjana tenaga daripada jagung.

Akan tetapi saya kurang faham dan saya mohon penjelasan, mengapa kita tidak memberi perhatian kepada hidrogen kerana saya fikir hidrogen juga boleh menjadi sumber tenaga seperti yang terdapat di Russia. Saya juga hairan kenapa kita memberi perhatian yang agak lebih kepada solar kerana solar juga *is not a clean energy*, dengan izin, dan ia juga tidak begitu murah. Sebagai contoh, saya pernah cakap awal tadi di Jerman subsidiya pun kira-kira 34 bilion Euro. Berkaitan dengan subsidi itu, saya ingin tanyalah agak-agak berapakah nilai subsidi akan ditanggung oleh kerajaan dengan menjana hari ini kerana antara lain cuba mengelak mengurangkan subsidi terhadap bahan tenaga pada masa ini.

Soalan saya yang seterusnya ialah melihat keperluan RUU ini dan saya bukan melihat kepada akta atau RE ini kerana saya yakin ianya memang sesuai untuk diluluskan oleh Dewan ini. Cuma dari segi pelaksanaannya nanti, saya hendak tanya, pihak mana yang akan menentukan sekurang-kurangnya tiga perkara dalam menjana RE ini:

- (i) *availability*;
- (ii) *affordability*; dan
- (iii) *cost efficiency*.

Kita tidak mahu nanti akhirnya, antara lain, ia terus dibebankan kepada rakyat dan kepada kerajaan dan juga ia tidak dapat dinikmati oleh rakyat teramai.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya juga kerana kita kena melihat lebih holistik lagi. Bukan sahaja menumpukan kepada penjanaannya tetapi yang lebih penting juga mahu melihat *connectivity* kerana *connectivity* yang akan memberikan nilai tambah kepada penjana hari ini. Maksud saya, sebagai contoh bagaimana kita hendak melihat *connectivity* antara *waste* yang banyak ini, sampah yang banyak....

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, contoh-contoh itu kurangkan sedikit dan *you go to the main point, so that you can .....*

**Datuk Akbar bin Ali:** Siapa yang akan melihat *connectivity* antara *waste* tadi yang boleh dijana dengan *transportation industry*, sebagai contoh. Seterusnya, saya ingin bertanya dalam menjana RE ini bagaimanakah *output mix* nya nanti pada tahun 2030 supaya kita dapat melihat perkembangannya dan kemajuannya.

Bagaimana kedudukan *demand and supply* pada tahun 2030 kerana ia akan memberi keyakinan kepada kita bahawa sesungguhnya Kerajaan Malaysia yang bersifat *futuristic* dapat menangani keperluan *energy* pada masa itu. Sekian terima kasih. Saya menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat dan kita ada dua orang sahaja lagi dan selepas itu kita minta menteri jawab. Silakan Datuk Hajah Fatimah.

**6.25 ptg.**

**Datuk Hajah Fatimah binti Hamat:** *Bismillahir Rahmaanir Rahiim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana diberi kesempatan untuk membahaskan Rang Undang-undang Tenaga Boleh Baharu 2010. Tahniah kepada kerajaan yang memperkenalkan Rang Undang-undang Tenaga Boleh Baharu 2010 ini yang telah dibentangkan untuk kali pertama pada 15 Disember 2010 yang lalu.

Rang undang-undang ini adalah penting dan amat tepat masanya memandangkan Model Ekonomi Baru telah mengenal pasti sektor teknologi hijau sebagai satu daripada sumber baru pertumbuhan ekonomi. Rang Undang-undang Tenaga Boleh Baharu 2010 yang bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi mewujudkan dan melaksanakan suatu mekanisme sistem tarif pembayaran khas atau sistem tarif galakan atau *Feed-in Tariff (FIT)*, dengan izin...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, itu semua orang sudah tahu. *You go direct* apa Yang Berhormat fikir, Yang Berhormat mahu sumbangkan kepada Dewan.

**Datuk Hajah Fatimah binti Hamat:** Bagi membenarkan elektrik dijana daripada sumber tenaga baru oleh pemegang kelulusan galakan penjana bebas, dijual kepada pemegang lesen pengagihan atau syarikat utiliti bekalan elektrik. Matlamatnya adalah untuk membolehkan penjanaan tenaga boleh baharu. Sistem tarif galakan ini telah berjaya dilaksanakan di beberapa negara, contohnya di Jerman, United Kingdom, Amerika dan 17 buah negara Eropah termasuklah China, Korea Selatan dan Thailand.

Impak ataupun *spin-of effect*, dengan izin, daripada pelaksanaan sistem tarif galakan termasuklah mewujudkan lebih banyak pekerjaan yang berkaitan dengan tenaga boleh baharu, bekalan tenaga elektrik domestik yang lebih terjamin dan tidak bergantung kepada naik turun harga bahan api seperti arang batu yang perlu diimport daripada luar negara. Mewujudkan teknologi penjanaan tenaga yang ada daya saing, pecah monopoli, cekap dan memberi faedah kepada pengguna dengan menjamin harga berpatutan.

Pengenalan FIT di Malaysia apabila dilaksanakan negara kelak dijangka memerlukan teknologi dan kepakaran Kesatuan Eropah (EU) untuk memodenkan serta mengembangkan sektor tenaga diperbaharui terutama bioenzim, biomas, biogas, hidro kuasa kecil dan *photovoltaic* suria. Dalam hubungan ini, EU akan mendapat peluang yang luas untuk pelaburan dan juga untuk mengenalkan teknologi serta kepakaran pengurusan dan teknikal. Kerjasama dengan EU adalah penting dan merupakan rakan dagangan kedua terbesar bagi EU dan merupakan sumber terbesar pelaburan langsung asing bagi Malaysia. Sehubungan itu, saya ingin mendapatkan penjelasan kerajaan, apakah langkah kerajaan bagi meningkatkan kecekapan sektor biomas dan mengembangkan penggunaan *photovoltaic* oleh rakyat di negara ini?

Apakah pelan strategik kerajaan bagi menyusun semula sektor bekalan elektrik, apakah langkah kerajaan bagi meliberalisasikan sektor penjanaan dan pengedaran tenaga seperti grid bestari, meta bestari dan pelbagai elemen berkaitan?

Selain itu, Kerajaan Jepun juga dikatakan berminat untuk membangunkan komuniti pintar di negara ini yang akan menggunakan sistem penjanaan tenaga baharu dan menggabungkan tenaga diperbaharu ini serta tenaga yang tidak digunakan. Saya ingin mendapatkan penjelasan kerajaan, sejauh manakah kemajuan cadangan Jepun memilih bandar di Malaysia seperti Putrajaya, Cyberjaya sebagai model membangunkan komuniti pintar berteraskan teknologi hijau dan mempromosikan komuniti pintar iaitu selari dengan kemajuan global.

■1830

Tuan Yang di-Pertua, sehubungan dengan rang undang-undang yang dibentangkan ini saya ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini berhubung dengan perkara 32 iaitu sistem tarif galakan hendaklah ditadbirkan dan dilaksanakan oleh pihak berkuasa mengikut peruntukan akta ini.

Pihak berkuasa mengikut perkara 2 dalam rang undang-undang ini yang ertinya Pihak Berkuasa Pembangunan Tenaga Lestari Malaysia sebagaimana Pihak Berkuasa Pembangunan Tenaga Lestari Malaysia masih belum ditubuhkan dan Rang Undang-undang Pihak Berkuasa Pembangunan Tenaga Lestari 2010 DR43/2010 hanya akan dibentangkan kemudian. Sepatutnya Rang Undang-undang Pihak Berkuasa Pembangunan Tenaga Lestari 2010 ini dibentangkan terlebih dahulu sebelum Rang Undang-Undang Tenaga Boleh Baharu dibentangkan.

Saya ingin memuji rang undang-undang ini yang memberi peruntukan kepada pihak berkuasa untuk mengemukakan syarat tambahan iaitu mengubah dan membatalkan apa-apa syarat bila-bila masa. Dalam masa yang sama, pemegang kelulusan galakan boleh membuat penghujahan bertulis sekiranya syarat tambahan dikenakan.

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang ini juga memberikan peruntukan kepada pemegang lesen pengagihan untuk membuat perjanjian pembelian kuasa tenaga boleh baharu dengan pemegang kelulusan galakan.

Saya ingin mencadangkan agar kerajaan mengkaji semula jumlah denda yang dikenakan kepada pemegang lesen pengagihan yang tidak membuat perjanjian pembelian kuasa tenaga dalam satu tempoh yang ditentukan dan adalah tidak melebihi RM1 juta. Begitu pun, denda kepada seseorang pemegang lesen pengagihan yang tidak menyediakan penyambungan boleh didenda tidak melebihi RM1 juta. Saya ingin mendapatkan penjelasan kerajaan implikasi denda yang begitu tinggi ini.

Tuan Yang di-Pertua, di Malaysia tenaga yang dijana daripada sumber tenaga boleh baharu hanya merangkumi 1 peratus daripada jumlah penjanaan bekalan elektrik dan ia dijangka akan meningkat kepada 5.5 peratus atau 985 megawatt pada tahun 2015.

Dalam pada itu 95 peratus daripada penjanaan tenaga di Semenanjung Malaysia adalah dikuasai oleh bahan api fosil iaitu gas asli dan arang batu manakala hidroelektrik membekalkan 6.5 peratus daripada penjanaan kuasa.

Sebagaimana maklum, keluaran gas asli telah berkurangan dan dijangka hanya cukup menampung keperluan selama 33 tahun. Manakala arang batu perlu diimport dan harganya bergantung kepada harga pasaran dunia. Oleh itu, pembentangan Rang Undang-undang Tenaga Boleh Baharu ini amat wajar dan langkah bijak kerajaan yang prihatin kepada rakyat dan rakyat diutamakan. Sekian terima kasih, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat Puan Hajah Mumtaz.

**6.33 ptg.**

**Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawis:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana membenarkan saya untuk sama membahaskan Rang Undang-undang Pihak Berkuasa Pembangunan Tenaga Lestari 2010. Saya ingin bertanya kepada pihak kerajaan beberapa perkara.

Pertamanya, bilamana kita memperkenalkan tenaga boleh baharu dan kita sebut pula sekarang ini kita akan luluskan. Satu lagi Pihak Berkuasa Pembangunan Tenaga Lestari, apakah *target* sebenarnya pihak kerajaan dari segi pembekalan tenaga boleh baharu ini. Adakah untuk kegunaan dalam negeri ataupun kita memang bercadang untuk satu masa nanti mengeksport tenaga-tenaga ini keluar daripada negara sebagaimana kita bekalkan air kepada Singapura. Sekiranya ada hasrat sedemikian, bagaimanakah perancangan yang dibuat oleh pihak kerajaan untuk menjana kuasa yang kita sebutkan tadi.

Keduanya berkaitan dengan infrastruktur untuk menjana tenaga boleh baharu. Setakat ini apakah insentif yang disediakan oleh pihak kerajaan khususnya untuk menggalakkan syarikat-syarikat besar, syarikat-syarikat kecil dan individu bagi menjadi penjana kepada tenaga boleh baharu ini agar ia menjadi satu budaya baru dalam negara kita di mana orang menggunakan tenaga boleh baharu dan tidak lagi bergantung sepenuhnya kepada tenaga fosil.

Seterusnya berkaitan dengan kepakaran. Apabila disebut satu perbadanan ataupun pihak berkuasa pembangunan tenaga lestari ini, bagaimanakah kita menggabungkan kepakaran untuk menjadi tenaga yang sebenarnya akan menggerakkan perbadanan ini. Jadi setakat ini kita menghadapi masalah dari segi Talent Corporation yang kita hendak panggil pakar-pakar balik. Setakat ini kita rasa pakar ramai untuk tenaga boleh baharu ini mungkin ramai di universiti dan ramai di luar negara. Jadi adakah usaha-usaha yang dibuat oleh pihak kerajaan bagi memastikan kita mempunyai tenaga pakar yang cukup dalam kita menjadikan tenaga boleh baharu ini satu kenyataan. Sebagaimana hari ini kita difahamkan bahawa *Feed-in Tariff* telah pun diamalkan di 63 buah negara dan kebanyakan negara ini telah pun menunjukkan pembaharuan dan kemajuan yang begitu baik.

Begitu juga dengan prosedur. Apa pun yang kita buat di dalam Malaysia, antara masalah yang kita lalui ialah kerana banyak birokrasi yang terpaksa dilalui oleh mana-mana syarikat untuk mereka maju ke hadapan. Dalam kes *Feed-in Tariff* ini untuk pembangunan lestari ini, adakah pihak kerajaan boleh menjamin kepada kita satu piagam yang akan menjadi satu benda yang mudah untuk memastikan prosedur untuk mengkomersialkan dari segi tenaga boleh baharu ini agar pihak perseorangan ataupun pihak syarikat berminat untuk terlibat dalam membekalkan ataupun menjana tenaga boleh baharu. Di bawah seksyen 13 disebut bahawa jawatankuasa boleh meletakkan jawatan dengan memberi notis kepada pihak berkuasa.

Saya hendak tanya di sini, bila disebut memberi notis secara bertulis kepada pengerusi ini, berapa lamakah masa yang diperlukan untuk memberi notis sebagai peletakan jawatan. Ini kerana kita bimbang kalau jawatankuasa ini adalah orang yang benar-benar pakar dan mereka meletakkan jawatan serentak atau mereka memberikan notis yang begitu singkat tanpa kita perincikan dalam akta seperti ini, adakah ia akan memberikan *effect* kepada pembangunan tenaga lestari di dalam negara kita.

Begitu juga saya ingin tahu tentang dari segi keutamaan dalam kita hendak menjanakan tenaga boleh baharu. Dari segi rankingnya antara hidro, antara angin, jadi apakah keutamaan yang akan dibuat oleh pihak kerajaan dalam kita menyasarkan pembangunan tenaga boleh baharu ini supaya benar-benar bila kita sebut tentang tenaga lestari ini benar-benar memberikan satu sumbangan tenaga baharu ataupun sebagai penyelesaian kepada masalah tenaga dalam negara kita.

Begitu juga dengan definisi di bawah seksyen 3 tentang tenaga lestari. Apabila kita lihat kepada definisi tenaga lestari ini, saya rasa ia bagi kita amat umum dan kita tidak faham sebenarnya dari sudut ayat bagaimana tenaga lestari ini merupakan satu perkara yang mesti kita jamin dapat buat. Ini sebab kalau ikut definisi di sini, ertinya tenaga yang dalam penjanaan, pembakaran dan penggunaannya adalah sedemikian rupa supaya dapat memenuhi keperluan masa kini tanpa menjejaskan keupayaan generasi akan datang untuk memenuhi keperluan mereka dan termasuklah tenaga boleh baharu. Jadi saya hendak bertanya di sini, dari segi maksud bila disebut tenaga lestari ini, adakah ia bukan hanya tenaga boleh baharu tetapi tenaga boleh baharu campur tenaga lama yang boleh membekalkan tenaga kepada keseluruhan industri, keseluruhan kepenggunaan domestik dan juga komersial bagi penduduk Malaysia. Jadi bagaimana kita hendak terjemahkan perkataan 'lestari' ini dari sudut bekalan tenaga kepada negara kita.

Berkaitan dengan pusat Tenaga Boleh Baharu (TBB) yang dirancang untuk dibangunkan. Adakah hari ini apabila kita sebut tentang hidro elektrik umpamanya. Di kebanyakan negeri di Malaysia kita mempunyai empangan-empangan. Jadi adakah bila kita luluskan TBB, luluskan rang undang-undang selepas hari ini, pihak berkuasa tempatan di negeri akan terpaksa membuat enakmen-enakmen bagi menyambut ataupun meneruskan usaha-usaha di pihak syarikat negeri untuk meneruskan tenaga boleh baharu di peringkat hidro elektrik di semua empangan yang ada di dalam negara kita supaya ia dapat diselaraskan dari sudut penjanaan kuasa kepada rakyat.

Kemudiannya, setakat ini kalau kita kata kita hendak tubuhkan pembangunan tenaga lestari. Kalau tenaga ini tidak dapat kita lestarikan, apa *effect* sebenarnya kepada negara kita dan adakah ini bererti kalau kita gagal untuk pastikan rakyat kita, pastikan syarikat kita, pastikan TNB boleh janakuasakan tenaga yang berpatutan apakah kita punya *second alternative* kalau perkara ini tidak kita buat, mungkin tidak dapat sambutan ataupun mungkin harganya mahal. Jaminan kerajaan agar gred atau harga premium yang digunakan ini sebagaimana jaminan masa-masa taklimat hari itu bahawa harga akan makin turun. Adakah dengan kenaikan semua perkara sebagaimana hari ini, kerajaan masih belum menjamin bahawa premium ataupun harga yang dikenakan ataupun yang dipakai ini akan dapat disahkan akan makin menurun daripada hari ke hari.

Saya juga ingin bertanya di samping SEDA ini, apakah agensi-agensi lain yang akan membantu pihak kementerian khususnya dalam menjayakan pembangunan tenaga lestari dalam negara kita supaya ia dapat membantu TBB pada masa akan datang. Di bawah seksyen 35, menyebut bahawa perbadanan ini boleh membayar atau menerima dengan kelulusan Menteri jumlah sebanyak RM10 juta.

■1840

Saya hendak tanya di sini, dalam konteks manakah kita akan bayar dan dalam konteks manakah perbadanan ini akan terima RM10 juta dan kenapa had RM10 juta itu disebut supaya ini akan memberi satu rasional kepada kita, kenapa kita limit RM10 juta kenapa tidak kata RM1 juta. Sebab RM10 juta ini dari segi *tendency* untuk berlaku ketirisan kebocorannya amat besar, jadi saya pohon untuk mendapatkan satu rasional kepada perkataan, "sepuluh juta ringgit" dan pada perkataan menerima RM10 juta ini. Dari sudut had minimum, sekiranya kita benarkan individu ataupun syarikat kecil ataupun syarikat besar, berapakah kadar had minimum yang dikehendaki oleh mereka untuk mengeluarkan. Barulah mereka ini layak untuk dipanggil sebagai penjana kepada TBB. Adakah ia mesti keluarkan paling kurang 5 megawatt ataupun berapa lagi had dikenakan kepada pihak penjana terutamanya sektor-sektor untuk individu.

Kita difahamkan juga apabila mereka mengeluarkan tenaga ini, mereka perlu sains kontrak. Jadi *short term contract*, ada yang kata *long term contract*. Dalam *long term contract* ini di negara-negara lain mereka hadkan 25 tahun. So dalam konteks negara kita, apakah kita akan membenarkan untuk membuat satu *short term contract* atau *long term contract* dan dalam cadangan pihak kerajaan, hari ini berapakah jangkaan yang diambil ataupun dibuat untuk menentukan satu sasaran tempoh masa, penjana ini mesti mengeluarkan tenaga-tenaga boleh diperbaharui seperti yang dipersetujui dan dari sudut *green certificate* apabila kita bercakap pasal TBB ini, ialah satu benda yang melibatkan tenaga hijau. Tenaga hijau ini pihak manakah yang akan menjadi satu pihak yang memantau tentang kualiti, mutu dan memastikan bahawa tidak ada tenaga TBB ini yang akan terbocor dicuri, dialihkan dengan cara yang tidak sah. Sekian terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah.

**6.42 ptg.**

**Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mengalu-alukan Rang Undang-undang Tenaga Boleh Baharu 2010 yang telah disebut-sebutkan oleh kerajaan sejak RMKe-8. Saya minta kerajaan dapat mengkaji semula sasaran negara sebanyak 2000 megawatt pada tahun 2020 tersebut dan meletakkan sasaran yang lebih tinggi bagi menunjukkan kepada dunia bahawa Malaysia memang serius dari pembangunan teknologi hijau khususnya sasaran janaan tenaga solar pada tahun 2020. Kita perlu lebih agresif dalam aspek ini memandangkan Malaysia kini merupakan negara pengeluar teknologi solar yang ketiga terbesar di dunia.

Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan supaya kementerian mewujudkan loji-loji yang berpotensi kilang kelapa sawit loji *co-generation industry*, kilang padi, industri kayu, kilang gula, hidro kecil dan loji tenaga suria masa hadapan yang dikenal pasti untuk dibangunkan di bawah pelbagai teknologi menggunakan Skim Takrif Galakan atau FIT Rang Undang-undang Tenaga Boleh Baharu. Pelan Induk, pembangunan *grid*, dengan laluan *grid* ditunjukkan untuk menuai tenaga dari penjanaan yang disebarkan juga harus didedahkan bagi perundingan awam. Dengan maklumat dari perundingan masyarakat akan merasa galakan untuk menghargai apa yang mereka akan bayar serta sepenuh hati dengan pengenalan tenaga boleh baharu.

Tuan Yang di-Pertua, akses *grid* tenaga harus dibuat bagi memudahkan untuk digunakan kepada sumber-sumber tenaga boleh baharu yang dikenal pasti dan terma syarat bekalan harus munasabah untuk industri proses. Salah satu cara untuk menyelesaikan masalah ini adalah memperkenalkan konsep kewajipan boleh dibaharui yang sangat popular di UK, di mana kewajipan dikenakan ke atas pemegang lesen pengedaran bagi sumber tertentu dan kadar kenaikan jualan tahunan tenaga elektrik mereka dari sumber-sumber yang boleh dibaharui atau membayar penalti. Dalam hal ini pemegang lesen pengedaran akan dimotivasikan untuk meneruskan sebagai pembekal tenaga boleh baharu dengan syarat-syarat bekalan yang harus dipatuhi.

Tuan Yang di-Pertua, kecekapan operasi bagi pelbagai teknologi tenaga boleh baharu harus menjadi *subject* penting yang terkandung dalam Akta Tenaga Boleh Baharu. Akta tersebut akan mendapat kesan yang mustahil dan oleh kerana itu penyertaan awam penting bagi merasai pemilikan dan kejayaan. Mana-mana teknologi yang tidak menunjukkan persamaan *grid* dalam tempoh tujuh hingga sepuluh tahun seharusnya tidak harus dibenarkan subsidi awam. Oleh kerana itu peraturan seharusnya tidak dibenarkan untuk masuk ke dalam operasi. Ini menunjukkan kepada objektif tarif galakan FIT untuk teknologi, memulakan teknologi bagi tujuan kemahiran dan pembelajaran sehingga kos turun ke tahap munasabah. Jika perlu dana khas boleh diperuntukkan oleh kerajaan untuk tujuan kemahiran dan pembelajaran.

Pembangunan *grid* tenaga untuk menuai tenaga boleh baharu dengan cara penjanaan diedarkan di dalam negara disebabkan *trend* masa hadapan harus diambil sebagai langkah berasingan oleh kerajaan. Bukan melalui Skim Subsidi Takrif Galakan atau FIT.

Sebaliknya ini boleh berakhir sebagai pembangunan *grid* tenaga tidak sistematik tanpa skim yang diselaraskan. Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha mempergunakan FIT yang penting ialah perkembangan R&D yang berterusan dan kebolehan dan kemahiran untuk *implement* FIT dalam *daily use*. Itu sangat penting. Saya ingat itulah *key to the successful implementation of RE by 2020*.

Satu lagi perkara yang saya ingin sebut ialah tentang SEDA (*Sustainable Energy Development Authority*). Di mana 1 peratus akan dikenakan ke atas semua bil elektrik sebagai satu takrif untuk SEDA. Saya khuatir bahawa ini akan memberi kesan impak dan negatif daripada pengguna-pengguna elektrik yang akan membayar 1 peratus ini. Apakah kebaikan yang kita boleh perolehi dan adakah ini munasabah untuk mengenakan kadar ini sedangkan gas subsidi diberikan kepada IPP yang dapat mengaut keuntungan besar. Mengapa 1 peratus takrif itu harus dikenakan kepada pengguna-pengguna elektrik. Tidakkah pihak Kerajaan Persekutuan menimbang mendapat sumbangan daripada potongan subsidi kepada IPP. Saya rasa dengan gas subsidi ini mereka memang mampu untuk membayarnya.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai kemajuan mini hidro di Sarawak, kenapa ini tidak dilaksanakan secara meluas dalam SCORE di Sarawak. Sarawak ada kawasan lapang besar, matahari, sungai, hutan dan sebagainya tetapi projek ini tidak dijalankan dengan lancar. Kerajaan membelanjakan lebih kurang RM12 bilion untuk membina Empangan Bakun dan memindahkan orang yang bergantung kepada hutan ke kawasan yang tidak ada hutan.

Akhirnya Tuan Yang di-Pertua, apakah takrifan tenaga nuklear, adakah ia dianggap sebagai satu sumber tenaga boleh baharu? Di sebelah kita memajukan tenaga boleh baharu dan sebelah lain pula kita juga menubuhkan loji nuklear, adakah ini berpatutan? Memandangkan kita juga ada empangan Bakun untuk menjana kuasa elektrik. Sekian, terima kasih.

■1850

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Minta Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

**6.50 ptg.**

**Timbalan Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air [Puan Noriah binti Kasnon]:** Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali izinkan saya mengucapkan jutaan terima kasih kepada tujuh Ahli Yang Berhormat Senator yang telah mengambil bahagian dan secara keseluruhannya telah menyokong dalam perbahasan Rang Undang-undang Tenaga Boleh Baharu ini atau TBB. Saya kira keprihatinan semua Ahli Yang Berhormat Senator dalam isu TBB ini jelas menunjukkan bahawa pelaksanaan Rang Undang-undang Tenaga Boleh Baharu ini memang sudah tiba pada masanya dan merupakan satu perkara yang sangat penting untuk pembangunan tenaga di negara kita khususnya dalam mengurangkan kebergantungan negara kepada sumber tenaga bahan api fosil yang konvensional, yang bukan sahaja banyak mengeluarkan gas rumah hijau tetapi juga pada masa akan datang kita akan mengalami penyusutan sumber-sumber tersebut dan kelak akan menjejaskan sekuriti atau pun jaminan keselamatan tenaga itu sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, mungkin saya tidak dapat menjawab secara tersusun mengikut aturan Ahli-ahli Yang Berhormat yang berbahas sebentar tadi, tetapi *insya-Allah* saya akan menjawab apa yang boleh dan apa yang saya sempat catatkan, sempat saya ingatkan. Kadang-kadang perbahasan terlalu laju Tuan Yang di-Pertua.

Pertama sekali adalah tentang isu yang disebutkan, ditimbulkan dan dibahaskan oleh Yang Berhormat Senator Puan Hajah Mariany binti Mohammad Yit yang telah membangkitkan mengenai sumber dana TBB yang dikutip daripada tarif elektrik sebanyak 1 peratus yang juga disentuh oleh Yang Berhormat Senator Dr. Ramakrishnan sebentar tadi untuk pelaksanaan sistem *Feed-in Tariff* ini ataupun tarif galakan ini.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, selain daripada kerangka perundangan yang berkesan, pelaksanaan sistem *Feed-in Tariff* ini perlu disokong oleh sebuah dana khas tenaga boleh baharu ataupun Dana TBB yang saya sebutkan semasa pembentangan awal tadi ya, untuk menampung kos tambahan bagi kadar tarif premium yang ditawarkan di bawah sistem ini. Kerajaan melalui kementerian telah mengkaji pelbagai opsyen untuk Dana TBB ini dan kesimpulannya adalah dicadangkan, telah diputuskan, dibincangkan secara terbaik bahawa sumber bagi dana ini dikutip daripada sebahagian kecil tarif elektrik yang dikenakan oleh syarikat utiliti ke atas *end users* ataupun ke atas pengguna-pengguna elektrik di negara kita ini. Walau bagaimanapun, terpenting saya kira adalah keprihatinan kerajaan bahawa kita tidak akan mengumumkan kutipan 1 peratus ini ke atas pengguna elektrik yang kurang daripada 200 kilowatt jam. Mereka yakni kumpulan ini yang saya kira sebanyak lebih kurang 56 peratus ini akan dikecualikan daripada kutipan ini.

Oleh yang demikian, memang kita jangka akan berlaku sedikit peningkatan kecil dalam tarif elektrik pada masa hadapan iaitu sebanyak 1 peratus daripada jumlah keseluruhan yang dibayar oleh pengguna untuk menubuhkan Dana TBB ini. Saya kira ini adalah kaedah yang paling berkesan seperti yang dilaksanakan di banyak negara di dunia ini kerana pihak kerajaan tidak perlu menyediakan bajet tahunan dan juga tidak perlu bergantung atau mengambil sumber daripada pembayar cukai.

Tuan Yang di-Pertua, fasal 23 Rang undang-undang TBB ini telah memperuntukkan bahawa Dana TBB ini akan ditadbir urus dan juga dikawal selia oleh Pihak Berkuasa Pembangunan Tenaga Lestari (SEDA). Tadi juga disebut oleh Yang Berhormat Senator Puan Hajah Mumtaz tidak salah saya, ataupun Yang Berhormat Senator Puan Hajah Fatimah, tentang perwujudan SEDA ini dan langkah-langkah lain termasuk ketelusan dalam mendedahkan dan juga mengumumkan laporan kewangan ke atas perbelanjaan, pembayaran dari Dana TBB kepada penerima-penerima tarif galakan ini, yuran-yuran pentadbiran kepada utiliti dan juga Pihak Berkuasa Tenaga Lestari. Kita tidak perlu kluatir tentang salah laku atau salah tadbir urus ini kerana laporan berkala, pemantauan sentiasa dibuat termasuklah laporan akaun pihak berkuasa yang akan dibentangkan kepada kedua-dua Majlis Parlimen dan juga tertakluk kepada Audit kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam Rang Undang-undang TBB ini juga dalam fasal 25 memperuntukkan juga bahawa Dana TBB ini hanya boleh digunakan untuk tujuan bagi melaksanakan mekanisme tarif galakan dan juga bagi fi pentadbiran kepada pemegang lesen pengagihan. Pihak Berkuasa Tenaga Lestari dalam melaksanakan mekanisme tarif galakan ini sebagaimana yang diminta penjelasan oleh Yang Berhormat Senator Hajah Mariany sebentar tadi, ianya tidak boleh digunakan untuk tujuan-tujuan lain selain daripada yang dinyatakan yang termaktub di bawah peruntukan akta atau Rang Undang-undang TBB ini.

Mengenai isu yang telah disentuh oleh seorang Ahli Yang Berhormat berkaitan dengan subsidi gas serta perkara-perkara berkaitan dengan IPP, untuk makluman Ahli Yang Berhormat – saya kira Yang Berhormat Dr. Syed Husin juga turut menyentuh tentang kadar *degression*. Saya sentuh dahulu tentang kadar *degression* ataupun pengurangan untuk setiap sumber yang disebutkan di dalam Jadual 2 di dalam Rang Undang-undang TBB ini.

Yang Berhormat Senator telah menyatakan kadar *degression* untuk fotovolta suria misalnya pada 80 peratus. Sebenarnya bukan 80 peratus, angka sebenarnya ialah 8 peratus setahun. Yang Berhormat juga telah menyatakan bahawa kadar tarif galakan bagi fotovolta suria semakin mengecil dengan pertambahan kapasiti. Ini adalah kerana penjana besar pastinya berupaya untuk mendapatkan *economies of scale* dengan izin, dan oleh itu saya kira kadar tarif galakan untuk sistem yang berkapasiti tinggi lebih rendah daripada penjana-penjana dalam jumlah yang kecil. Begitu juga dengan sumber-sumber TBB yang lain yang tidak disenaraikan dalam jadual Rang Undang-undang TBB ini sebab ada cuma dalam empat ataupun lima sumber sahaja tidak salah saya sebagaimana dalam jadual.

Ahli Yang Berhormat telah menyentuh bahawa penjana tenaga elektrik daripada sumber TBB. Untuk makluman semua, mengapa kita hanya memberi fokus kepada beberapa sumber tenaga boleh baharu ini sahaja adalah kerana ianya telah terbukti berkesan ataupun terbukti *viable*. Walaupun begitu, kita masih boleh lagi mengubah atau meminda jadual berkenaan dan memasukkan sumber TBB daripada sumber-sumber lain sekiranya perlu dan telah terbukti dapat dilaksanakan dan ianya memerlukan persetujuan daripada Yang Berhormat Menteri sahaja untuk meminda pada masa yang akan datang, *insya-Allah*.

Tuan Yang di-Pertua, bagi mendapatkan pulangan pelaburan pihak-pihak penjana sama ada penjana berskala besar di bawah 30 megawatt ataupun penjana individu dalam skala yang lebih kecil, pastinya dikehendaki untuk mematuhi syarat dan terma sebagaimana yang diperlukan di bawah Rang Undang-undang TBB ini dan juga permohonan mestilah diajukan kepada Pihak Berkuasa Pembangunan Tenaga Lestari. Ianya terbuka kepada semua, sama ada syarikat yang besar ataupun juga tanpa menafikan hak syarikat yang kecil. Ianya atas kuota yang telah ditetapkan pada setiap tahun. Maka oleh itu, sama ada besar atau kecil, ianya boleh dipohon mengikut kelayakan dan juga berpandukan siapa yang cepat untuk memenuhi kuota pada satu-satu tahun yang berkenaan. Paling besar skalanya adalah tidak melebihi 30 megawatt.

Tentang isu pembiayaan bank dan insentif yang dikatakan agak sukar untuk mendapat kerjasama daripada pihak bank sebagaimana yang ditimbulkan oleh Senator Puan Hajah Noriah binti Mahat, sebenarnya cadangan untuk mewujudkan satu jawatankuasa pemudah cara bagi membantu pemaju untuk mendapatkan pinjaman bank ini memang saya kira satu perkara yang baik. Dan tentang cadangan beliau supaya sebahagian wang daripada dana TBB ini hendaklah digunakan sebagai *soft loan* untuk membantu penjana-penjana yang memerlukan bantuan ini.

#### ■1900

Sebenarnya untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, usaha-usaha memang sedang dilaksanakan untuk berunding dengan pihak-pihak bank, tetapi sekali lagi saya menyatakan bahawa dana TBB yang kita wujudkan ini mestilah penggunaannya sebagaimana yang termaktub di dalam akta ataupun di dalam rang undang-undang dan tidak boleh kita salah guna seperti untuk membantu penjana-penjana ataupun syarikat-syarikat. Akan tetapi mereka tetap masih boleh pergi kepada – kita ada satu *soft loan* dengan izin, di bawah *Malaysian Green Technology Corporation* iaitu *Green Technology Financing Scheme* (GTFS) sebagaimana yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada suatu ketika dahulu dan ia masih lagi terbuka dan masih lagi boleh dipohon asal sahaja mempunyai elemen teknologi hijau dan juga mendapat sijil yang dikeluarkan oleh pihak MGTC. Kemudian bolehlah sijil itu dibawa ke pihak bank yang mengambil bahagian dan urusan seterusnya boleh dibuat secara langsung dengan pihak-pihak bank yang mengambil bahagian.

Seterusnya Yang Berhormat Senator Dr. Syed Husin Ali juga membangkitkan mengenai kecekapan tenaga dalam penghasilan tenaga boleh baharu ini. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, industri biomass sekarang sebenarnya berfungsi pada tahap kecekapan lapan peratus sahaja ataupun lebih rendah dan kadar kecekapan sistem pada tahap 14 peratus adalah berdasarkan kajian dan maklum balas daripada pihak industri biomass tempatan. Jika kadar kecekapan terlalu tinggi dikenakan, saya bimbang atau kementerian bimbang Yang Berhormat, bahawa ianya mungkin tidak akan dapat dipenuhi oleh penjana.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, industri biomass sekarang adalah antara satu sumber yang memang mendapat sambutan dan sudah pun ada beberapa penjana ya. Walaupun mereka pada mulanya memohon untuk berada di bawah program SREP (*Small Renewable Energy Program*), tetapi kepada kumpulan-kumpulan penjana-penjana awal ini yang dulu pernah diluluskan di bawah program SREP misalnya, mereka masih lagi layak dan boleh memohon untuk bertukar kepada mekanisme *Feed-in Tariff* ini, Tuan Yang di-Pertua.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, mengenai isu yang dibangkitkan Yang Berhormat Senator Datuk Akbar bin Ali yang sangat prihatin tentang istilah, sebenarnya pihak kementerian juga pada awalnya sangat prihatin kerana pada awalnya juga kita menggunakan tenaga boleh diperbaharui.

Akan tetapi atas nasihat dan juga cadangan daripada Dewan Bahasa dan Pustaka, bagi istilah "*renewable energy*" dengan izin jabatan ini, pihak Dewan Bahasa yang merupakan pihak berkuasa penyelarasan tunggal berkenaan dengan membentuk, mencipta dan juga membakukan istilah dalam Bahasa Kebangsaan, mereka telah mencadangkan bahawa "*renewable energy*" dengan izin dipadankan dengan "tenaga boleh baharu". Padanan bagi "*renewable energy*" dengan izin, oleh TBB kerana ia merujuk kepada sifat tenaga tersebut iaitu tenaga boleh baharu. Perkataan "boleh diperbaharui" atau "dibaharui" akan membentuk satu kata kerja yang membawa maksud, tenaga itu dijadikan lebih baharu ataupun bertambah baharu. Dalam konteks *renewable energy* ataupun tenaga boleh baharu ini Yang Berhormat, tenaga ini tidak dijadikan lebih atau bertambah tetapi ianya merujuk kepada sifat tenaga itu sendiri iaitu boleh baharu.

Tuan Yang di-Pertua, beberapa Ahli Yang Berhormat juga ada yang menyentuh tentang kewujudan Pihak Berkuasa Pembangunan Tenaga Lestari (SEDA) yang mana itu mungkin nanti saya akan jawab dalam Rang Undang-undang Pihak Berkuasa Pembangunan Tenaga Lestari kerana kita ada satu lagi akta selepas Rang Undang-undang Tenaga Boleh Baharu ini Tuan Yang di-Pertua.

Satu perkara yang disentuh juga oleh Yang Berhormat Senator Dr. Ramakrishnan adalah tentang tenaga nuklear iaitu mengapa tidak termasuk di dalam senarai ataupun jadual tenaga boleh baharu ini. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan juga Dewan yang mulia ini, sebenarnya nuklear adalah merupakan satu sumber tenaga bersih atau *clean energy* dengan izin, dan ianya bukan tenaga hijau ataupun bukan tenaga boleh baharu. Begitu juga bahawa sebenarnya ia memang tidak sesuai dimasukkan di bawah Rang Undang-undang TBB ini dan sementelah lagi pula, sebagaimana yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan semasa penggulungan bekalan tambahan sebentar tadi, bahawa ianya masih lagi di dalam peringkat kajian dan satu jawatankuasa khas MNPC sedang membuat kajian-kajian terperinci yang lebih detil sama ada kita akan meneruskan dengan pembinaan loji jana kuasa nuklear ataupun tidak. Ini kerana ia merupakan opsyen jangka panjang.

Memang pada awalnya kita mencadangkan bahawa ia merupakan salah satu opsyen jangka panjang yang agak baik kerana banyak negara dunia juga yang menggunakan tenaga nuklear ini sebagai penjanaan tenaga, tetapi apabila timbul isu di Jepun baru-baru ini dan sebagainya, maka kerajaan memikirkan bahawa satu program kesedaran atau *awareness program* kepada rakyat Malaysia dengan mengambil kira pelbagai faktor lain yang juga perlu diambil kira dan saya kira ianya akan mengambil masa yang agak panjang. Jadi saya tidak perlu untuk menyentuh secara mendalam tentang nuklear ini di bawah Rang Undang-Undang TBB ini.

Yang Berhormat Dr. Ramakrishnan juga menyentuh tentang kesetaraan grid dalam masa tujuh atau lapan tahun dan tidak harus diberikan subsidi. Untuk makluman, bahawa sistem tarif galakan atau *Feed-in Tariff* ini dengan izin, adalah bertujuan untuk membangunkan teknologi TBB yang berpotensi dan baik untuk negara walaupun hanya boleh mencapai kesetaraan grid ataupun *grid parity* dengan izin, dalam sekitar lapan ke sepuluh tahun.

Dengan adanya sokongan tarif galakkan tersebut, saya kira sistem TBB tersebut akan boleh berkurang dengan wujudnya pembangunan-pembangunan tempatan dalam pasaran.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, saya kira Yang Berhormat Dr. Ramakrishnan juga mencadangkan supaya dapat mengkaji semula sasaran 2,000 megawatt pada tahun 2020 ataupun secara tepatnya 2,080 megawatt dengan meletakkan sasaran yang lebih tinggi penjanaan tenaga melalui sumber TBB ini. Untuk makluman Yang Berhormat, kita memang sudah membuat jadual dengan mengambil kira kewajaran teknologi, kewajaran tempoh, kewajaran melalui *degradation* dan sebagainya. Sekiranya kelak boleh dibuktikan bahawa *adjustment* dengan izin, boleh dilaksanakan dalam sasaran, *insya-Allah* saya kira kementerian tidak mustahil untuk kita membuat penyelarasan semula kepada penjanaan tenaga TBB ini pada kadar yang lebih tinggi. Sekiranya ia *viable*, pastilah ianya merupakan satu penjanaan tenaga yang jauh lebih baik daripada kebergantungan kita kepada sumber bahan api fosil sebagaimana yang kita alami atau kita lalui pada hari ini.

■1910

Yang Berhormat Senator Datuk Hajah Fatimah binti Hamat ada menyentuh tentang pelan strategik kerajaan bagi menyusun semula bekalan elektrik. Tuan Yang di-Pertua, kerajaan sebenarnya telah menubuhkan *Malaysian program office for power electric reform* ataupun MyPower, ya pendeknya untuk menstrukturkan semula industri bekalan elektrik bagi memastikan industri ini berdaya tahan. Antara perkara-perkara yang dikaji, yang disemak melalui penstrukturkan ini adalah melibatkan perkara berikut:

- (i) mengkaji pertindihan fungsi dan peranan setiap kerajaan dan agensi;
- (ii) memperkenalkan konsep *rain fencing* dengan izin, bagi operasi pembekalan elektrik yang pada masa ini dikawal oleh *National Load Dispatch Center* (NLDC), dengan izin;
- (iii) mengasingkan kos penjanaan, penghantaran dan pembahagian dalam menetapkan tarif elektrik kepada para pengguna seperti mana yang dibuat di negara-negara lain seperti di Thailand dan juga Hong Kong; dan
- (iv) memperkenalkan formula *fuel cost pass-through* dengan izin, dalam penetapan tarif elektrik supaya tarif elektrik pada suatu hari kelak mencerminkan kos pembekalan yang sebenar.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Datuk Akbar bin Ali juga mohon penjelasan mengapa kerajaan tidak memberi perhatian pada hidrogen dan juga ingin tahu nilai subsidi yang ditanggung oleh kerajaan. Mengapa sumber hidrogen ini tidak dimasukkan di bawah jadual di bawah Rang Undang-undang Tenaga Boleh Baharu ini.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini sebenarnya sumber hidrogen *fuel* dengan izin, tidak dimasukkan di dalam akta ini kerana ianya masih tiada *commercial value* untuk dilaksanakan ataupun tiada kajian yang sudah membuktikan bahawa ianya wajar buat masa ini untuk kita masukkan. Sumber-sumber yang telah dimasukkan adalah merupakan sumber-sumber yang terbukti berpotensi untuk dilaksanakan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tiada subsidi sebenarnya ditanggung oleh kerajaan untuk melaksanakan *Feed-in Tariff* ini atau tarif galakan ini. Kos bagi pelaksanaan mekanisme ini adalah diperolehi melalui sumbangan oleh pengguna daripada tarif elektrik, sebagaimana yang saya jelaskan awal tadi Yang Berhormat. Kalau pada satu ketika kelak Yang Berhormat mempunyai bukti, sudah membuat kajian misalnya, bahawa sumber hidrogen ini wajar untuk kita masukkan sebagai sumber bersih dan hijau, saya kira boleh *submit* atau boleh panjangkan kepada pihak Berkuasa Pembangunan Tenaga Lestari. Boleh kita buat rumusan bersama sama ada ianya wajar ataupun tidak untuk kita pinda jadual dan masukkan dengan izin, Yang Berhormat.

Juga satu perkara yang telah disentuh oleh Yang Berhormat yang sama adalah mengapa perhatian yang lebih kita berikan kepada solar *photovoltaic* ataupun fotovolt suria. Ini kerana tenaga yang dijana ini dikatakan tidak bersih dengan kos juga agak mahal Yang Berhormat. Sebenarnya sistem tarif galakan adalah bersifat adil. Kita cuba seadil-adilnya dan memberi peluang kepada semua teknologi TBB yang sudah terbukti dan dapat dibangunkan lebih berdaya maju.

Sistem solat PV merupakan satu-satunya teknologi yang boleh dipasang di rumah-rumah dan memberi manfaat terus kepada rakyat. Maknanya perseorangan pun boleh memasang di rumah dan lebihannya boleh disalurkan atau dijual dengan disambung kepada Grid Nasional iaitu pada utiliti TNB. Tambahan pula Yang Berhormat Malaysia mendapat cahaya matahari yang begitu banyak sepanjang tahun. Oleh itu kita fikirkan adalah amat wajar agar tenaga solar PV dapat dibangunkan dengan sokongan daripada rakyat jelata. Teknologi tersebut juga tidak menghasilkan sebarang pencemaran alam sekitar sepanjang tempoh hayat operasinya.

Mengenai hujah Yang Berhormat Puan Hajah Mumtaz tentang berapakah had minima kapasiti TBB bagi setiap penjana TBB. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tiada had minima yang ditetapkan akan tetapi had maksima ada. Namun had minima itu terpaksa dikaji oleh penjana, individu ataupun syarikat yang hendak masuk dalam skim tarif galakan ini mengikut kewajaran untuk – yang sesuai dengan *economy soft skill*. Ini supaya dapat memberi pulangan yang sewajarnya.

Begitu juga dengan satu isu yang ditimbulkan, apakah pihak berkuasa tempatan akan perlu untuk meminda ataupun mengadakan enakmen ataupun undang-undang baru untuk menggalakkan TBB ini, khasnya dari segi sumber mini hidro. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator Puan Hajah Mumtaz pun tidak ada dalam ini.

Akan tetapi untuk makluman semua jugalah ya, sebenarnya jika penjanaan elektrik dari sumber mini hidro di bawah akta ataupun Rang Undang-undang Tenaga Boleh Baharu ini, pihak berkuasa tempatan memang boleh dibenarkan untuk menyertai termasuklah kerajaan negeri. Ia mestilah melalui anak syarikat ataupun melalui kerjasama dengan satu syarikat.

FIT ini, saya kira Yang Berhormat kalau menyentuh tentang *local council* ataupun pihak berkuasa tempatan yang begitu banyak mengumpulkan sisa-sisa pepejal daripada pembuangan sampah dan sebagainya memang digalakkan, dialu-alukan untuk menjana elektrik daripada hasil sisa pepejal ini. Sekiranya keperluan kelulusan daripada pihak berkuasa negeri misalnya hidro memerlukan kelulusan daripada pihak berkuasa negeri ataupun sisa pepejal melalui PBT, keperluan-keperluan kelulusan daripada pihak kerajaan negeri ataupun daripada pihak-pihak berkuasa kerajaan tempatan yang berkenaan, kita memang tidak ada kuasa untuk memaksa.

Akan tetapi kesedaran mestilah sama-sama diberikan oleh kerajaan negeri dan juga pihak berkuasa tempatan bahawa kerjasama semua pihak ini sangat-sangat penting untuk menjayakan negara untuk mendapat ataupun menjana tenaga elektrik yang lebih bersih dan selamat kepada kehidupan dan juga alam sekitar. Tentang prosedur penjanaan TBB untuk memohon tarif galakan ini, Yang Berhormat Senator Puan Hajah Mumtaz juga bahawa ianya saya kiranya bolehlah untuk akses kepada *website* kita [www.seda.gov.my](http://www.seda.gov.my). Boleh secara manual mohon dan juga boleh secara *online*.

Saya kira tidak ada masalah juga untuk kita pihak kementerian untuk mengedarkan tentang *flow chart* cara permohonan dan sebagainya termasuklah tempoh ataupun bilangan hari, anggaran bilangan hari yang diperlukan daripada mula memohon pada pihak berminat mula memohon sampailah kepada dapat menyambung kepada grid TNB ataupun Grid Nasional. Saya kira itu akan menjadi satu garis panduan yang cukup baik untuk semua yang berminat.

Tuan Yang di-Pertua, juga ada disentuh oleh Yang Berhormat yang sama iaitu Puan Hajah Mumtaz, pihak mana yang akan memantau dan memastikan TBB ini tidak dijana secara curang. Sebenarnya pihak SEDA ataupun pihak berkuasa Pembangunan Tenaga Lestari yang selepas ini akan kita bentangkan rang undang-undang nya adalah satu badan berkanun yang akan bertanggungjawab memantau pelaksanaan TPB dengan sokongan daripada pihak Suruhanjaya Tenaga dan juga dengan kerjasama syarikat utiliti seperti TNB dan juga di Sabah SESB.

Saya kira ini termasuk dalam skop penguatkuasaan undang-undang sebagaimana yang termaktub di dalam Rang Undang-undang Tenaga Boleh Baharu ini. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Dr. Ramakrishnan juga ada bertanya mengapa 1 peratus dikenakan kepada pengguna dan tidak kita cadangkan mengambil ataupun dipotong daripada gas subsidi kepada IPP untuk menubuhkan dana TBB ini. Sebenarnya Yang Berhormat cadangan potongan daripada subsidi gas kepada IPP ini sebagai sumber TBB ini tidak dapat kita laksanakan kerana subsidi yang dimaksudkan kepada IPP ini bukanlah dalam bentuk tunai. Ianya bukan dalam bentuk tunai dan ia adalah dari segi pengurangan harga gas sahaja.

Pengurangan harga gas kepada penajaan elektrik di kalangan IPP dan ianya adalah hasil yang tidak dapat dikutip oleh pihak kerajaan.

■ 1920

Sebagaimana saya kata tadi, untuk pengguna tenaga elektrik yang di bawah 200 kilowatt jam mereka tidak kita kutip satu peratus ini. Bermakna kita hanya mengutip kepada pengguna yang menggunakan elektrik pada kadar yang banyak. Lagi banyak dia guna, lagi banyak dia kena carum ataupun dia kena akan dikutip. Maksudnya dalam konsep *polluters pay more*. Jadi itu juga turut menggalakkan penggunaan tenaga secara lebih berhemah dan penjimatan.

Begitu juga akhir sekali Tuan Yang di-Pertua adalah tentang perkembangan *Research and Development* (R&D) dengan izin, untuk TBB di masa hadapan...

**Datuk Akbar bin Ali:** *[Bangun]*

**Puan Noriah binti Kasnon:** Sekejap ya Yang Berhormat, sekejap ya Yang Berhormat. Di bawah salah satu teras dasar dan pelan tindakan TBB, kementerian sedang bekerjasama dengan MOSTI dengan Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar untuk menyediakan *roadmap*, bukan sahaja untuk *roadmap* atas hala tuju TBB ini tetapi juga membuat kajian tentang beberapa sumber lagi yang boleh mungkin dimasukkan di bawah Rang Undang-undang Tenaga Boleh Baharu ini pada masa akan datang seperti haba suria, geoterma, angin dan sebagainya. Silakan Yang Berhormat.

**Datuk Akbar bin Ali:** Terima kasih Yang Berhormat... *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih, terima kasih.

**Puan Noriah binti Kasnon:** Minta maaf saya tidak dengar Yang Berhormat.

**Datuk Akbar bin Ali:** Saya SDP – ‘simpan dalam perhatian’.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Teruskan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah:** Minta Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya minta mengenai SCORE. Kenapa SCORE - tenaga boleh baharu di Sarawak tidak dijalankan ataupun tidak di *implement* dengan begitu cekap? Apa sudah jadi pada SCORE di Sarawak?

**Puan Noriah binti Kasnon:** Terima kasih Yang Berhormat Dr. Ramakrishnan kerana prihatin tetapi bukan Yang Berhormat seorang yang prihatin tentang SCORE ataupun hidroelektrik Bakun ini, semua lapisan masyarakat. Akan tetapi Yang Berhormat saya minta maaf kerana ia tidak termaktub di bawah lingkungan perbincangan tentang Rang Undang-undang Tenaga Boleh Baharu pada hari ini Yang Berhormat kerana mungkin dalam platform lain boleh kita bincangkan dan ia juga adalah di bawah kerajaan negeri. Untuk makluman Rang Undang-undang Tenaga Boleh Baharu ini tidak akan *cover* dengan izin, negeri Sarawak. Hanya di Semenanjung dan juga di Sabah.

Saya kira Tuan Yang di-Pertua itu sahaja antara perkara yang dapat saya jawab. Perkara-perkara yang mungkin simpan dalam perhatian, mungkin perkara-perkara yang tidak saya dapat jawab secara jelas, secara *detail*, *insya-Allah* kita boleh berbincang di luar dan saya sekali lagi amat menghargai sokongan untuk melaksanakan ataupun meluluskan Rang Undang-undang Tenaga Boleh Baharu 2010. Jutaan terima kasih, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujukan.

Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

*Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.*

[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]

Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa.

**Fasal-fasal 1 hingga 63** diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang.

**Jadual** diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang.

Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang.

*Majlis Mesyuarat bersidang semula.*

[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]

Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

## **RANG UNDANG-UNDANG PIHAK BERKUASA PEMBANGUNAN TENAGA LESTARI 2010**

### **Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

**7.27 ptg.**

**Timbalan Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air [Puan Noriah binti Kasnon]:** *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu rang undang-undang bernama suatu akta untuk mengadakan peruntukan bagi penubuhan Pihak Berkuasa Pembangunan Tenaga Lestari Malaysia dan untuk mengadakan peruntukan bagi fungsi dan kuasanya dan bagi perkara yang berkaitan dengannya dibacakan kali yang kedua sekarang.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat.

**Puan Noriah binti Kasnon:** Dengan izin Tuan Yang di-Pertua. Bagi melaksanakan dan menguatkuasakan Akta Tenaga Boleh Baharu 2010 dan menyokong pelaksanaan mekanisme *Feed-in Tariff* dengan izin, sebuah badan berkanun iaitu Pihak Berkuasa Pembangunan Tenaga Lestari Malaysia akan ditubuhkan, di mana penubuhan serta fungsi-fungsi dan tanggungjawabnya adalah tertakluk di bawah peruntukan Rang Undang-undang Pihak Berkuasa Pembangunan Tenaga Lestari Malaysia.

Penubuhan Pihak Berkuasa Pembangunan Tenaga Lestari Malaysia adalah amat kritikal dalam memastikan kejayaan pelaksanaan mekanisme *Feed-in Tariff* untuk memacu pembangunan TBB dalam negara.

Rang Undang-undang Pihak Berkuasa Pembangunan Tenaga Lestari Malaysia bertujuan untuk mewujudkan badan berkanun yang mantap di peringkat nasional bagi industri TBB negara. Pewujudan Pihak Berkuasa Pembangunan Tenaga Lestari Malaysia adalah sebuah badan berkanun diasaskan kepada prinsip bebas dan berkecuali, telus serta profesional. Ia juga akan menjadi *focal point* dengan izin, dalam negara dalam semua aspek pembangunan tenaga boleh baru dalam negara di peringkat antarabangsa.

Rang undang-undang ini mengandungi enam bahagian dan 49 fasal. Bahagian-bahagian Rang Undang-undang Pihak Berkuasa Pembangunan Tenaga Lestari Malaysia merangkumi perkara-perkara berikut.

Bahagian I – bahagian ini yang terdiri daripada fasal 1 dan fasal 2 yang memperincikan tajuk dan takrif perkataan yang digunakan di dalam akta yang dicadangkan serta pemakaiannya di seluruh Malaysia. Walau bagaimanapun Menteri mempunyai kuasa untuk menentukan tarikh kuat kuasa akta ini dan juga peruntukan-peruntukan yang berlainan akta ini di bahagian-bahagian berlainan di Malaysia menerusi pemberitahuan dalam warta.

Bahagian II - bahagian ini yang terdiri daripada fasal 3 hingga fasal 14 memperincikan penubuhan Pihak Berkuasa Pembangunan Tenaga Lestari Malaysia termasuk peruntukan mengenai kuasa Menteri untuk melantik anggota Pihak Berkuasa Pembangunan Tenaga Lestari Malaysia yang terdiri daripada seorang pengerusi dan tidak kurang daripada enam tetapi tidak melebihi daripada sebelas orang anggota Pihak Berkuasa Pembangunan Tenaga Lestari Malaysia;

#### ■1930

Bahagian III – bahagian ini yang terdiri daripada fasal 15 hingga fasal 21 menyentuh mengenai fungsi dan kuasa Pihak Berkuasa Pembangunan Tenaga Lestari Malaysia termasuk kuasa kepada menteri untuk memberi arahan kepada Pihak Berkuasa Pembangunan Tenaga Lestari Malaysia;

Bahagian IV – bahagian ini yang terdiri daripada fasal 22 hingga fasal 28 menyentuh mengenai peruntukan yang berhubung dengan pekerja-pekerja Pihak Berkuasa Pembangunan Tenaga Lestari Malaysia termasuk tugas-tugas yang perlu dilaksanakan oleh Ketua Pegawai Eksekutif Pihak Berkuasa Pembangunan Tenaga Lestari Malaysia dan pelantikan pekerja-pekerja serta syarat perkhidmatan;

Bahagian V – bahagian ini yang terdiri daripada fasal 29 hingga fasal 38 berkaitan dengan penubuhan Kumpulan Wang Pihak Berkuasa Pembangunan Tenaga Lestari Malaysia dan perbelanjaan yang dipertanggungjawabkan kepada kumpulan wang tersebut. Ianya juga memperuntukkan kuasa untuk meminjam oleh Pihak Berkuasa Pembangunan Tenaga Lestari Malaysia dan pelaburan yang boleh dilakukan oleh Kumpulan Wang Pihak Berkuasa Pembangunan Tenaga Lestari tertakluk kepada kelulusan Menteri Kewangan.

Bahagian VI - bahagian ini yang terdiri daripada fasal 39 hingga fasal 49 berkaitan dengan peruntukan-peruntukan am yang meliputi antaranya pendakwaan kesalahan di bawah akta ini termasuk obligasi kerahsiaan anggota Pihak Berkuasa Pembangunan Tenaga Lestari Malaysia.

Fungsi Pihak Berkuasa Pembangunan Tenaga Lestari Malaysia - Pihak Berkuasa Pembangunan Tenaga Lestari Malaysia akan bertindak sebagai badan pelaksana Akta TBB dan diasaskan kepada prinsip telus serta profesional. Ia bertanggungjawab untuk memacu industri TBB yang merupakan bidang baru yang telah dikenal pasti dalam sektor ekonomi negara. Antara fungsi-fungsi utama Pihak Berkuasa Pembangunan Tenaga Lestari adalah seperti berikut;

- (i) menasihati menteri dan entiti kerajaan yang berkaitan dengan segala perkara yang berhubungan dengan tenaga lestari;
- (ii) melaksanakan objektif dasar negara bagi tenaga boleh baharu;
- (iii) melaksanakan, menguruskan dan memantau serta mengkaji semula sistem tarif galakan;
- (iv) melaksanakan undang-undang tenaga lestari dan mengesyorkan pembaharuan kepada undang-undang tersebut;
- (v) menggalakkan pelaburan sektor swasta dalam sektor tenaga lestari;
- (vi) melaksanakan dan menggalakkan aktiviti penyelidikan dan inovasi yang berkaitan dengan tenaga lestari;
- (vii) melaksanakan latihan atau program lain yang berkaitan dengan pembangunan sumber manusia dan pembinaan keupayaan dalam sektor tenaga lestari;
- (viii) melaksanakan langkah-langkah bagi menggalakkan penyertaan orang awam dan menambah baik kesedaran mengenai perkara yang berhubungan dengan tenaga lestari; dan
- (ix) bertindak sebagai agensi utama dalam perkara yang berhubungan dengan tenaga lestari dan perkara berkaitan dengan pemanasan sejagat yang berhubungan dengan tenaga.

Tuan Yang di-Pertua, pengurusan dan penggunaan sumber tenaga yang mapan adalah amat penting bagi sesebuah negara kerana tenaga adalah asas utama pembangunan negara. Oleh yang demikian apa-apa polisi dan perancangan kerajaan masa hadapan yang berkaitan dengan pembangunan tenaga lestari perlu dilaksanakan oleh Pihak Berkuasa Pembangunan Tenaga Lestari. Dengan ni kerajaan akan mengoptimumkan penggunaan sumber manusia yang sedia ada untuk mencapai aspirasi kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Puan Heng Seai Kie]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah bahawa rang undang-undang bernama suatu akta untuk mengadakan peruntukan bagi Penubuhan Pihak Berkuasa Pembangunan Tenaga Lestari Malaysia dan untuk mengadakan peruntukan bagi fungsi dan kuasanya dan bagi perkara yang berkaitan dengannya dibaca kali kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Ahli-ahli Yang Berhormat tidak ada yang hendak berbahas? Yang Berhormat Puan Hajah Zainun binti A. Bakar hendak bahaskah hendak balik?... *[Ketawa]*

**Puan Hajah Zainun binti A. Bakar:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, panjang tidak?

**Puan Hajah Zainun binti A. Bakar:** Sedikit sahaja.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Panjang, setengah jam?

**Puan Hajah Zainun binti A. Bakar:** Sedikit sahaja.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat boleh selesaikan sebelum 7.45? Boleh?

**Puan Hajah Zainun binti A. Bakar:** Lima minit tidak boleh.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Masa 15 minit? Tidak boleh. Tidak boleh, esok sahaja ya? Oleh sebab saya boleh tambah masa 7.30 selama 15 minit sahaja. Jadi, kalau panjang kita sambung esok. Minta maaf Yang Berhormat.

Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga jam 10.00 pagi, Khamis 28 April 2011. Terima kasih.

***Dewan ditangguhkan pada pukul 7.35 malam.***